

PENDAHULUAN

0.1 LATAR BELAKANG KAJIAN

Sumbangan ulama Melayu dalam bidang penulisan banyak memberi pengaruh dan kesan kepada perkembangan Islam di Nusantara. Pelbagai usaha dilakukan demi menjaga autoriti hadith antaranya penghasilan karya-karya berbentuk kajian terhadap metode penulisan hadith, *takhrīj*, syarah, terjemahan, dan sebagainya. Penghasilan karya-karya hadith ini dilihat sebagai sebuah usaha murni ulama dalam memelihara sumber kedua syariat Islam iaitu hadith Rasulullah SAW. Usaha ulama-ulama ini tidak terhenti begitu sahaja walaupun ditelan zaman, malah semakin mendapat perhatian dan menarik minat para pensyarah hadith atau pengkaji ilmu untuk mengkaji dan meneliti hasil-hasil karya ulama-ulama silam. Karya-karya tersebut dijadikan sebagai bahan bacaan, rujukan serta kajian dalam usaha menyebarkan ajaran agama kepada seluruh umat Islam khususnya masyarakat Islam di Nusantara. Oleh kerana bilangan karya-karya hadith yang begitu banyak tersebar dalam masyarakat rantau, maka para pengkaji ilmu perlu memiliki ilmu pengetahuan berkaitan prinsip atau metode untuk memahami sesebuah kitab.

Nama-nama besar seperti Tok Kenali (w.1352 H),¹ Syeikh Haji Abdullah Fahim (w.1380 H),² Ustaz Abu Bakar al-Baqir³ (w.1393 H), Idris al-Marbawi (w.1410 H),⁴

¹ Nama sebenar beliau ialah Muhammad Yusuf bin Ahmad atau lebih dikenali dengan nama Tok Kenali. Dilahirkan pada 1870 M di Kampung Kubang Kerian, Mukim Kenali, Kota Bharu, Kelantan. Menurut Abdullah al-Qari (seorang pengarang dan penulis buku dalam pelbagai bidang), Tok Kenali ialah seorang tokoh ilmuwan, ulama, serta guru agama di Nusantara pada awal abad ke-20 Masihi. Selain itu, Tok Kenali juga turut terkenal dengan kelebihan beliau yang dikurniakan Allah, atau dipanggil karamah. Lihat Abdullah al-Qari Haji Salleh, "Tok Kenali Penggerak Ummah," (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2009), 5.

² Nama sebenar beliau adalah Haji Abdullah bin Ibrahim atau lebih dikenali Syeikh Haji Abdullah Fahim. Lahir di Tanah Suci Mekah pada tahun 1870 di satu tempat yang tidak jauh dari Masjidil Haram yang bernama Shuib Ali. Sangat mencintai ilmu serta mempunyai kelulusan dalam lebih daripada 15 bidang ilmu Islam. Merupakan seorang ahli Falak dan kesusateraan Arab. Beliau juga adalah datuk kepada bekas Perdana Menteri Malaysia iaitu Y.A.B Datuk Seri Abdullah bin Ahmad Badawi. Pernah menjadi guru agama di pondok, Mufti Negeri Pulau Pinang, juga turut memberi sumbangan dalam pembentukan sejarah

Haji Abdullah Abbas Nasution (w.1407 H), dan ramai lagi sudah lama meniti di bibir-bibir para ahli ilmu dan sejarawan-sejarawan negara. Mereka ini hakikatnya bagaikan suatu anugerah yang dikurniakan Allah kepada seluruh alam Melayu di atas jasa dan keringat yang dicurahkan oleh mereka dalam mengkayakan khazanah ilmu melalui pemikiran-pemikiran ulama-ulama ulung ini.

Melalui penulisan mereka menghasilkan karya-karya dengan tujuan menyampaikan ilmu yang bermanfaat kepada masyarakat. Antara tujuan utama ulama ini menulis kitab jawi adalah untuk memenuhi keperluan masyarakat Melayu yang kurang memahami dan menguasai bahasa Arab. Ada juga yang menulis kitab jawi demi memenuhi permintaan sahabat-sahabat mahupun atas permintaan orang-orang tertentu. Contohnya sumbangan seorang ulama tersohor lagi dikenali oleh masyarakat Melayu dahulu hinggalah kini iaitu Syeikh Muhammad Idris bin Abdul Rauf al-Marbawi (w.1410H) yang telah melakukan penterjemahan terhadap kitab Tafsir Surah Yasin yang merupakan karangan asal Muhammed bin ‘Alī bin Muhammed al-Syāwkānī. Pada mukaddimah kitab terjemahan tersebut ada dinyatakan bahawa: “*Adapun kemudian daripada itu, maka telah menuntut kepada hamba oleh Shārikah wa Maktabah wa Matba’ah Muṣṭafā al-Bābī al-Halāby wa Aulāduhu, Mesir bahawa hamba terjemahkan Tafsir Yasin karangan al-Syāwkānī daripada Arab kepada Melayu..*”⁵

Malaysia. Beliau meninggal dunia pada 8 pagi, 28 April 1961 di rumahnya di Kepala Batas, Pulau Pinang. Lihat Tajuddin Saman dan Ab. Manaf Haji Ahmad, *Tokoh-tokoh Agama dan Kemerdekaan di Alam Melayu* (Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM), 2005), 1-11.

³ Beliau adalah Abu Bakar bin Said atau lebih dikenali dengan nama Abu Bakar al-Baqir. Dilahirkan pada tahun 1907 M di Gunung Semanggol, Perak. Seorang tokoh agama yang terkenal dan dihormati di Tanah Melayu satu ketika dahulu. Beliau merupakan anak murid kepada seorang ulama terkenal iaitu Syeikh Abdullah Fahim dan turut mendapat gelaran “al-Baqir” daripada gurunya itu. Lihat Khairul Nizam Zainal Badri, *Ketokohan dan Pemikiran Abu Bakar al-Baqir* (Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd., 2008), 5 dan 9.

⁴ Beliau adalah Muhammed Idris bin Abdul Rauf al-Marbawi. Lahir pada 1 November 1893 M/22 Jamadil Awal 1313 H di al-Masfalah berdekatan dengan kota Mekah. Berasal dari Kg. Lubok Merbau, Kuala Kangsar, Perak. Pernah dianugerahi dengan gelaran Tokoh Ma’al Hijrah bagi tahun 1408 H dan merupakan penerima pertama anugerah tersebut. Pengarang kepada kamus terkenal iaitu Kamus al-Marbawī, Bahr al-Madhi, Tafsir Surah Yasin serta beberapa buah karya lain yang merangkumi pelbagai bidang. Beliau telah meninggal dunia pada 8.40 pagi, 14 Rabiul Awal 1410 H, ketika berusia 96 tahun dan telah disemadikan di kampung halaman beliau di Lubok Merbau berselahan pusara isterinya Hajjah Khadijah Mohd. Adham. Lihat *Biografi Tokoh Ma’al Hijrah Peringkat Kebangsaan 1408-1426 H* (Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), 2006), 2 dan 18.

⁵ Penulis berpeluang melihat sendiri tafsir Surah Yasin yang dikarang oleh Al- Syawkānī yang telah diterjemahkan oleh Syeikh Idris al-Marbawi di rumah Ustaz Haji Abdullah al-Qari. Haji Abdullah al-Qari (Tokoh Ilmuwan), dalam temubual dengan penulis, 12 Februari 2010.

Jelas di sini bahawa tanggungjawab para ulama sangat besar dalam menyebar agama Islam kepada masyarakat. Ulama berperanan mengubah kehidupan masyarakat ke arah kebaikan serta memudahkan masyarakat dalam memahami, mempelajari serta mendalami ilmu agama Islam. Ini bertepatan dengan tuntutan syarak yang menyuruh umatnya supaya menuntut ilmu demi kesejahteraan dan kesempurnaan hidup di dunia dan di akhirat.

Seorang lagi ulama Melayu yang berasal dari Pulau Pinang yang turut mewarnai arena penulisan karya-karya dalam bidang hadith adalah Ustaz Abdul Halim al-Hadi. Nama beliau tidaklah begitu terkenal jika dibandingkan dengan ulama-ulama tersohor seperti Tok Kenali dan sebagainya. Justeru penulis ingin menonjolkan ketokohan, kewibawaan serta ketinggian ilmu tokoh ini dalam bidang penulisan kitab-kitab hadith. Usaha beliau wajar dipuji dan dijadikan contoh kepada generasi hari ini memandangkan kurangnya pengarang atau pensyarah-pensyarah hadith dari kalangan orang Melayu yang mensyarahkan hadith-hadith dari kitab *Sahīhayn*. Tokoh ini wajar diangkat dan dijadikan inspirasi kepada para pengkaji dan penuntut-penuntut ilmu dalam bidang hadith serta karya beliau perlu diberi perhatian khusus terutama sekali kitab yang mensyarahkan hadith-hadith *Sahīh al-Bukhārī* iaitu kitab yang berjudul ‘*Ilhām al-Bārī Sharḥ Sahīh al-Bukhārī Bahasa Melayu*.’

0.2 MASALAH KAJIAN

Penulis menfokuskan kepada beberapa permasalahan kajian justeru menjawab segala permasalahan yang timbul di dalam kajian ini.

- i. Apakah metodologi syarah hadith yang digunakan oleh pengarang Kitab *Ilhām al-Bārī Syarḥ Sahīh al-Bukhārī Bahasa Melayu*.

- ii. Sejauhmanakah Ustaz Abdul Halim al-Hadi mengaplikasikan ilmu hadith *riwāyah* dan *dirāyah* di dalam kitab *Ilhām al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī Bahasa Melayu*
- iii. Bagaimanakah metode Ustaz Abdul Halim al-Hadi dalam mempersempahkan *Fiqh al-Hadīth* di dalam *Ilhām al-Bārī Syarḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī Bahasa Melayu*?

0.3 OBJEKTIF KAJIAN

Penulis menjadikan objektif kajian sebagai garis panduan dalam menjalankan kajian.

Antara objektif-objektif penulis dalam menghasilkan kajian adalah :

- i- Menganalisis metodologi syarah hadith yang digunakan oleh Ustaz Abdul Halim al-Hadi.
- ii- Mengenalpasti aplikasi ilmu hadith *riwāyah* dan *dirāyah* di dalam kitab *Ilhām al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī Bahasa Melayu*.
- iii- Menganalisis metode *Fiqh al-Hadīth* Ustaz Abdul Halim dalam mensyarah hadith.

0.4 KEPENTINGAN KAJIAN

Dalam memelihara autoriti sesebuah hadith, para ulama telah memainkan peranan penting dalam memelihara dan memartabatkan kedudukan hadith supaya sentiasa berada pada kedudukan yang sebenar iaitu sebagai sumber kedua selepas al-Qur'an al-Karīm. Pelbagai usaha dilakukan contohnya membuat penilaian semula terhadap penulisan-penulisan yang dihasilkan antaranya usaha mentakhrij semula hadith-hadith

di dalam kitab jawi, serta membuat kajian terhadap metodologi penulisan dan kajian terhadap tokoh. Usaha ini dilihat sebagai satu langkah yang positif malah semakin ramai pengkaji kitab serta pensyarah-pensyarah hadith pada masa kini menunjukkan minat yang serius dan mendalam kepada karya-karya penulisan jawi di alam Melayu. Dengan kajian sebegini, banyak input yang boleh diperolehi antaranya mengetahui tentang keperibadian dan kewibawaan seseorang tokoh dalam menghasilkan karya-karya penulisan. Selain itu, pengkaji atau pensyarah-pensyarah kitab hadith dapat mengenalpasti metodologi yang digunakan oleh pengarang kitab dalam menghasilkan karya penulisan mereka. Malah ia memberi keseronokan dan kemudahan kepada pengkaji-pengkaji kitab untuk memahami serta mengaplikasikan metodologi tersebut di dalam penulisan-penulisan mereka nanti.

Menurut saudari Noor Azma binti Mohamad Khassim⁶ di dalam kajian ilmiah beliau bertajuk “Sumbangan Sheikh Abdul Halim al-Hadi Kepada Pengajian Hadith,” beliau menyatakan bahawa Ustaz Wan Mohd Saghir menyatakan yang beliau masih belum menemui kitab syarah hadith yang mensyarahkan *Sahīh al-Bukhārī* dalam bahasa Melayu melainkan hanyalah terjemahan dan ringkasan yang dilakukan terhadap *Sahīh al-Bukhārī*.⁷ Melalui kata-kata beliau ini dapatlah dikatakan bahawa kitab *Ilhām al-Bārī Sharḥ Sahīh al-Bukhārī Bahasa Melayu* ini antara kitab terawal dalam bahasa Melayu yang mensyarahkan hadith *Sahīh al-Bukhārī*. Justeru kitab ini perlu diberi perhatian sewajarnya samada untuk dikaji semula oleh pengkaji-pengkaji kitab syarah atau disebar kepada masyarakat amnya.

Penulis berminat mengkaji kitab *Ilhām al-Bārī Sharḥ Sahīh al-Bukhārī Bahasa Melayu* memandangkan kitab ini merupakan karya hadith dalam bahasa Melayu yang

⁶ Beliau adalah calon Ijazah Sarjana Muda Usuluddin dibawah seliaan Prof. Madya Dr. Abdul Hayei Abdul Sukor. Kajian ilmiah beliau telah siap pada tahun 2003.

⁷ Noor Azma binti Mohamad Khassim, “Sumbangan Sheikh Abdul Halim al-Hadi kepada pengajian hadith,” (Kuala Lumpur: Jabatan Al-Qur'an dan Hadith, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2003), 79.

mensyarahkan hadith-hadith dari kitab *Sahīh al-Bukhārī*. Kitab ini juga wajar didedahkan kepada masyarakat khususnya masyarakat Islam di Malaysia agar sama-sama mengambil manfaat daripada kitab tersebut.

0.5 SKOP KAJIAN

Penulis akan memfokuskan kajian ini kepada keseluruhan kitab iaitu sebanyak 8 jilid. Tumpuan akan dibuat terhadap metodologi Ustaz Abdul Halim al-Hadi dalam mensyarahkan hadith, pengaplikasian metodologi beliau di dalam ilmu hadith *riwāyah* dan *dirāyah* serta metodologi beliau di dalam mempersebahkan *fīqh al-hadīth*.

Selain itu, penulis akan membuat ulasan terhadap kitab ini dari aspek kekuatan dan kelemahannya.

0.6 KAJIAN LEPAS

Penulis telah melakukan beberapa sorotan kajian lepas bagi memastikan tiada pengulangan fakta atau membuat kajian yang sama dengan penulis-penulis yang lepas. Penelitian terhadap maklumat berkaitan tokoh dan kaedah-kaedah penulisan juga turut dilakukan bagi membantu penulis menghasilkan idea-idea baru disamping menambah info-info berkaitan kajian yang dibuat oleh penulis.

Noor Azma binti Mohamad Khassim,⁸ telah menghasilkan sebuah kajian ilmiah yang bertajuk “Sumbangan Sheikh Abdul Halim al-Hadi kepada pengajian hadith.” Kajian ilmiah ini menumpukan kepada beberapa topik perbincangan yang berkaitan dengan sumbangan Ustaz Abdul Halim al-Hadi dalam pengajian hadith. Antaranya

⁸ Noor Azma binti Mohamad Khassim, “*Sumbangan Sheikh Abdul Halim al-Hadi kepada pengajian hadith*,” 79.

ialah latar belakang kehidupan tokoh, serta sumbangan beliau dalam pengajian hadith. Kajian yang dibuat oleh Noor Azma hanya memfokuskan kepada metodologi pengarang kitab dalam *Kitāb al-‘Ilm* yang terdapat di dalam kitab *Ilhām al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī Bahasa Melayu*. Oleh yang demikian, kajian beliau ini tidak menyentuh kesemua bab yang terdapat di dalam kitab *Ilhām al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī Bahasa Melayu* yang dikaji oleh penulis.

Kajian yang kedua ialah penulisan disertasi yang dibuat oleh Abd Ur Rahman bin Mohamed Amin dengan disertasi beliau yang bertajuk “*Sumbangan Haji Abdul Halim al-Hadi dalam bidang Hadith: Tumpuan kepada kitab Tajdhīb Aṭrāf al-Hadīth*.” Beliau memfokuskan kepada riwayat hidup Ustaz Abdul Halim al-Hadi serta sumbangannya di dalam bidang hadith. Selain itu, tumpuan juga diberikan terhadap metodologi penulisan dan penyusunan kitab, sumber ambilan hadith, metodologi penterjemahan dan huraian hadith serta pemikiran Ustaz Abdul Halim al-Hadi dalam terjemahan hadith yang terdapat di dalam kitab *Tajdhīb Aṭrāf al-Hadīth*.

Kedua-dua kajian ini menjurus kepada sumbangan dan ketokohan Ustaz Abdul Halim al-Hadi dalam bidang hadith di samping memfokuskan kepada beberapa aspek penting dalam kajian terhadap kitab yang dipilih.

Selain itu, penulis juga menjadikan beberapa kertas kerja berkaitan syarah hadith untuk dijadikan rujukan. Antaranya satu kertas kerja yang ditulis oleh Siti Sarah binti Zainal Abidin⁹ yang bertajuk “Perkembangan Syarah Hadith di Malaysia.” Kajian beliau memfokuskan kepada perkembangan pengajian syarah hadith di Malaysia secara amnya. Dalam penulisan tersebut, beliau mengupas sejarah perkembangan syarah hadith di Malaysia sehingga menjadi sebuah disiplin ilmu yang penting dalam bidang hadith.

⁹ Siti Sarah binti Zainal Abidin, MA, adalah bekas pelajar di Jabatan al-Qur'an dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

A. Hasan Asy‘ari Ulama’i,¹⁰ beliau telah menulis sebuah artikel berkenaan syarah hadith yang bertajuk “Sejarah dan Tipologi Syarah Hadis.” Di dalam kertas kerja tersebut, beliau membahaskan beberapa tajuk penting yang meliputi sejarah dan perkembangan hadith, serta mengemukakan metode syarah hadith yang di sebut di dalam kitab-kitab yang ditulis oleh ulama *mutaqaddimīn* seperti al-Mubārakfūrī, Muḥammad Abū Shuhbah, Dr. ‘Uthman al-Kāshit dan beberapa ulama hadith yang lain. Sebahagian ulama hadith tersebut ada yang menyatakan langkah-langkah pensyaranan hadith, yang diaplikasi dalam kitab yang disyarah oleh mereka seperti Khalīl Muḥammad al-Saḥar Nufūrī, Muḥammad Zakariyya al-Kandahlāwī dan lain-lain.

Penulis turut membuat sorotan terhadap tesis phD, disertasi dan kertas kerja yang berkaitan metodologi penulisan hadith. Ini bagi membantu penulis mendapatkan maklumat-maklumat tambahan berkaitan dengan tajuk yang dikaji.

Antaranya sebuah tesis phD yang ditulis oleh Faisal bin Ahmad Shah¹¹ bertajuk “Metodologi Penulisan Mohamed Idris al-Marbawi dalam *Baḥr al-Mādhī*.” Kajian ini memfokuskan kepada metodologi penulisan hadith yang diaplikasikan oleh al-Marbawi dalam kitab beliau *Baḥr al-Mādhī*, sebuah kitab yang mensyarahkan kitab *Jāmi‘ al-Tirmidhī*. Pengkaji memulakan penulisan beliau dengan membahaskan sejarah hidup al-Marbawi, kemudiannya mengemukakan pengenalan Kitab *Baḥr al-Mādhī* dan pengaruh kitab tersebut dalam pengajian hadith di Malaysia. Bentuk kajian yang dilakukan oleh penulis hampir sama dengan kajian yang dilakukan oleh Faisal Ahmad Shah iaitu kajian dalam bentuk metodologi penulisan hadith dalam kitab hadith.

¹⁰ Beliau adalah Pembantu Dekan II di Fakultas Usuluddin IAN Walisongo, Semarang.

¹¹ Faisal Ahmad Shah, phD., adalah Pensyarah di Jabatan al-Qur’ān dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Emel: faisalas@um.edu.my.

Berikutnya adalah sebuah disertasi sarjana yang ditulis oleh Fazlida binti Mustafa,¹² dengan tajuk kajian beliau “Metodologi Penulisan Ilmu Muṣṭalāḥ al-Hadīth: Kajian Perbandingan Antara Kitab Muḥaddith al-Fāṣil dengan al-Kifāyah.” Kajian ini adalah berkaitan metodologi penulisan dalam ilmu *Muṣṭalāḥ al-Hadīth* secara kajian perbandingan. Selain itu, kajian ini juga menyentuh pengenalan terhadap metodologi *muḥaddithīn* dalam ilmu *Muṣṭalāḥ al-Hadīth*, biografi kedua-dua pengarang kitab yang dikaji serta analisa perbandingan terhadap kitab tersebut.

Kertas kerja pertama; ditulis oleh Rosni Wazir,¹³ dengan tajuk beliau “Metodologi Penulisan ‘Abd al-Raūf al-Fansūrī di dalam Sharḥ al-Laṭīf: Tumpuan Kepada Hadith 1 Sehingga Hadith 5.” Kajian beliau ini memfokuskan kepada metodologi terjemahan dan penulisan yang dilakukan oleh ‘Abd al-Raūf dalam karya beliau *Sharḥ al-Laṭīf*, yang melibatkan hadith 1 hingga 5 sahaja.

Melalui kaedah sorotan kajian lepas ini, penulis dapat menambah maklumat berkaitan metode yang sering digunakan oleh ulama dalam menghasilkan karya-karya syarahan hadith selain melihat cara penulisan dan olahan penulis makalah atau kertas kerja yang dibuat terhadap kajian tersebut.

Justeru, penulis akan mengkaji metodologi keseluruhan kitab yang terdapat di dalam Kitab *Ilhām al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī Bahasa Melayu* dengan memfokuskan kepada metodologi penulisan Ustaz Abdul Halim al-Hadi dalam mensyarahkan hadith, metodologi beliau dalam mengaplikasikan ilmu hadith *riwāyah* dan *dirāyah* dan metodologi beliau dalam *fiqh al-hadīth*.

¹² Fazlida binti Mustafa,M.A., adalah pelajar di Jabatan al-Qur'an dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Lihat Fazlida binti Mustafa, “Metodologi Penulisan Ilmu Muṣṭalāḥ al-Hadīth: Kajian Perbandingan Antara Kitab Muḥaddith al-Fāṣil dengan al-Kifāyah.” (Kuala Lumpur: Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2012)

¹³ Rosni Wazir, *Abd al-Rauf al-Fansuri di dalam Sharḥ al-Laṭīf: Tumpuan Kepada Hadith 1 Sehingga Hadith 5* (Seminar Serantau Ilmuwan Hadith Dalam Peradaban Di Alam Melayu: UKM, 2010), 166-172.

0.7 METODOLOGI KAJIAN

Di dalam kajian ini, penulis menggunakan beberapa metodologi yang dapat membantu penulis dalam menghasilkan kajian ini. Antara metodologi yang digunakan penulis adalah:

- 1- Metode Penentuan Subjek
- 2- Metode Pengumpulan Data dan Maklumat
- 3- Metode Analisis Data

0.7.1 Metode Penentuan Subjek

Penulis menjadikan tajuk kajian iaitu “Metodologi Penulisan Abdul Halim al-Hadi dalam kitab *Ilhām al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī Bahasa Melayu* sebagai subjek dimana kajian ini adalah melibatkan bidang hadith. Penulis akan membahaskan definisi syarah hadith, perkembangan kitab-kitab syarah *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* di Nusantara, biodata pengarang kitab dan pengenalan terhadap kitab, serta metodologi penulisan kitab *Ilhām al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī Bahasa Melayu*.

0.7.2 Metode Pengumpulan Data dan Maklumat

Bagi kaedah pengumpulan data, sebanyak tiga instrumen telah digunakan oleh penulis dalam menjalankan kajian iaitu metode historis, metode dokumentasi dan metode temubual. Setelah semua data dan maklumat diperolehi, penulis menganalisis data dengan ketiga-tiga instrumen tersebut. Berikut adalah penerangannya:

a. Metode Historis

Penulis menggunakan metode ini untuk mengkaji dan meneliti bahan-bahan yang dikumpul bagi mendapatkan data berkaitan sejarah perkembangan kitab-kitab syarah *Sahīh al-Bukhārī* di Nusantara. Selain itu, metode ini juga digunakan untuk menyoroti riwayat hidup tokoh yang dikaji iaitu Ustaz Abdul Halim al-Hadi serta pengarang kitab *Sahīh al-Bukhārī* iaitu al-Imām al-Bukhārī.

b. Metode Dokumentasi

Bagi mengukuhkan lagi dapatan daripada kajian, penulis telah menggunakan metode dokumentasi untuk mengumpul data. Melalui kaedah ini, penulis mengumpulkan maklumat dan data-data yang berkaitan dengan kajian dengan merujuk al-Qur'an, kitab-kitab para ulama, tesis, disertasi, penulisan ilmiah seperti makalah atau jurnal, dan kertas kerja seminar. Antara perpustakaan-perpustakaan yang penulis kunjungi bagi mendapatkan bahan-bahan kajian adalah:

- i) Perpustakaan Utama Universiti Malaya.
- ii) Perpustakaan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
- iii) Perpustakaan Za'ba, Universiti Malaya.
- iv) Perpustakaan Tun Seri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- v) Perpustakaan Dar al-Hikmah, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

c. Metode Temubual

Dalam kajian lapangan, penulis menggunakan metode temubual bagi memperoleh maklumat dan mengumpul data-data berkaitan tokoh yang dikaji. Metode temu bual

adalah suatu kaedah atau cara seseorang untuk mendapatkan keterangan atau pendirian secara lisan dari seorang responden, dengan bercakap-cakap dan berhadapan muka dengan orang itu.¹⁴ Beberapa sesi temu bual dilakukan bagi mengumpul maklumat khususnya berkaitan tokoh yang dikaji oleh penulis. Antara individu yang terlibat dalam sesi temubual adalah Puan Faizah,¹⁵ dan Ustaz Haji Hassim b. Salleh,¹⁶ iaitu bekas pelajar Ustaz Abdul Halim al-Hadi.

0.7.3 Metode Analisis Data

Dalam menganalisis data, terdapat perkara penting yang perlu diberi perhatian bagi memastikan kelancaran kajian yang dilakukan. Penulis menggunakan beberapa metode dalam menganalisis kajian iaitu Metode Induktif dan Metode Deduktif.

i) Metode Kualitatif

a. Metode Induktif

Kaedah yang digunakan adalah dengan menganalisis data-data terkumpul seterusnya membuat huraian atau rumusan berdasarkan data tersebut. Data dianalisis daripada fakta-fakta yang diperolehi melalui kaedah berfikir sehingga menghasilkan sebuah kesimpulan dalam sesebuah kajian. Penulis menggunakan kaedah ini bagi menganalisis data yang telah diperolehi berkaitan metodologi syarah hadith dan *fīqh al-hadīth* Ustaz Abdul Halim al-Hadi dalam kitab *Ilhām al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī Bahasa Melayu*.

¹⁴ Koentjaraningrat, “Metode-metode Penelitian Masyarakat” (Jakarta: P.T.Gramedia, 1977), 162.

¹⁵ Beliau adalah anak perempuan Ustaz Abdul Halim al-Hadi.

¹⁶ Beliau adalah Guru Besar di Sekolah Menengah Agama Dāirah al- Ma‘ārif Waṭaniah, Kepala Batas. Merupakan anak murid kepada Ustaz Abdul Halim al-Hadi serta pernah mengambil ilmu secara formal di sekolah tersebut dan di masjid-masjid.

b. Metode Deduktif

Pendekatan deduktif adalah suatu pendekatan yang menggunakan kaedah berfikir untuk menarik kesimpulan yang bersifat umum kepada sesuatu yang bersifat khusus. Kaedah ini digunakan dengan memberikan contoh-contoh terhadap metodologi yang digunakan oleh Ustaz Abdul Halim dalam mensyarah hadith *Sahīh al-Bukhārī* di dalam karya beliau *Ilhām al-Bārī Sharḥ Sahīh al-Bukhārī Bahasa Melayu*. Metode ini akan diaplikasikan oleh penulis di dalam bab tiga dan empat.

c. Metode Komparatif

Melalui metode ini penulis dapat mengetahui sejauhmanakah pengaplikasian metode Ustaz Abdul Halim al-Hadi dalam kitab syarah hadith beliau dengan metode yang digunakan oleh ulama hadith dalam kitab-kitab syarah hadith mereka. Penulis memfokuskan kepada beberapa aspek penting antaranya metodologi syaranan hadith, pengaplikasian ilmu hadith *riwāyah* dan *dirāyah* serta metodologi *fīqh al-hadīth*.

BAB SATU

SEJARAH PERKEMBANGAN KITAB-KITAB SYARAH *ŞAHİH AL-*

***BUKHĀRĪ* DI NUSANTARA**

1.1 Pendahuluan

Sharḥ al-Hadīth adalah suatu hasil ijтиhad para ulama hadith dalam memahami maksud sesebuah hadith. Setiap syarahan yang dibuat adalah berteraskan al-Qur'an dan al-Hadith. Antara kelayakan yang membolehkan seseorang itu menjadi pengarang dan pensyarah kitab hadith adalah beliau mestilah menguasai pelbagai cabang ilmu antaranya ilmu bahasa Arab, ilmu *al-Jarḥ wa al-Ta‘dīl*, *Rijal al-Hadīth*, *Gharīb al-Hadīth*, *Fiqh al-Hadīth*, *I'lal al-Hadīth*, *Aṣbāb al-Wurūd al-Hadīth*, *Mukhtārif al-Hadīth*, *Fiqh*, *Usūl Fiqh*, *Tafsīr* dan lain-lain lagi. Apabila pengarang dan pensyarah kitab hadith menguasai ilmu-ilmu ini maka ini akan memudahkan mereka untuk mengenalpasti kaedah-kaedah yang digunakan oleh para ulama terdahulu serta mengetahui keadaan sesebuah sanad dan matan hadith dari aspek diterima atau pun ditolak. Jika dilihat kepada perkembangan penulisan kitab syarah hadith dan metodologinya, ianya tidaklah serancak seperti perkembangan tafsir al-Qur'an. Ini kerana kebanyakan kitab-kitab tafsir boleh didapati dalam pelbagai aliran, metode pentafsiran dan pendekatan. Selain daripada berkembangnya kitab-kitab tafsir, terdapat karya-karya lain yang dihasilkan oleh ulama-ulama di alam Melayu seperti karya dalam bidang akidah, syariah, dan tasawwuf. Penghasilan karya ini terdiri daripada pelbagai bentuk antaranya karya hasil dari tulisan tangan, cetakan, ulasan, syarahan mahu pun terjemahan. Di celah-celah kerancakan karya-karya ini berkembang di dalam masyarakat Melayu, karya dalam bidang hadith juga tidak ketinggalan turut mewarnai

arena penulisan dan dunia keilmuan dan diantaranya adalah kitab-kitab yang mensyarahkan *Sahīh al-Bukhārī*.

Di awal kemunculan karya-karya yang dihasilkan oleh ulama Nusantara, kebanyakannya adalah merupakan karya terjemahan kepada kitab-kitab muktabar seperti *Sahīh al-Bukhārī*, *Sahīh Muslim*, *Sunan al-Tirmidhī*, *Muwaṭṭā'* dan sebagainya. Terjemahan ini dilakukan daripada bahasa Arab kepada bahasa Melayu dan diberi syarahan dan huraian mengikut kepakaran dan kemampuan masing-masing.

Namun begitu, tidak dapat dinafikan bahawa aktiviti menterjemah dan mensyarahkan hadith banyak memberi manfaat dan sumbangan besar buat masyarakat Melayu yang rata-ratanya tidak mampu memahami bahasa Arab. Maka usaha ulama-ulama ini dilihat sebagai suatu sumbangan besar dan perintis kepada penghasilan karya-karya dalam kitab syarah hadith di Nusantara.

Mengimbau kembali sejarah penghasilan karya hadith di Alam Melayu, antara karya-karya terawal yang ditemui dalam bidang hadith adalah sekitar abad ke 17 M iaitu sebuah kitab yang dikarang oleh Syeikh Nuruddin Al-Raniri dengan kitab beliau yang bertajuk “*Al-Fawāid al-Bāhiyyah fī al-Aḥadīth al-Nabawiyyah*.¹⁷ Penulisan ini selesai pada hari Jumaat 6 Syawal 1045H/1635 M. Catatan tarikh ini ada dinyatakan di dalam kitab beliau sendiri iaitu:¹⁸

“Telah selesai faqir daripada menghimpunkan hadith ini pada tatkala hijrah Nabi SAW seribu empat puluh lima tahun pada hari Jumaat enam hari bulan Syawal.”

Kemudian disusuli pula dengan kitab “*Sharḥ al-Latīf ‘Ala Arba‘īn Ḥadīthān li al-Imām al-Nawāwī*” yang dikarang oleh ulama terkenal iaitu Syeikh Abd al-Rauf al-Fansuri. Karya ini merupakan kitab huraian terhadap hadith-hadith yang dikumpulkan

¹⁷ Fauzi Deraman, “Karya-karya Hadith dalam Tulisan Jawi,” *Jurnal Usuluddin* 7 (1997), 166.

¹⁸ Lihat Mohd Muhiden b. Abdul Rahman, “Syeikh Nuruddin Al-Raniri dan Sumbangannya kepada Pengajaran Al-Hadith: Kajian terhadap Kitāb Al-Fawāid Al-Bāhiyyah Fī Al-Aḥadīth Al-Nabawiyyah” (tesis kedoktoran, Universiti Malaya, 2003), 189.

di dalam *Matan Arb ‘īn* yang disusun oleh Imam al-Nawāwī dan kitab ini masih dalam bentuk manuskrip.¹⁹ Kitab ini telah disiapkan pada hari Selasa, bulan Safar tahun 1091 H bersamaan Mac 1680 M.²⁰ Turut menggunakan metode yang sama iaitu beberapa ulama Nusantara terkenal antaranya ialah Syeikh Daud al-Fatani (w.1297 H) dengan karya beliau bertajuk *Hadīth Arba ‘īn* yang dimuatkan di dalam kitab *Hidāyah al-Muta ‘allim*, Syeikh Muhammad Ṣalih bin Muḥammad Murīd Rawa dengan karya beliau *Fatḥ al-Mubīn*, serta Syeikh Wan Hassan bin Wan Ishak al-Fatani dengan kitab beliau *Hidāyah al-Mukhtār*.²¹

Antara karya-karya lain yang membahaskan huraian dan syarah hadith di Nusantara ialah kitab yang dikarang oleh Syeikh Daud al-Fatani iaitu kitab *Farā’id Fawā’id al-Fikr fī al-Imām al-Mahdī*. Manakala Syeikh Ahmad al-Fatani mengarang kitab *Bishārāt al-‘Āmilīn wa Naẓarāt al-Ghāfilīn*, *Hadith Memulakan Makan Dengan Garam dan Disudahi Dengannya*, dan *Hadith-hadith Pilihan*.²² Begitu juga dengan beberapa kitab lain yang penulis tidak nyatakan di sini.

Namun begitu, usaha mensyarah serta menghurai hadith mulai rancak selepas kurun ke 19 M. Antara karya yang dapat dikesan ialah kitab *Al-Jawhar al-Mawhūb wa Munabbihāt al-Qulūb* oleh Wan Ali Kutan al-Kelantani yang dihasilkan pada tahun 1888 M. Karya ini adalah terjemahan dan ulasan dari kitab *Lubāb al-Hadīth* karangan Imam al-Suyuti (w.911 H). Manakala pada tahun 1938 M, sebuah kitab bertajuk *Kanz al-Amīn fī Sharḥ al-Arba ‘īn* telah dikarang oleh Haji Mokhtar bin Ahmad Kelantani. Namun begitu semua kitab yang dinyatakan adalah di dalam bahasa Arab.

¹⁹ Fauzi Deraman, “Karya-karya Hadith dalam Tulisan Jawi,” Jurnal Usuluddin 7 (1997), 167.

²⁰ Abd Ur Rahman bin Mohamed Amin, “Sumbangan Haji Abdul Halim al-Hadi dalam Bidang Hadith: Tumpuan kepada Kitab *Tajdhib Atraf al-Hadith*” (disertasi: Universiti Malaya, 2007), 34.

²¹ Anwar Ridhwan bin Zakaria, “Kitab Idangan Guru Ṣaḥīḥ al-Bukhārī wa Muslim: Satu Kajian Dari Aspek Metodologi Huraian Hadith”, 49.

²² Lihat Anwar Ridhwan bin Zakaria, “Kitab Idangan Guru Ṣaḥīḥ al-Bukhārī wa Muslim: Satu Kajian Dari Aspek Metodologi Huraian Hadith” (disertasi: Universiti Malaya, 2007), 45.

Kemunculan kitab syarah hadith dalam bahasa Melayu adalah pada tahun 1949 M iaitu kitab *Ilhām al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī Bahasa Melayu*. Disusuli pula dengan kitab *Tajdīb Aṭraf al-Ḥadīth bi Sharḥ Ma fī Kitāb Mukhtār al-Ḥadīth*. Kedua-dua kitab ini dikarang oleh Ustaz Abdul Halim al-Hadi iaitu tokoh yang dikaji oleh penulis. Diikuti dengan kitab *Hadis Empat Puluh* yang dikarang oleh Asbirin Yaakob. Kitab ini turut menterjemah serta membuat ulasan terhadap kitab *Matan Arba ‘īn* karya al-Nawāwī. Arena penulisan dan syaranan hadith bertambah rancak dengan kemunculan kitab *Bahr al-Madīn Sharḥ Mukhtaṣar Ṣaḥīḥ al-Tirmidī*, *Kitab Idangan Guru Ṣaḥīḥ al-Bukhārī wa Muslim* yang dikarang oleh Syeikh Idris al-Marbawi, *Terjemahan Mukhtaṣar Ibn Abī Jamrah* oleh Mustafa Abdul Rahman dan Yusof Rawa, *Arba ‘īn li al-Nabhaniyyah* yang dikarang oleh Haji Abu Bakar bin Haji Hanafiah al-Qadi²³ dan banyak lagi.

Kesemua kitab yang dinyatakan adalah merupakan karya-karya terjemahan yang diberi ulasan mahupun huraian mengikut metode para ulama yang mensyarahkan kitab-kitab tersebut.

Masih banyak lagi kitab-kitab hadith yang belum diberi ulasan yang kitabnya telah tersebar dan digunakan oleh ulama dalam mengembangkan ilmu agama. Oleh itu usaha mensyarah dan membuat huraian dilihat adalah penting serta wajar untuk diberi perhatian supaya manfaatnya dapat dikongsi bersama masyarakat di masa akan datang.

²³ Najahudin Lateh, Metodologi Syeikh Idris al-Marbawi dalam Karya Terjemah Bulugh al-Marām: Analisa Kitab al-Taharah MARA (makalah, Seminar Kebangsaan Ketamadunan Islam, Hotel Casuarina, Ipoh, 8 - 9 Disember 2009), 4.

1.2 Definisi Syarah Hadith

1.2.1 Definisi Syarah Dari Sudut Bahasa

Perkataan *al-Sharh* adalah kata terbitan dari perkataan (شرح يسح شرح). Ibn Manzūr memberikan takrif bagi perkataan *al-Sharh* dengan maksud mendedah atau menyingkap (الكشف), menjelas (التوضيح) dan menerang (البيان).²⁴

Manakala menurut *al-Qāmus al-Muhiṭ*, perkataan *al-Sharh* bermaksud menyingkap (كشف), membuka (فتح) dan memahami (فهم).²⁵ Definasi-definasi yang dikemukakan oleh pengarang kamus ini sebenarnya membawa maksud yang hampir sama dengan definasi yang diberikan oleh Ibn Manzūr.

Menurut Kamus Dewan,²⁶ perkataan *al-Sharh* bermaksud keterangan, huraiyan, penjelasan dan ulasan.

Selain itu perkataan *al-Sharh* turut disebut oleh Allah di dalam al-Qur'an di dalam beberapa surah antaranya surah al-An'ām ayat 125, surah al-Nahl ayat 106, surah Tāha ayat 25, surah al-Zumār ayat 22, dan surah al-Inshirah ayat 1.²⁷ Antara contoh ayat al-Qur'an yang menyebut perkataan *al-Sharh* ialah:

Contoh:

مَنْ كَفَرَ بِاللَّهِ مِنْ بَعْدِ إِيمَانِهِ إِلَّا مَنْ أَكْرَهَ وَقَلْبُهُ مُطْمِئِنٌ بِالْإِيمَانِ وَلَكِنْ مَنْ سَرَحَ بِالْكُفُرِ صَدِرًا فَعَلَيْهِمْ عَذَابٌ مِنْ
اللَّهِ وَلَهُمْ عَذَابٌ عَظِيمٌ

Terjemahan: Sesiapa yang kufur kepada Allah sesudah ia beriman (maka baginya kemurkaan dan azab dari Allah), kecuali orang yang dipaksa (melakukan kufur) sedang hatinya tenang tenteram dengan iman; akan tetapi sesiapa yang terbuka hatinya menerima kufur maka atas mereka tertimpa kemurkaan dari Allah, dan mereka pula beroleh azab yang besar.

Al-Nahl 14:106

²⁴ Jamal al-Dīn Muḥammad bin Mukarram bin Manzūr, *Lisān al-'Arab* (Beirut: Dār Ṣadir, 1990), 2:497.

²⁵ Majd al-Dīn Muḥammad bin Ya'qūb al-Fayrūz al-Abādī, *Al-Qamus al-Muhiṭ* (t.t., t.p, t.t.), 231.

²⁶ Noresah bt. Baharom, *Kamus Dewan Edisi Keempat* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007), 1558.

²⁷ Lihat Anwar Ridhwan bin Zakaria, "Kitab Idangan Guru Ṣaḥīḥ al-Bukhārī wa Muslim: Satu Kajian Dari Aspek Metodologi Huraian Hadith", 56.

Contoh:

فَمَنْ يُرِدُ اللَّهُ أَنْ يَهْدِيَ يَسْرَحُ صَدْرَهُ لِلْإِسْلَامِ وَمَنْ يُرِدُ أَنْ يُضِلَّهُ يَجْعَلُ صَدْرَهُ ضَيْقًا حَرَجًا كَأَنَّهُ يَصْعَدُ فِي السَّمَاءِ كَذِيلَكَ يَجْعَلُ اللَّهُ الرَّجُسَ عَلَى الَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ

Terjemahan: Maka sesiapa yang Allah kehendaki untuk memberi hidayah petunjuk kepadanya nescaya ia melapangkan dadanya (membuka hatinya) untuk menerima Islam; dan sesiapa yang Allah kehendaki untuk menyesatkannya, nescaya ia menjadikan dadanya sesak sempit-sesempitnya seolah-olah ia sedang mendaki naik ke langit (dengan susah payahnya). Demikianlah Allah menimpakan azab kepada orang-orang yang tidak beriman.

Al-‘An‘ām 8:125

Berdasarkan definisi-definisi yang dikemukakan, dapatlah dirumuskan bahawa perkataan *al-Sharḥ* itu membawa maksud pendedahan (menyingkap sesuatu yang kurang jelas), penerangan, penjelasan dan penghuraian.

1.2.2 Definisi Hadith Dari Sudut Bahasa

Hadith (حدیث) menurut bahasa bermaksud *al-Jadīd* (baharu),²⁸ atau perkhabaran, sama ada perkhabaran itu sedikit atau banyak.²⁹ Kata jamak dari perkataan hadith adalah *Aḥadīth* (أحاديث).

Selain itu, perkataan *al-Jadīd* (baharu) juga adalah lawan kepada perkataan *qadīm* (قدیم) yang bermaksud sedia ada. Ia juga boleh membawa makna cerita, berita, atau perkataan sebagaimana Allah pernah mengistilahkan ayat-ayat al-Qur'an atau wahyu-Nya sebagai hadith.³⁰

²⁸ Mahmud al-Tahħħan, *Taysir Muṣṭalāh al-Hadīth* (Iskandariyyah: Markaz al-Hūdā li al-Dirasāt, 1984), 16.

²⁹ Mohd. Napiah Abdullah, *Ikhtisar Sejarah Perkembangan dan Kaedah Penyusunan Hadith* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1989), 16.

³⁰ Asmawi Haji Ehsan, *Ilmu Hadith: Hadith Sebagai Sumber Hukum Islam* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2003), 2.

Menurut seorang pengkaji hadith Dr. Muḥammad Muṣṭafā A'ẓamī, hadith dari sudut bahasa menurut beliau adalah membawa maksud perkhabaran, cerita, dan perbualan samada tentang keagamaan atau perkara-perkara semasa.³¹

Di sini penulis akan membawakan beberapa contoh yang menggunakan perkataan hadith yang membawa maksud wahyu atau kalam Allah, perkataan atau pembicaraan manusia, berita atau perkhabaran tentang masa akan datang, kisah atau sejarah dan mimpi:³²

- 1) Wahyu atau Kalam Allah. Firman Allah Ta‘ala:

اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ لَيَجْمَعُنَّكُمْ إِلَى يَوْمِ الْقِيَامَةِ لَا رَيْبٌ فِيهِ وَمَنْ أَصْدَقُ مِنَ اللَّهِ حَدِيثًا

Terjemahan: “Allah, tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia. Sesungguhnya Ia akan menghimpunkan kamu pada hari kiamat, (hari) yang tidak ada syak padanya. Dan siapakah pula yang lebih benar perkataannya daripada Allah?.

An-Nisā’ 4:87

- 2) Perkataan atau perbicaraan manusia. Allah Ta‘ala berfirman:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَدْخُلُوا بَيْوَتَ النَّبِيِّ إِلَّا أَنْ يُؤْدَنَ لَكُمْ إِلَى طَعَامٍ عَيْرَ نَاطِرِينَ إِنَّهُ وَلَكُنْ إِذَا دُعِيْتُمْ فَادْخُلُوا
فَإِذَا طَعِمْتُمْ فَانْتَشِرُوا وَلَا مُسْتَثْنَيْسِينَ حَدِيثٌ

Terjemahan: “Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu masuk ke rumah Nabi (menunggu makanan masak kerana hendak makan bersama), kecuali kamu dijemput untuk menghadiri jamuan, bukan dengan menunggu-nunggu masa sajiannya; tetapi apabila kamu dijemput maka masuklah (pada waktu yang ditetapkan); kemudian setelah kamu makan hendaklah masing-masing bersurai dan janganlah duduk bersenang-senang dengan berbual-bual.”

Al-Aḥḍhāb 33:53

Firman Allah lagi :

وَإِذَا رَأَيْتَ الَّذِينَ يَحْوِضُونَ فِي آيَاتِنَا فَأَعْرِضْ عَنْهُمْ حَتَّى يَحْوِضُوا فِي حَدِيثٍ عَيْرِهِ

³¹ Muḥammad Muṣṭafā al-A'ẓamī, *Kajian Metodologi dan Penulisan Hadith*, ed. Engku Ibrahim Engku Ismail (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1989), 3.

³² Lihat Zulkifli Mohd Yusoff *et al.*, *Kamus al-Qur'an* (Kuala Lumpur: PTS Islamika, 2010), 226-227.

Terjemahan: “Dan apabila engkau melihat orang-orang yang memperkatakan dengan cara mencaci atau mengejek-ejek ayat-ayat Kami, maka tinggalkanlah mereka sehingga mereka memperkatakan soal yang lain.”

Al-An‘am 6:68

- 3) Berita atau perkhabaran tentang masa akan datang. Allah Ta‘ala berfirman:

أَفَمِنْ هَذَا الْحَدِيثِ تَعْجِبُونَ

Terjemahan: “Maka patutkah kamu merasa hairan terhadap keterangan-keterangan al-Qur'an ini (sehingga kamu mengingkarinya).”

Al-Najm 53:59

- 4) Kisah atau sejarah Nabi Musa a.s. Firman Allah Ta‘ala:

وَهَلْ أَنَا كَحَدِيثٍ مُّوسَىٰ

Terjemahan: “*Dan sudahkah sampai kepadamu (wahai Muhammad) perihal Nabi Musa?.*”

Taha 20:9

- 5) Mimpi. Allah berfirman:

وَكَذِيلَكَ يَتَسِّيكَ رَبُّكَ وَيُعَلِّمُكَ مِنْ تَأْوِيلِ الْأَحَادِيثِ وَتِيمٌ نِعْمَةُ عَلَيْكَ وَعَلَىٰ آلِ يَعْقُوبَ كَمَا أَنَّهَا عَلَىٰ أَبْوَيْكَ مِنْ قَبْلٍ إِبْرَاهِيمَ وَإِسْحَاقَ

Terjemahan: “Dan demikianlah caranya Tuhanmu memilihmu, dan akan mengajarmu takwil mimpi, serta akan menyempurnakan nikmat-Nya kepadamu dan kepada keluarga Ya'akub: sebagaimana Ia telah menyempurnakannya kepada datuk nenekmu dahulu: Ibrahim dan Ishaq.”

Yūsuf 12:6

1.2.3 Definisi Hadith Dari Sudut Istilah

Hadith menurut para *muhaddithīn* ialah perkataan Nabi SAW, perbuatan, pengakuan (taqrir), sifat kejadian dan sifat akhlak.³³

³³ Muhammad bin Muhammad Abū Syuhbah, *Al-Wasīt fī 'Ulūm wa Muṣṭalāh al-Ḥadīth* (Kaherah: Dār al-Fikr, t.t.), 15.

Manakala jumhur ulama mendefinisikan hadith sebagai apa yang disandarkan kepada Nabi SAW atau sahabat atau tabi‘īn yang merangkumi hadith *marfū*’, *mawqūf* dan *maqtu*.³⁴

Muhammad ‘Ajjāj al-Khātib pula memberi takrifan yang bersifat *mufaṣṣal* (terperinci) kepada istilah hadith ini dengan:

“Apa-apa yang disandarkan kepada Nabi Muhammad SAW daripada perkataan, perbuatan, pengakuan (taqrir), sama ada sifat fizik atau akhlak, perjalanan hidup baginda sama ada sebelum atau sesudah menjadi Rasul.”³⁵

Manakala Dr. Muṣṭafā al-Sibā‘ī juga turut mendefinisikan hadith sebagai:

مَا أُتْرَ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مِنْ قَوْلٍ أَوْ فَعْلٍ أَوْ تَعْرِيْفٍ أَوْ صِفَةٍ حَلْقِيَّةٍ أَوْ حُلْقِيَّةٍ أَوْ سِيْرَةٍ سَوَاءٌ
أَكَانَ قَبْلَ الْبِعْثَةِ أَوْ بَعْدَهَا

Terjemahan: “Segala sesuatu yang bersumber daripada Rasulullah SAW sama ada perkataan, perbuatan, ketetapan, ciri-ciri bentuk badan, akhlak dan tingkah laku, atau perjalanan hidup baginda, sama ada sebelum atau sesudah baginda diangkat menjadi Rasul.”³⁶

Menurut Dr. Muṣṭafā al-Sibā‘ī, definasi yang diberikan oleh beliau dan para *muhaddithīn* ini adalah sinonim dengan pengertian *sunnah*.³⁷ Namun begitu ada juga sesetengah ulama yang cenderung membezakan hadith dengan sunnah antaranya ialah Sayyid Sulaymān al-Nadwī.

Oleh itu dapatlah disimpulkan bahawa secara umumnya takrif-takrif hadith yang telah diberikan oleh ulama-ulama hadith adalah apa-apa yang disandarkan kepada Nabi SAW sama ada dari perkataan, perbuatan, pengakuan atau sifat sama ada sifat kejadian atau sifat akhlak, perjalanan hidup baginda SAW sama ada sebelum atau selepas menjadi Rasul.

³⁴ Raja’ Muṣṭafā Huzayn *et al.*, “*Al-Taysīr fī ‘Ulūm al-Hadīth*” (Kaherah: t.p, t.t.), 18.

³⁵ Muhammad ‘Ajjāj al-Khātib, *Usūl al-Hadīth ‘Ulūmuḥ wa Muṭalāhuḥ* (Beirut: Dar al-Fikr, 1981), 7.

³⁶ Dr. Muṣṭafā al-Sibā‘ī, “*Al-Sunnah wa Makānatuhā fī al-Tasyīr ‘al-Islāmi*,” (Beirut: Dār al-Warrāq, t.t.), 65.

³⁷ Fauzi Deraman *et al.*, *Autoriti Hadis dan penjelasannya*, “Autoriti Hadis: Menangani Gerakan Anti Hadis” (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2007), 2.

1.2.4 Definisi Syarah Hadith

Syarah hadith ialah satu bentuk huraian atau penjelasan yang dibuat oleh pensyarah hadith terhadap ucapan, tindakan dan pengakuan Rasulullah SAW. Selain itu, perlulah diketahui bahawa syarah hadith bukan hanya dalam bentuk penulisan kitab sahaja, tetapi ia juga terdapat dalam bentuk lisan atau percakapan seseorang. Rasulullah SAW adalah contoh yang paling tepat untuk menujukkan bahawa syarah hadith itu ada dalam dua bentuk iaitu penulisan kitab dan secara lisan.

Juga boleh dikatakan bahawa syarah hadith itu adalah satu bentuk atau hasil ijтиhad para ulama dalam memahami sesbuah hadith. Kaedah ini adalah sama seperti apa yang dilakukan ulama-ulama tafsir dalam usaha mereka ketika mentafsir al-Qur'an. Para ulama akan menggunakan pelbagai metode serta pendekatan dalam memahami sesbuah hadith. Antara aspek perbahasan yang disentuh dalam syarah hadith adalah perbahasan sanad dan matan serta apa sahaja ilmu yang berkaitan dalam menjelaskan sanad dan matan.³⁸

Menurut Dr Muḥammad Ṭāhir al-Jawwābī, istilah syarah hadith adalah hasil transformasi dari *fiqh al-hadīth*, di mana ulama-ulama hadith berijtihad dalam memahami hadith Rasulullah SAW. Memetik daripada kata-kata beliau:³⁹

“Pada awalnya ilmu ini (*fiqh al-hadīth*) sangat terbatas, kemudian secara beransur meluas hingga terkenal sampai kepada kita dengan sebutan syarah hadith. Para faqih al-hadith berpegang pada ilmu ini, dan mereka inilah telah diberikan rezeki oleh Allah berupa kemampuan daya kritis pada masanya dan memiliki pemahaman dari hasil keseriusannya dalam bahasa muhu pun pengetahuannya terhadap hukum syariah.”

³⁸ Faisal Ahmad Shah, “Metodologi Penulisan Idris al-Marbawi dalam *Bahr al-Madhi*”, 33.

³⁹ Lihat A. Hasan Asy'ari Ulama'i, “Sejarah dan Tipologi Syarah Hadis”, Jurnal Teologia 19 (Julai 2008), 340. Beliau adalah seorang Pensyarah Hadith jurusan Tafsir Hadith dari Fakulti Usuluddin IAIN Walisongo Semarang.

Istilah *fiqh al-hadīth* dan *sharḥ al-hadīth* kedua-duanya adalah merujuk kepada maksud yang sama, iaitu mendapatkan keterangan dan kefahaman sebenar bagi sesebuah hadith yang disandarkan kepada Nabi SAW⁴⁰

1.3 Keperluan Dan Kepentingan Syarah Hadith.

Ulama memainkan peranan penting dalam memelihara kelangsungan penyebaran sunnah Rasulullah SAW. Hal ini dapat dilihat menerusi kesungguhan mereka dalam mensyarah kitab-kitab hadith atau menghasilkan sendiri karya-karya terjemahan, dan syarahan hadith. Usaha mensyarah hadith bukanlah semata-mata menghuraikan makna hadith, akan tetapi mejelaskan dan menggali kandungan hukum serta hikmahnya.

Penulis membawakan beberapa pendapat ulama yang memberi perhatian terhadap kepentingan syarah dalam memahami hadith. Antara ulama yang menyebut perkara tersebut ialah Sufyān bin ‘Uyaynah (w.198 H). Kata-kata beliau telah dinukilkkan semula oleh Muḥammad Abū Shuhbah yang bermaksud: “*Wahai ulama hadith pelajarilah makna-makna hadith sesungguhnya aku mempelajari makna hadith selama 30 tahun.*”⁴¹

Manakala guru al-Bukhārī iaitu ‘Alī Ibn al-Madīnī (w.234 H) memberikan pandangan tentang kepentingan pemahaman hadith dengan mengatakan bahawa: “*Semulia-mulia ilmu ialah memahami matan hadith dan mengetahui hal ehwal perawi.*”

Pandangan ini dikuatkan lagi dengan penjelasan Ibn Hajar (w.852 H) dalam kitab beliau *Hady al-Sārī Muqaddimah Fath al-Bārī*, beliau menyebut:

“Imam al-Bukhari (w.256 H) merasakan tidak harus membiarkan kitabnya tanpa memasukkan fawāid fiqhīyyah, isi-isi ḥukmiyyah. berdasarkan kepada kefahamannya, beliau mengeluarkan makna-makna yang banyak yang kemudiannya diletakkan pada terjemah bab mengikut kesesuaiannya.

⁴⁰ Anwar Ridhwan bin Zakaria, “*Kitab Idangan Guru Ṣaḥīḥ al-Bukhārī wa Muslim: Satu Kajian Dari Aspek Metodologi Huraiān Hadīth*”, 13.

⁴¹ Faisal Ahmad Shah, “*Metodologi Penulisan Idris al-Marbawi dalam Bahr al-Madhi*”, 36.

Beliau memberi penekanan kepada ayat-ayat hukum sehingga beliau mengeluarkan daripadanya dalil-dalil yang menarik.”⁴²

Keterangan-keterangan di atas menunjukkan bahawa ulama sangat menitikberatkan kefahaman serta pemahaman yang mendalam untuk menguasai ilmu hadith. Para pensyarah hadith juga perlulah menguasai pelbagai cabang ilmu supaya tidak membuat tafsiran atau huraian yang salah terhadap hadith-hadith Nabi SAW. Kegiatan mensyarah hadith ini sebenarnya sudah ada pada zaman Rasulullah SAW lagi. Baginda adalah orang yang paling memahami al-Qur'an dan secara tidak langsung merupakan pensyarah, penghurai dan penjelas kepada kalam Allah dan hadith-hadith baginda SAW. Baginda akan mensyarahkan atau menerangkan kembali kepada para sahabat apabila timbul kesamaran pada ucapan mahu pun perbuatan baginda. Antara contoh hadith yang memerlukan kepada pensyaranan adalah:

Contoh:

Diriwayatkan daripada ‘Ādī Ibni Ḥātim r.a, katanya Baginda Rasulullah SAW bersabda:

٤٣
اتَّفُوا النَّارَ وَلَا يُشْقِقُ تَمَرَّةً

Terjemahan: “Jagalah dirimu dari api neraka walaupun dengan bersedekah sebelah tamar.”

Jika dilihat dari sudut zahir nas ini kemungkinan pelbagai tafsiran dan pandangan yang bakal dilontarkan walhal maknanya mungkin berlainan sekali. Hadith ini sebenarnya membawa maksud sedekah dengan barang yang terlalu kecil seperti sebelah tamar, jika ia ikhlas kerana Allah maka amalannya itu akan menyelamatkannya daripada api neraka.

⁴² Ahmad bin ‘Alī bin Hajar al-‘Asqalānī, *Hādī al-Sārī Muqaddimah Fath al-Bārī* (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2000), 6. Lihat juga Faisal Ahmad Shah, “Metodologi Penulisan Idris al-Marbawi dalam Baḥr al-Madhi”, 37.

⁴³ Hadith riwayat Ṣahīḥ al-Bukhārī, Kitāb al-Zakāh, Bāb al-Ṣadaqah Qabl al-Rad, no. hadith 1417. Lihat Abū ‘Abdillah Muhammad bin Ismā‘il al-Bukhārī, *Ṣahīḥ al-Bukhārī* (Beirut: Dār al-Fikr, 2007), 337.

Pada zaman Rasulullah SAW, syarah hadith merupakan satu bentuk ucapan diluar matan hadith Nabi itu sendiri. Contohnya hadith Nabi SAW yang berbentuk ucapan diriwayatkan oleh Mālik Ibn al-Huwayrīth bahawa Rasulullah SAW bersabda:

وَصَلُوا كَمَا رأَيْتُمْنِي أَصْلِي⁴⁴

Terjemahan: “Dan Solatlah, seperti mana kamu melihat aku solat.”

Di dalam hadith ini Nabi SAW memberikan syarah hadith atau penjelasan dalam bentuk ucapan. Secara tidak langsung ianya menjadi salah satu bentuk syarah hadith yang wujud dan yang berlaku pada zaman Rasulullah SAW diikuti oleh para sahabat-sahabat⁴⁵ baginda hingga ke zaman Khulafa’ al-Rasyidin di mana sahabat-sahabat mula menghafal matan-matan hadith dan ada juga yang mula menuliskannya.

Sebuah hadith yang lain, diriwayatkan oleh Anas bin Mālik bahawa Rasulullah SAW bersabda:

إِنْصُرْ أَخَاكَ ظَالِمًا أَوْ مَظْلومًا⁴⁶

Terjemahan: “Tolonglah saudaramu yang berbuat aniaya dan dianinya..”

Jika difahami hadith di atas secara zahirnya sahaja, maka akan didapati bahawa maksud hadith tersebut menyuruh kita kepada menolong pada perkara kemungkaran. Walhal, ketika para sahabat menyanggahi hadith ini, lalu bertanya kepada Rasulullah SAW; “*kami boleh memberikan pertolongan kepada orang yang teraniaya, tetapi bagaimana cara kami memberi pertolongan kepada yang berbuat aniaya?*” Rasulullah SAW memberikan penjelasan bahawa pertolongan itu adalah dengan mencegah orang yang hendak berbuat aniaya.

⁴⁴ Hadith riwayat Ṣahīḥ al-Bukhārī, Kitāb Akhbar al-Āhād, Bāb Mā Jā’ a fī Ijāzah Khabar al-Wahid al-Šudūq fī al-Azān wa al-Šalāh wa al-Šawm wa al-Farā’id wa al-Ahkām, no. hadith 7246. Lihat Abū ‘Abdillah Muhammād bin Ismā’īl al-Bukhārī, *Ṣahīḥ al-Bukhārī* (Beirut: Dār al-Fikr, 2007), 4:1818.

⁴⁵ A. Hasan Asy’ari Ulama’i, “*Sejarah dan Tipologi Syarah Hadis*”, 341.

⁴⁶ Ṣahīḥ al-Bukhārī, Kitāb al-Mazalim wa al-Ghaṣb, Bāb A’īn Akhāka Zāliman aw Mazlūman, no. hadith 2443. Lihat Abū ‘Abdillah Muhammād bin Ismā’īl al-Bukhārī, *Ṣahīḥ al-Bukhārī* (Beirut: Dār al-Fikr, 2007), 128.

Al-Khaṭṭābī juga turut berpandangan bahawa memahami hadith itu adalah suatu keperluan dimana ia merupakan hasil kepada pengajian hadith.

Manakala kepentingan syarah hadith pula dilihat sebagai satu aspek penting dalam mengembangkan lagi bidang ilmu hadith dalam usaha memberi pencerahan serta penjelasan kepada generasi-generasi yang terkemudian. Memetik kata-kata dari Syeikh ‘Ali al-Qārī di dalam kitab beliau *Mirqāt al-Mafātiḥ Sharḥ Mishkāt al-Maṣābiḥ*:⁴⁷

“Sebagaimana ulama dahulu yang berusaha meletakkan asas dan permulaan maka begitu jugalah dengan ulama yang terkemudian yang berusaha meluangkan masa dalam meringkaskan, mengklasifikasikan dan menghabiskan usia mereka dalam membuat perakuan dan menguatkan (sesbuah hadith).”

Ibn Kathir di dalam tafsir beliau ada menyebutkan bahawa:⁴⁸

“Cara terbaik dalam mentafsir ialah tafsir al-Qur'an dengan al-Qur'an kerana sesuatu ayat yang ringkas pada sesuatu tempat mungkin ada penjelasannya di ayat yang lain. Jika tidak terdapat penjelasan tersebut maka rujuklah kepada hadith Rasulullah SAW. kerana hadith adalah penjelas kepada al-Qur'an.”

Imam al-Shāfi‘ī⁴⁹ rahimahullah berkata:⁵⁰

ما حَكَمَ بِهِ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَهُوَ مَا فَهَمَ مِنَ الْقُرْآنِ

Terjemahan: “Segala apa yang dihukumkan oleh Rasulullah SAW adalah berdasarkan kefahaman baginda ke atas al-Qur'an.”

Dalil ini dikuatkan lagi dengan firman Allah Ta‘ala:

إِنَّا أَنْزَلْنَا إِلَيْكَ الْكِتَابَ بِالْحُكْمِ لِتَحْكُمَ بَيْنَ النَّاسِ إِنَّمَا أَرَأَكَ اللَّهُ وَلَا تَكُنْ لِلْخَائِنِينَ حَصِيمًا

⁴⁷ ‘Ali bin Sultan Muhammad al-Qārī, *Mirqāt al-Mafātiḥ Sharḥ Mishkāt al-Maṣābiḥ* (Beirut: Dār Ihya' al-Turath al-'Arabi, t.t.), 5:657. Lihat juga Anwar Ridhwan bin Zakaria, “Kitab Idangan Guru Ṣaḥīḥ al-Bukhārī wa Muslim: Satu Kajian Dari Aspek Metodologi Huraian Hadith”, 33.

⁴⁸ Abū al-Fidā’ Ismā‘īl ibn Kathīr al-Dimasyqi, *Muqaddimah Tafsīr al-Qur'an al-'Azīm* (Kaherah: Maktabah al-Thaqāfah al-Diniyyah, t.t.), 1:6.

⁴⁹ Beliau adalah Muhammad bin Idris bin al-'Abbās bin 'Uthman bin Shāfi‘ī bin al-Saib bin 'Ubaid bin Yazid bin Hasyim bin al-Muṭallib. Menetap di Mesir, merupakan seorang Mujaddid bagi kurun ke-2 H, wafat pada 204 H. Hidup selama 54 tahun. Lihat Ibn Hajar al-'Asqalani, *Taqrib al-Tahdhīb*, ed. Abu Muḥammad Ṣalāḥ al-Dīn bin 'Abd al-Mawjud (Mesir: Dār Ibn Rajab, 2004), 421.

⁵⁰ Abū al-Fidā’ Ismā‘īl ibn Kathīr al-Dimasyqi, *Muqaddimah Tafsīr al-Qur'an al-'Azīm*, 1:6.

Terjemahan: “Sesungguhnya Kami telah turunkan kepada kamu Kitab (ini) dengan (membawa) kebenaran, supaya engkau menghukum antara manusia dengan (faham) apa yang Allah perlihatkan kepadamu, dan janganlah engkau menjadi pembela bagi orang yang khianat.”

Al-Nisā’ 4:105

Daripada dalil-dalil di atas dapatlah dikatakan bahawa syarah hadith merupakan satu hasil ijтиhad pensyarah hadith yang berperanan sebagai penghurai, penjelas, dan penerang bagi memahami sesebuah hadith. Kebolehan menguasai ilmu *fiqh al-hadīth* bukan sahaja dengan mempunyai ilmu berkaitan matan-matan hadith semata-mata, malah turut menguasai ilmu ‘Ulūm al-Hadīth, Fiqh, Tafsīr, Nahw, Balaghah dan lain-lain lagi.

1.4 Syarat-syarat Serta Kriteria-kriteria Yang Perlu Ada Dalam Mensyarahkan Hadith.

Dalam mensyarah hadith, ada beberapa kriteria dan syarat-syarat yang perlu diberi perhatian oleh para pengarang kitab syarah hadith. Antaranya ialah:

- 1) Menguasai berbagai cabang ilmu seperti ilmu bahasa, ilmu hadith, ilmu muṣṭalāḥ al-hadīth, fiqh, usūl fiqh, tafsīr dan lain-lain lagi. Pentingnya menguasai semua cabang ilmu ini dilihat sebagai satu keperluan wajib bagi setiap pensyarah hadith. Ini dikuatkan lagi dengan kata-kata Imam al-Suyūṭī di dalam kitab beliau *Tadrīb al-Rāwī fī Sharh Taqrīb al-Nawāwī*. Beliau mengatakan bahawa:

”مَعَ مَا أَمْدَنِي اللَّهُ تَعَالَى بِهِ مِنَ الْعِلُومِ، كَالْتَفْسِيرُ الَّذِي يَطْلُعُ عَلَى فَهْمِ الْكِتَابِ الْعَزِيزِ، وَعِلْمُهُ الَّتِي دُونَتْهَا وَلَمْ أَسْبِقْ إِلَى تَحْرِيرِهَا الْوَجِيزُ، وَالْفَقْهُ الَّذِي مِنْ جَهْلِهِ فَأَنِّي لِهِ الرُّفْعَةُ وَالْتَّمِيزُ، وَالْلُّغَةُ الَّتِي عَلَيْهَا مَدَارُ فَهْمِ السَّنَةِ وَالْقُرْآنِ، وَالنَّحْوُ الَّذِي يَفْتَضِحُ فَاقِدُهُ بَكْثَرَ الزَّلَلِ وَلَا يَصْلَحُ الْحَدِيثُ لِلْحَمَانِ، إِلَى غَيْرِ ذَلِكِ مِنْ عِلْمٍ وَالْبَيْانُ الَّتِي لَبَلَاغَةِ الْكِتَابِ وَالْحَدِيثِ تَبِيَانٌ“⁵¹

⁵¹ Jalāl al-Dīn al-Suyūṭī, et al., “*Tadrīb al-Rāwī fī Sharh Taqrīb al-Nawāwī*, 14.

Terjemahan: “Dan dengan apa yang Allah Ta‘ala mengurniakanku dengan ilmu pengetahuan, seperti ilmu tafsir yang padanya seseorang dapat memahami kitab yang mulia, dan ilmu-ilmu tafsir yang telah aku bukukan yang mana sebelum ini aku belum pernah memberi penjelasan yang ringkas, dan feqah yang mana orang yang jahil tentangnya, dia tidak akan memperolehi ketinggian dan kecermelangan, dan ilmu bahasa yang dalam lingkungannya lah dapat difahami sunnah dan al-Qur'an, dan ilmu nahu bagi sesiapa yang tidak memilikinya (ilmu nahu) akan menanggung malu disebabkan banyak melakukan kesilapan dan orang yang tidak fasih itu tidak layak untuk diberi peluang bercakap dan begitu juga dengan ilmu-ilmu lain dari ilmu ma‘ānī dan ilmu bayan yang menjadi penjelas kepada sudut balaghah dalam al-Qur'an dan al-Hadith.”

Manakala Muḥammad bin Ismā‘īl al-Ṣan‘ānī pula menukilkan kata-kata seorang ahli bahasa dan penyair iaitu Abū Sa‘īd al-Asma‘ī tentang kebimbangan beliau terhadap penuntut-penuntut ilmu hadith yang tidak menguasai ilmu nahu. Beliau berkata:

“Sesungguhnya perkara yang paling aku bimbangkan ke atas penuntut-penuntut ilmu iaitu ilmu hadith, apabila dia tidak mengetahui akan ilmu nahu maka dia akan termasuk di dalam golongan yang disabdakan oleh Nabi SAW”⁵² iaitu sebuah hadith yang berbunyi:

مَنْ كَذَبَ عَلَيَّ مُتَعَمِّدًا فَلَيَتَبَوَّأْ مَفْعَدَةً مِنْ النَّارِ⁵³

Terjemahan: “Sesiapa yang berdusta atas namaku dengan sengaja maka hendaklah dia menyediakan tempatnya di dalam neraka.”

- 2) Pengarang kitab syarah hadith mestilah peka terhadap perkembangan semasa supaya dapat mengaitkan perkara-perkara baru yang berlaku pada zaman mereka dengan nas-nas al-Qur'an dan al-Hadith. Contohnya jika terdapat masalah atau isu yang timbul pada zaman tersebut maka melalui kaedah syarah ini akan menjawab serta menyelesaikan permasalahan yang timbul.

⁵² Muhammad bin Ismā‘īl al-Ṣan‘ānī , “*Taudīh al- Afkār li Ma ‘ānī Tanqīh al-Anzār*” (Mesir: Matba‘ah al-Sa‘ādah, t.t.), 2:393.

⁵³ Ṣahīḥ al-Bukhārī, Kitāb al-Janāzah, Bāb Mā Yukrah Min al-Niyahah ‘Alā al-Mayyīt, no. hadith 1291. Lihat Abū ‘Abdillah Muḥammad bin Ismā‘īl al-Bukhārī, *Ṣahīḥ al-Bukhārī* (Beirut: Dār al-Fikr, 2007), 305.

1.5 Perkembangan kitab-kitab Syarah *Sahīh al-Bukhārī* di Nusantara

Kitab *Sahīh al-Bukhārī* adalah kitab yang paling banyak mendapat perhatian di kalangan para ulama. Oleh itu tidak hairanlah jika para ulama banyak memberi ulasan dan syarahan terhadap kitab tersebut memandangkan kedudukannya sebagai kitab hadith yang paling berautoriti di antara kitab-kitab hadith.

Muhammad Zakariā al-Kandahlāwī ada menyebut di dalam muqaddimah kitab syarah beliau bahawa terdapat 131 buah kitab yang mensyarahkan *Sahīh al-Bukhārī*. Turut memberikan pendapat yang sama iaitu Dr. Tāqi Al-dīn al-Nadwī al-Mazāhirī, beliau berkata: Ta‘liq dan syarah-syarah *Sahīh al-Bukhārī* telah sampai bilangannya hingga 131 buah. Ini mengikut perhitungan, pengetahuan dan kajian guru kami di dalam mukaddimah kitab “الصوء اللامع” Mungkin bilangan sebenarnya lebih banyak daripada ini. Dan tidak syak lagi bahawa dunia Islam lebih luas daripada apa yang mengkhayalnya oleh ahli geografi. Manakala sejarah Islam di bidang ilmu lebih terkaya daripada kitab-kitab karangan ahli sejarah.

Berbeza pula dengan pengarang kitab *Kashf al-Zunūn*, beliau mengatakan ada 82 buah kitab yang memberi syarah kepada *Sahīh al-Bukhārī*. Namun begitu, kesemua kitab syarah hadith ini adalah di dalam bahasa Arab.

Karya-karya syarahan dan ringkasan kepada *Sahīh al-Bukhārī* yang ada hingga kini kebanyakannya adalah dalam bahasa Arab, dan kitab syarahan dalam bahasa Melayu amatlah sedikit. Berdasarkan hasil kajian dan maklumat yang diperoleh setakat ini, kitab yang mensyarahkan *Sahīh al-Bukhārī* dalam Bahasa Melayu adalah kitab *kitab Idangan Guru Bukhari Muslim, kitab Ilhām al-Bārī Sharḥ Sahīh al-Bukhārī Bahasa Melayu, Mukhtaṣar Ibn Abī Jamrah, Irsyad al-Qari’ Bi Sharhi Mukhtasar Sahih al-Bukhari dan Sharḥ Sahīh al-Bukhārī*. Kitab *Irsyad al-Qari’ Bi Sharhi Mukhtasar Sahih*

al-Bukhari merupakan terjemahan dan syarahan terhadap kitab *Mukhtaṣār Abī Jumrah* atau lebih dikenali dengan nama *Mukhtaṣar Abī Jamrah*. Manakala, kitab *Mukhtaṣar Ibn Abī Jamrah* ini adalah ringkasan dari Kitab *Bahjat al-Nufūṣ wa Ghāyatuhā bi Ma'rifah Mā Lahā Wa Mā 'Alayhā* yang merupakan ringkasan kepada *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Manakala *kitab Idangan Guru Bukhari Muslim* hanya mensyarah hadith-hadith pilihan sahaja di dalam *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* serta kitab ini tidaklah mensyarahkan hadith-hadith *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* secara keseluruhannya. Di sini penulis akan mengulas sedikit secara ringkas berkaitan kitab-kitab yang meringkas dan mensyarahkan *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* antaranya:

a) ***Ilhām al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī Bahasa Melayu***

Kitab ini merupakan kitab hadith yang mensyarahkan sebahagian hadith-hadith yang terdapat di dalam kitab *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Kitab ini terdiri daripada 2 jilid yang mengandungi 10 penggal. Jilid yang pertama dimulai dengan penggal pertama hingga penggal ke lima, manakala jilid yang kedua dimulai dengan penggal ke enam hingga penggal ke sepuluh. Jilid yang pertama dicetak pada tahun 1949 M manakala jilid yang kedua telah dicetak pada tahun 1954 M. Ustaz Haji Abdul Halim al-Hadi sempat mensyarahkan sejumlah 1365 hadith yang terdapat di dalam Sahih al-Bukhari iaitu *Kitab* terakhirnya adalah berkenaan dengan *Kitāb al-Janāiz*.

b) ***Kitab Idangan Guru Bukhari Muslim***

Kitab ini merupakan kitab syarahan atau huraiyan terhadap hadith-hadith pilihan yang dipetik daripada kitab *Saḥīhayn* iaitu *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* dan *Muslim*. Ini dapat dibuktikan

melalui kata-kata pegarang kitab iaitu Idris al-Marbawi di dalam mukaddimah kitab beliau dengan mengatakan bahawa:

“Apalah nama kitab itu, janganlah keliru. Ialah *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* dan Muslim. Yang hamba namakan salinan hamba daripadanya dengan nama ‘Idangan Guru’ tetapi salinan hamba ini bukan salinan semata-mata salinan, atau terjemah semata-mata terjemah, bahkan hamba petik daripada kedua-duanya dengan sehabis-habis hemat sebagai memetik buah masak bagi menerangkan maksudnya dan menerbitkan buah butirnya (isinya) yang akan menjadi amal..”⁵⁴

Kitab ini mempunyai dua jilid, iaitu jilid pertama terdiri daripada 216 halaman tidak termasuk halaman peraturan kitab serta daftar isi kandungannya. Manakala jilid yang kedua mengandungi 160 halaman tidak termasuk isi kandungan. Kitab ini dicetak pada awal Rābi al-Thānī tahun 1358 Hijrah bersamaan tahun 1939 M oleh Maṭba‘ah al-Marbawiyyah di Kaherah, Mesir.

c) ***Mukhtaṣar Ibn Abī Jamrah***

Kitab ini memuatkan sebanyak 294 buah hadith saih yang telah disaring daripada sejumlah 7397 hadith daripada kitab *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Kitab ini merupakan ringkasan daripada kitab *Bahjat al-Nuṣūs Wa Ghāyatuhā bī Ma‘rifah Mā Lahā wa Mā ‘Alayhā* iaitu sebuah kitab ringkasan huraian daripada kitab *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Hadith-hadith yang dibicarakan di dalam kitab ini turut diberikan syaranan ringkas oleh pengarangnya iaitu Ustaz Mustafa Abdul Rahman dan Yusof Rawa. Diterbitkan pada tahun 1968 M oleh Maktabah Abdullah bin Nuruddin al-Rawi Pulau Pinang.

⁵⁴ Anwar Ridhwan bin Zakaria, “*Kitab Idangan Guru Ṣaḥīḥ al-Bukhārī wa Muslim: Satu Kajian Dari Aspek Metodologi Huraian Hadith,*” 156.

d) *Irsyad al-Qari' Bi Sharhi Mukhtasar Sahih al-Bukhari*

Kitab ini dikarang oleh Dr. Zulkifli Mohammad al-Bakri⁵⁵ iaitu sebuah kitab dalam bidang hadith. Kitab ini merupakan kitab terjemahan dan syarahan terhadap kitab *Mukhtaṣar Abī Jumrah* atau lebih dikenali dengan nama *Mukhtaṣar Ibn Abī Jamrah*. Menariknya, pengarang kitab telah menjadikan kitab *Fath al-Bārī* sebagai rujukan utama dalam menjelaskan hadith serta penghasilan kepada kitab beliau ini.⁵⁶

Kitab yang terdiri daripada 2 jilid ini mampu membantu para pelajar dan para ilmuan untuk mendalami dan memahami hadith dengan lebih mudah memandangkan kitab syarahan hadith *Šaḥīḥ al-Bukhārī* pada hari ini kebanyakan adalah dalam bahasa Arab. Kitab ini juga mempunyai kelebihannya yang tersendiri. Pengarang kitab telah memuatkan beberapa terjemahan tokoh di dalam karya beliau ini. Antaranya terjemahan al-Bukhārī dan Ibn Abī Jamrah, terjemahan biodata para sahabat yang meriwayatkan hadith serta membuat sistem pernomboran yang tersusun untuk bahagian fiqh dan pengajaran hadith.

e) *Syarah Sahih al-Bukhari*

Kitab ini merupakan kitab syarah hadith yang mensyarahkan *Šaḥīḥ al-Bukhārī* di dalam Bahasa Melayu. Kitab *Syarah Sahih al-Bukhari* ini ditulis oleh Dr. Uda Mohsin⁵⁷ dan iaanya baru disiapkan dalam jilid yang pertama yang mengandungi 245 halaman. Pensyaraan dibuat bermula dari awal kitab hingga *bab min al-Din al-Firar min al-Fitān* dari *kitab al-Imān*. Ini bermaksud jilid pertama ini mengandungi kitab *bad'u al-*

⁵⁵ Beliau merupakan bekas pensyarah Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

⁵⁶ *Irsyad al-Qari' bi Syarhi Mukhtasar Sahih al-Bukhari* di bahagian kata-kata aluan. Ucapan ini telah diberikan oleh Prof Dato' Dr. Abdul Shukor bin Haji Husin, Naib Canselor Universiti Sains Islam Malaysia.

⁵⁷ Beliau merupakan Mantan Prof. Madya Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.

wahy dan sebahagian lagi dari kitab *al-Imān*. Hadith-hadith yang disyarah adalah daripada dua *kitab* dan 18 *bab*. *Kitab* yang pertama ialah *bad'u al-wahy* mengandungi 6 *bab* iaitu sebanyak 7 hadith dimana kesemua hadith telah disyarah. Manakala *kitāb al-Imān* disyarah sehingga *Bāb min al-Dīn al-Firār min al-Fitān* iaitu terdiri daripada 12 *bab* dan 12 hadith.⁵⁸

Pada bahagian pendahuluan kitab tersebut, turut dinyatakan beberapa topik penting yang membantu kepada penghasilan kitab *Syarah Sahih al-Bukhari* iaitu latar belakang, permasalahan, kepentingan, tujuan, metodologi, skop, pengenalan kepada *Syarah Sahih al-Bukhari*, dan hasil penulisan. Pengarang kitab memfokuskan syaranan beliau kepada hadith-hadith yang ada di dalam *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* sahaja.

Sedikit pengenalan terhadap metodologi kitab *Syarah Sahih al-Bukhari*. Pengarang kitab menjadikan kitab *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* yang terdapat di dalam *Fath al-Bārī* yang ditahqiq oleh ‘Abd al-Azīz bin ‘Abd Allāh bin Bāz sebagai teks penulisan kitab *Syarah Sahih al-Bukhari*. Nas dari *Syarah Sahih al-Bukhari* akan disebut dahulu dengan perkataan, Contohnya : Kata al-Imām al-Bukhārī. Teks kitab *Syarah Sahih al-Bukhari* dieja mengikut ejaan *imla'* samada nas al-Qur'an, hadith atau lainnya. Ejaan al-Qur'an disamakan dengan lainnya dalam teks itu adalah untuk memudahkan. Adapun ayat al-Qur'an yang didatangkan oleh penulis sebagai syarah dieja dengan ejaan *Rasm 'Uthmani*.⁵⁹

Manakala rujukan bagi ayat al-Qur'an pula akan dinyatakan nama surah, nombor surah, dan bilangan ayat. Bagi rujukan untuk nas hadith, pengarang kitab akan menyatakan nama kitab rujukan, dan *kitāb* (fasal). Bagi setiap *kitab* ada beberapa *bab* dan di dalam *bab* tersebut mengandungi hadith atau beberapa hadith. Kadang kala dinyatakan nama kitab dan bilangan hadith dan adakalanya disebut nama kitab, jilid dan

⁵⁸ Udah Mohsin, *Syarah Sahih al-Bukhari* (Bangi: Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2010), 1:pendahuluan.

⁵⁹ Udah Mohsin, *Syarah Sahih al-Bukhari*, xii.

halaman. Nama kitab dieja dalam bahasa Arab. Selain daripada nas hadith, pengarang kitab juga akan menulis rujukan dalam bahasa rumi dengan menyebut nama pengarang kitab terlebih dahulu.

Turut dinyatakan di bahagian *pendahuluan* tentang nama-nama kitab yang dijadikan rujukan oleh pengarang *Syarah Sahih al-Bukhari*. Antaranya kitab *Fath al-Bārī* oleh Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī, ‘Umdat al-Qārī’ oleh Badr al-Dīn al-‘Aynī, *Sharḥ Sahīh al-Bukhārī* oleh al-Karmānī, *Fath al-Mun‘im* oleh Musa Sahin Lashin dan lain-lain.

1.6 Ilmu-ilmu Asas Di Dalam Hadith *Riwāyah* dan *Dirāyah*.

Ilmu hadith merangkumi dua tajuk utama iaitu; ilmu hadith *Riwāyah* dan ilmu hadith *Dirāyah*. Ilmu hadith *Riwāyah* menurut bahasa ialah kata terbitan (*masdār*) daripada kata رَوْيَى yang bermaksud memindahkan sesuatu berita, hikayat, atau kisah dan kemudiannya menukilkan kepada orang lain.⁶⁰ Manakala menurut istilah pula ialah suatu ilmu yang mengkaji tentang periwayatan hadith-hadith Rasulullah SAW, sama ada perkataan, perbuatan, pengakuan (*taqrīr*), dan sifatnya.⁶¹ Periwayatan yang dimaksudkan bukan sekadar memindah atau meriwayatkan sehingga sampai kepada kita tetapi dengan memastikan bahawa riwayat tersebut adalah teliti, tepat dan amanah termasuklah pengertian lafaz-lafaz hadith tersebut.

Hadith *Dirāyah* menurut bahasa ialah kata terbit (*masdār*) daripada perkataan *darā yadrī* yang bermaksud mengetahui sesuatu.⁶² Menurut istilah pula, ilmu hadith dirāyah ialah suatu ilmu yang mengkaji tentang hakikat riwayat, syarat-syarat, jenis-

⁶⁰ Syed Abdul Majid Ghouri, *Al-Muyassar fī 'Ilm Muṣṭalāh al-Hadīth*, terj. Muhammad Hazim Hussin (Pengenalan Ilmu Muṣṭalāh al-Hadīth) (Selangor: Darul Syakir Enterprise, 2011), 39.

⁶¹ Mohd Muhiden Abd Rahman, ‘Ulum al-Hadīth’, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2010), 2.

⁶² Syed Abdul Majid Ghouri, *Al-Muyassar fī 'Ilm Muṣṭalāh al-Hadīth*, 45.

jenis, hukum-hukumnya serta perawi hadith⁶³ termasuklah dari aspek penerimaan dan penolakan sesebuah hadith.

Ilmu hadith *Riwāyah* dan *Dirāyah* mempunyai hubungan yang sangat erat di antara satu sama lain. Dalam hal ini, para ulama hadith sentiasa memberi penekanan dan perhatian mereka dalam bab periwayatan dan kesahihan sesebuah *matan* hadith. Antara ilmu-ilmu yang berkaitan dengan hadith *Riwāyah* ialah ilmu *Rijal al-Hadīth*, ilmu *al-Jarḥ wa al-Ta‘dīl*, dan *Takhrij al-Hadīth*. Manakala di dalam hadith *Dirāyah* pula berkaitan dengan ilmu *Muhkam dan Mukhtalif al-Hadīth*, ilmu *Gharīb al-Hadīth*, ilmu *Nāsikh* dan *Mansūkh*, Ilmu *Aṣbāb Wurūd al-Hadīth*, dan Ilmu *Fiqh al-Hadīth*.

1.7 Penutup

Telah diketahui bahawa para ulama khususnya ulama Nusantara telah memainkan peranan penting dalam usaha mensyarahkan kitab hadith karya-karya ulama terdahulu. Walaupun usaha pensyarahannya terhadap kitab-kitab hadith yang muktabar seperti *Sahīh al-Bukhārī* dan *Sahīh Muslim* dan kitab-kitab sunan yang lain ke dalam bahasa Melayu tidak sebanyak kitab syarah berbahasa Arab, namun usaha mensyarahkan kitab hadith ini masih diteruskan sehingga masa kini. Ianya wajar dijadikan contoh dan pengajaran kepada penuntut ilmu agama khususnya dalam bidang hadith, agar meneruskan usaha murni ini supaya tidak terhenti begitu sahaja. Ianya akan memudahkan masyarakat mempelajari serta memahami ilmu hadith melalui kitab-kitab yang telah disyarah ke bahasa Melayu memandangkan masih terdapat masyarakat yang tidak memahami ilmu bahasa Arab yang merupakan bahasa utama dalam memahami nas-nas al-Qur'an dan al-Hadith.

⁶³ Mohd Muhibin Abd Rahman, ‘*Ulūm al-Hadīth*’, 2.

BAB DUA

BIOGRAFI USTAZ ABDUL HALIM AL-HADI DAN PENGENALAN KITAB

ILHĀM AL-BĀRĪ SHARḤ ṢAḤĪH AL-BUKHĀRĪ BAHASA MELAYU

2.1 Pendahuluan

Di dalam bab ini, penulis membentangkan biografi Ustaz Abdul Halim al-Hadi serta pengenalan terhadap kitab *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* dan kitab *Ilhām al-Bārī Sharḥ Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī Bahasa Melayu*. Jika dilihat kepada tokoh-tokoh seperti Tok Kenali (w.1933 H), Syeikh Abdullah Fahim (w.1961H), Syeikh Idris al-Marbawī (w.1989H), Abu Bakar al-Baqir (w.1974 H) dan ramai lagi, pengarang kitab *Ilhām al-Bārī* ini tidaklah terlalu menonjol dan terkenal dikalangan masyarakat tempatan di negara kita. Namun begitu, sumbangan yang diberikan oleh beliau amat besar terutamanya dalam bidang hadith dan ini dapat dilihat menerusi beberapa karya penulisannya iaitu kitab *Tajdīb Aṭrāf al-Hadīth bi Sharḥ Mā fī Kitāb Mukhtār al-Aḥādīth*, *Ilhām al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī Bahasa Melayu*, *Īdāh al-Kalām fī Arkān al-Islām* dan *Risalah Pengajaran Ugama*.

2.2 Biografi Ustaz Abdul Halim al-Hadi

2.2.1 Nama Penuh dan Latar Belakang Tokoh

Nama lengkap beliau ialah Haji Abdul Halim bin Haji Noh bin Haji Abdul Hadi bin Mayan Terona. Dilahirkan pada tahun 1904 M di Bayan Lepas, Pulau Pinang. Beliau merupakan anak sulung daripada 5 orang adik beradik hasil perkongsian hidup bapanya iaitu Haji Noh bin Haji Abdul Hadi bersama isteri tercinta, Itam. Saudaranya yang lain

adalah terdiri daripada 3 orang perempuan iaitu Rabiah, Rahimah, Hasaniah serta seorang lelaki, bernama Abdul Aziz.

Selain itu, Ustaz Abdul Halim al-Hadi juga turut mempunyai 3 orang saudara perempuan tiri iaitu Fishah, Satariah, dan Sofiah. Mereka ini adalah anak-anak dari hasil pernikahan bapanya, Haji Noh dengan Hajah Wan iaitu ibu tiri Ustaz Abdul Halim al-Hadi selepas kematian bonda tercinta iaitu Itam.⁶⁴

2.2.2 Pendidikan

Seperti kanak-kanak lain, Ustaz Abdul Halim al-Hadi turut mendapat pendidikan secara formal dan tidak formal semasa zaman kanak-kanak. Pendidikan awalnya bermula di Sekolah Melayu Tanjung Piandang, Parit Buntar, Perak.⁶⁵ Kemudian beliau meneruskan pengajiannya di sekolah Agama Rakyat di Bayan Lepas, Pulau Pinang.⁶⁶ Pada masa yang sama beliau menuntut ilmu daripada Syeikh Abdullah Fahim (1869 M-1961 M) iaitu datuk kepada mantan Perdana Menteri Malaysia Y.A.B Dato' Seri Abdullah Hj. Ahmad Badwi. Kemudian beliau telah dipelawa oleh gurunya itu untuk tinggal bersama dengannya di Kepala Batas bersama beberapa orang sahabatnya iaitu Abu Bakar al-Baqir,⁶⁷ Haji Mohamad Saman Kati, Haji Che Hussin Che Dol, dari Kedah dan Haji Ghazali.

Selepas tamat persekolahan, Ustaz Abdul Halim al-Hadi pergi ke Mekah menunaikan haji dan kemudiannya beliau menyambung pengajian di sana. Beliau mempelajari pelbagai bidang ilmu antaranya ilmu tauhid, fiqh, usul fiqh, tafsir, bahasa

⁶⁴ Noor Azma binti Mohamad Khassim, “*Sumbangan Sheikh Abdul Halim al-Hadi kepada pengajian hadith*” (Kuala Lumpur: Jabatan Al-Qur'an dan Hadith, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2003), 3.

⁶⁵ Abd Ur Rahman bin Mohamed Amin, “*Sumbangan Haji Abdul Halim al-Hadi dalam bidang Hadith: Tumpuan kepada Kitab Tajdhib Aṭrāf al-Hadīth*”, 49.

⁶⁶ Noor Azma, *Sumbangan Sheikh Abdul Halim al-Hadi*, 4.

⁶⁷ Nama lengkap beliau ialah Abu Bakar bin Said seorang tokoh yang terkenal suatu ketika dahulu. Ayah beliau yang dikenali sebagai Lebai Said merupakan seorang tokoh agama yang cukup dihormati oleh masyarakat. Beliau lahir pada 1907 di Gunung Semanggol. Berasal dari jajahan Kendal, Jawa Tengah. Beliau mendapat gelaran “Al-Baqir” daripada Syeikh Abdullah Fahim. Lihat Khairul Nizam Zainal Badri, *Ketokohan dan Pemikiran Abu Bakar al-Baqir* (Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd., 2008), 5 dan 9.

Arab dan hadith. Masanya banyak dihabiskan dengan menuntut ilmu di Masjid al-Haram. Beliau juga dilihat lebih cenderung kepada bidang hadith. Masa-masa yang dilalui ketika menuntut ilmu di Mekah digunakan oleh beliau dengan sebaik mungkin hingga beliau menjadi seorang alim ulama yang hebat serta sangat dihormati oleh masyarakat.

2.2.3 Perkahwinan

Ustaz Abdul Halim al-Hadi telah mendirikan rumah tangga dengan seorang wanita bernama Hajah Che Tom binti Abdul Rahman. Hasil perkahwinannya tersebut mereka telah dikurniakan sebanyak 7 orang cahaya mata iaitu Khadijah, Rafidah, Faizah, Abdullah, Aisyah, Fauziah dan Aliah.⁶⁸

2.2.4 Sifat-sifat Keperibadian

Menurut Pn. Faizah iaitu anak ketiga Ustaz Abdul Halim al-Hadi, bapanya adalah seorang yang tegas dan juga lemah lembut. Di dalam ketegasan beliau dalam mendidik anak-anak, beliau turut memiliki sifat lemah lembut sebagai seorang ayah.⁶⁹

Bekas murid Ustaz Abdul Halim al-Hadi, Haji Hassim b. Salleh,⁷⁰ beliau menyifatkan gurunya itu sebagai seorang yang pendiam dan suka memberikan senyuman kepada orang lain. Selain itu, Ustaz Abdul Halim al-Hadi juga mempunyai perwatakan yang tegas dalam mendidik anak muridnya. Ustaz Hassim turut membuat perbandingan di antara Haji Ahmad Badawi yang mempunyai riak muka yang garang

⁶⁸ Pn. Faizah binti Haji Abdul Halim al-Hadi (anak perempuan Ustaz Abdul Halim al-Hadi), dalam temubual dengan penulis, 3 Januari 2011, di alamat: No. 142, Permatang Bertam, Kepala Batas, Pulau Pinang.

⁶⁹ Temubual bersama Pn. Faiezah binti Haji Abdul Halim al-Hadi.

⁷⁰ Beliau adalah Guru Besar di Sekolah Menengah Agama Daeratul Maarif Wataniah, Kepala Batas. Merupakan anak murid kepada Ustaz Haji Abdul Halim al-Hadi serta pernah mengambil ilmu secara formal di sekolah tersebut dan di masjid-masjid. Ustaz Haji Hassim bin Salleh (bekas anak murid Ustaz Abdul Halim al-Hadi), dalam temubual dengan penulis, 3 Januari 2011 di Sekolah Menengah Agama Daeratul Maarif Wataniah, Kepala Batas, Pulau Pinang.

namun tidak pernah merotan muridnya, dengan Ustaz Haji Abdul Halim seorang yang pendiam dan suka senyum namun pernah merotan muridnya atas kesalahan tertentu demi mendidik mereka menjadi orang yang berguna.⁷¹

Selain daripada itu, Ustaz Haji Abdul Halim sangat gemar membaca dan juga menabur bakti kepada tanah. Apabila mempunyai masa lapang, beliau akan menggunakan masa tersebut untuk berkebun. Beliau juga suka membantu isterinya di dapur membantu apa yang perlu.⁷²

2.2.5 Guru-guru Beliau

Seperti ulama lain, Ustaz Abdul Halim al-Hadi sangat mencintai ilmu. Beliau pernah berguru dengan beberapa orang ulama termasuklah ketika beliau menuntut ilmu di Mekah. Antara guru yang paling rapat dengannya ialah Syeikh Abdullah Fahim iaitu seorang ulama besar dari Pulau Pinang yang juga merupakan ahli politik dan juga pejuang kemerdekaan. Hubungan beliau dengan Syeikh Abdullah Fahim bukan sahaja antara guru dengan murid sahaja, malah beliau juga merupakan anak angkat kepada ulama tersohor itu. Uniknya, kedua-dua ulama ini pernah menyandang jawatan yang sama iaitu menjadi guru besar di Madrasah Dāerah al-Ma‘ārif al-Wataniyyah yang terletak di Kepala Batas, Pulau Pinang.

2.2.6 Karya-karyanya

Walaupun tidak banyak karya yang dihasilkan berbanding ulama-ulama lain namun karya-karya Ustaz Abdul Halim al-Hadi banyak memberi inspirasi dan manfaat kepada

⁷¹ Haji Hassim bin Salleh (bekas murid Ustaz Abdul Halim al-Hadi), dalam temubual bersama penulis, 3 Januari 2012.

⁷² Noor Azma, *Sumbangan Sheikh Abdul Halim al-Hadi*, 22.

orang ramai. Karya-karya beliau meliputi pelbagai bidang antaranya hadith, fiqh, akidah dan akhlak. Ketekunan dan kesungguhan beliau dalam menguasai ilmu hadith dan beberapa ilmu lain dapat dilihat melalui penghasilan karya beliau dalam mengarang kitab. Antaranya ialah:

a) ***Tajdhīb Aṭrāf al-Hadīth Bi Sharḥ Mā fī Kitāb Mukhtār al-Āḥādīth.***

Kitab ini adalah terjemahan daripada kitab *Mukhtār al-Āḥādīth* yang dikarang oleh al-Sayyid Aḥmad al-Ḥāshimī iaitu seorang ulama dari Mesir. Kitab ini mengandungi 1586 hadith terjemahan serta ulasannya telah dibuat oleh Ustaz Abdul Halim al-Hadi. Kitab ini siap ditulis pada hari Rabu, 9 Rābi‘ al-Akhīr tahun 1357 H bersamaan dengan 8 Jun 1938 M.

Kitab ini terdiri daripada dua jilid yang dipanggil penggal iaitu “Penggal 1” dan “Penggal 2.” Kitab ini mengandungi hadith-hadith pilihan yang mana di dalam jilid yang pertama, hadith-hadith ini disusun mengikut huruf-huruf yang bermula dengan huruf (أ) hingga (غ). Kemudian pada jilid yang keduanya pula dimulai dengan huruf (ه) hingga (ي). Pada akhir kitab ini membahaskan hadith-hadith yang berkaitan dengan akhlak iaitu membicarakan tentang memperbaiki perangai atau kelakuan setiap muslim supaya menjadi hamba Allah yang benar-benar berakhhlak mulia.⁷³

Beliau menggunakan metodologi penulisan yang biasa digunakan oleh kebanyakan ulama iaitu menyusun hadith-hadith mengikut huruf-huruf mu‘jam.

⁷³ Abd Ur Rahman bin Mohamed Amin, “Sumbangan Haji Abdul Halim al-Hadi dalam bidang Hadith: Tumpuan kepada Kitab *Tajdhīb Aṭrāf al-Hadīth*”, 67.

b) *Ilhām al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī Bahasa Melayu*

Kitab ini merupakan sebuah kitab hadith yang mensyarahkan hadith-hadith di dalam *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Kitab ini terdiri daripada 2 jilid yang mengandungi 10 penggal. Jilid yang pertama dimulai dengan penggal pertama hingga penggal ke lima, manakala jilid yang kedua dimulai dengan penggal ke enam hingga penggal ke sepuluh. Jilid yang pertama dicetak pada tahun 1949 M manakala jilid yang kedua telah dicetak pada tahun 1954 M. Pengarang kitab sempat mensyarahkan sebanyak 1365 hadith yang terdapat di dalam *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* dimulai kitāb *Bad'u al-Wahy* dan diakhiri dengan kitāb *al-Janāiz*. Namun begitu, kitab ini belum sempat disempurnakan syarahnya kerana anak lelaki Ustaz Abdul Halim al-Hadi yang bernama Abdullah telah ditimpah musibah sehingga Ustaz Abdul Halim al-Hadi terpaksa menjual segala peralatan beliau demi membiayai kos rawatan anaknya itu.⁷⁴

c) *Risalah Pengajaran Ugama*

Buku *Risalah Pengajaran Ugama* ini mengandungi empat penggal yang membincangkan tentang pengenalan terhadap Islam. Ditulis khas untuk kanak-kanak bagi memudahkan mereka mengenali Islam dengan lebih dekat dan mudah. Bermula dengan penggal pertama, beliau membincangkan tentang Rukun Iman dan Rukun Islam. Manakala di dalam penggal yang kedua, membincangkan tentang perkara wudhu' dan juga sembahyang. Di dalam penggal ketiga pula dibincangkan soal akhlak dan adab sopan yang perlu dipelajari oleh kanak-kanak berdasarkan ajaran Islam. Di dalam

⁷⁴ Noor Azma, *Sumbangan Sheikh Abdul Halim al-Hadi*, 53.

penggal keempat pula, membahaskan tentang sejarah hidup junjungan besar Nabi Muhammad SAW.⁷⁵

d) ***Idāh al-Kalām fī Arkān al-Islām***

Kitab bersaiz sederhana kecil yang mengandungi 56 halaman ini sangat banyak manfaatnya. Secara umumnya kitab ini membincangkan tentang rukun Islam, Iman dan Bersuci. Metodologi persembahan beliau boleh dikatakan menarik kerana beliau cuba menarik minat para pembaca dengan mengemukakan soalan seterusnya menjawab kepada persoalan tersebut. Perbahasannya juga ringkas dan mudah. Turut dinyatakan tentang hikmah-hikmah bersuci serta hikmah dalam melakukan ibadah. Ustaz Abdul Halim al-Hadi juga membawa hujah pendalilan daripada sumber yang sangat berautoriti iaitu daripada al-Qur'an dan al-Hadith. Penerangan yang ringkas namun padat sangat membantu dan memberi manfaat kepada para pembaca. Buku ini dicetak pada tahun 1954.⁷⁶

2.2.7 Jawatan Yang Pernah Disandang

Selepas beberapa tahun menuntut ilmu di Mekah, Ustaz Abdul Halim al-Hadi telah kembali ke Tanah Melayu untuk berkhidmat demi agama. Beliau telah ditawarkan untuk menjadi guru di Madrasah Idrisiah Bukit Chandan, Kuala Kangsar, Perak. Beliau juga pernah menjadi pengajar serta menjadi mudir di Madrasah Daerah al-Ma'arif al-Wataniyyah di Kepala Batas, Pulau Pinang. Dalam tempoh 4 tahun, madrasah ini mendapat sambutan yang sangat luar biasa. Pelajar-pelajarnya bukan sahaja terdiri

⁷⁵ Noor Azma, *Sumbangan Sheikh Abdul Halim al-Hadi*, 53.

⁷⁶ Noor Azma, *Sumbangan Sheikh Abdul Halim al-Hadi*, 53.

daripada masyarakat Semenanjung Tanah Melayu, malah dari masyarakat luar negara seperti Singapura, Brunei, Kemboja, Sarawak, Indonesia, dan Thailand malah pelajarnya meningkat hingga 1500 orang.⁷⁷

Selain daripada menjadi guru dan mudir di madrasah, Ustaz Abdul Halim al-Hadi pernah dilantik untuk memegang jawatan sebagai ahli jawatankuasa Majlis Fatwa Negeri Pulau Pinang. Beliau juga turut mengajar di masjid-masjid sekitar Kepala Batas pada waktu yang sama pernah dilantik menjadi imam dan khatib di Masjid Jami' al-Badāwī.

Walaupun masa beliau banyak dihabiskan dalam lingkaran keilmuan, tetapi ini tidak menghalang Ustaz Abdul Halim al-Hadi untuk terlibat di dalam bidang politik. Atas kepercayaan yang tinggi kepadanya, beliau telah dilantik menjadi Ahli Jawatankuasa UMNO Permatang Bertam. Kemudian, setelah beberapa lama beliau telah bertukar parti ke parti PAS (Parti Islam Se-Malaysia).⁷⁸

Beliau juga turut dijemput untuk mengajar dari rumah ke rumah di sekitar Kulim, Kepala Batas, Permatang Binjal dan Permatang Sintok. Pada waktu malam pula, Ustaz Haji Abdul Halim al-Hadi akan meluangkan masanya mengajar serta mengadakan pengajian.⁷⁹

2.2.8 Sumbangan Beliau Kepada Madrasah Daerah al-Ma‘arif al-Wataniyyah

Sumbangan yang diberikan oleh Ustaz Abdul Halim al-Hadi kepada Madrasah Daerah al-Ma‘arif al-Wataniyyah sangat besar dan tidak ternilai. Beliau adalah antara orang kuat dan terpenting dalam mentadbir dan menguruskan Madrasah Dāerah al-Ma‘arif al-

⁷⁷ Syed Muhammad Dawilah al-Edrus, *et.al*, *Syeikh Abdullah Fahim: Tokoh Intelek Melayu Dan Pejuang Kemerdekaan* (Johor: UTHM, 2007), 4.

⁷⁸ Noor Azma, *Sumbangan Sheikh Abdul Halim al-Hadi*, 27.

⁷⁹ Abd Ur Rahman bin Mohamed Amin, *Sumbangan Haji Abdul Halim al-Hadi dalam bidang Hadith*, 62.

Waṭāniyyah ini. Jika dilihat di dalam *kitab Tajdhib Aṭrāf al-Hadīth*, ada ditulis jawatan beliau sebagai mudir dibawah namanya pada muka hadapan kitab ini. Menurut Ustaz Haji Hassim iaitu bekas murid Ustaz Abdul Halim al-Hadi, keilmuan, ketegasan dan sifat berani gurunya telah memberi impak yang besar dalam menghasilkan pembaharuan dalam institusi tersebut. Sikap keterbukaan dan sedia berdebat dengan sesiapa sahaja merupakan satu kekuatan yang istimewa yang ada dalam dirinya.

Selain itu, pemikiran beliau yang sedikit moden telah membuka ruang dan pilihan kepada murid-muridnya yang ingin bebas dalam pemakaian songkok di sekolah. Jika dilihat sekolah-sekolah yang terdapat ketika itu, pemakaian songkok putih adalah merupakan suatu ketetapan bagi setiap murid yang datang menuntut ilmu. Namun, di bawah pimpinan Ustaz Abdul Halim al-Hadi yang merupakan guru besar Madrasah Daerah al-Ma‘arif al-Wataniyyah ketika itu, beliau sepenuhnya memberi kebebasan kepada muridnya untuk memakai songkok putih atau pun hitam.

2.2.9 Pujian Masyarakat Terhadap Beliau

Kesungguhan dan kegigihan Ustaz Abdul Halim al-Hadi dalam bidang ilmu agama terutamanya dalam bidang hadith wajar dijadikan contoh oleh generasi masa kini. Sumbangan yang beliau berikan sangat berharga dan dalam menyampaikan ilmu Islam kepada masyarakat dengan penghasilan beberapa karya tulisan jawi di Tanah Melayu. Menurut Ustaz Haji Hassim, Ustaz Abdul Halim al-Hadi adalah seorang guru yang sangat dihormati di kalangan masyarakat. Beliau memiliki sifat yang berani dan tegas dalam melontarkan pandangan disamping mempunyai ilmu yang tinggi.

Manakala Imam Masjid Jami‘ al-Badāwī iaitu Dato’ Abdul Rahim, beliau mengatakan bahawa Ustaz Abdul Halim al-Hadi banyak mengarang kitab dan juga

risalah.⁸⁰ Kecenderungan beliau dalam bidang ilmu dan penulisan akhirnya menjadikan beliau seorang ulama yang berkaliber serta dihormati oleh masyarakat.

2.2.10 Kewafatan Beliau

Ustaz Abdul Halim al-Hadi telah meninggal dunia pada 3 Mei 1981. Ketika itu beliau berusia 77 tahun dan beliau menghembuskan nafasnya yang terakhir dipangkuhan menantunya Hj. Muhammad selepas beberapa jam di bawa pulang dari hospital.

Sebelum beliau meninggal dunia, beliau ada berpesan kepada anak-anaknya supaya memberikan karya-karyanya kepada anak-anak murid beliau atau pun kepada sesiapa yang datang bertanya tentangnya.

2.3 Pengenalan Kepada *Sahīḥ al-Bukhārī*

2.3.1 Pendahuluan

Di dalam bab ini, penulis menerangkan biografi Imam al-Bukhārī yang merangkumi riwayat hidup beliau, nama kitab *al-Jāmi‘ al-Ṣaḥīḥ*, faktor-faktor yang mendorong kepada penulisan kitab, bilangan hadith, kaedah penyusunan kitab, kedudukan *Sahīḥ al-Bukhārī*, pujian ulama terhadap *Sahīḥ al-Bukhārī*, serta karya-karya lain yang dihasilkan oleh beliau.

2.3.2 Riwayat Hidup Imam al-Bukhārī

2.3.2.1 Nama Dan Asal Usul

⁸⁰ Lihat Noor Azma, *Sumbangan Sheikh Abdul Halim al-Hadi*, 31.

Beliau adalah Muḥammad bin Ismā‘īl bin Ibrāhīm bin al-Mughīrah bin Bardizbah al-Bukhārī. Datuknya yang tertinggi iaitu “Bardizbah” adalah seorang Parsi, yang telah diislamkan oleh al-Yaman al-Ja‘fi salah seorang pembesar dari Bukhara.⁸¹

Beliau dilahirkan selepas solat Jumaat bersamaan 13 Syawal 194 H, di Bukhara iaitu salah sebuah wilayah di Uzbekistan yang terletak di Asia Tengah dalam Negara Kesatuan Soviet Russia.⁸²

Dilahirkan di dalam sebuah keluarga yang alim dan warak serta berharta, bapanya Ismā‘īl merupakan seorang ulama hadith yang pernah berguru dari ulama-ulama masyhur seperti ialah Imam Mālik bin Anas, Ḥammad bin Zayd, dan Ibn al-Mubārak. Sewaktu beliau masih muda, bapanya telah meninggal dunia dan kemudiannya beliau tinggal bersama ibunya serta seorang abang yang bernama Ahmad.⁸³

Ketika berusia 16 tahun, Imam al-Bukhārī telah menghafal kitab sunan Ibn Mubārak⁸⁴ dan Imam Waqi‘⁸⁵ serta mengetahui pendapat-pendapat ahli *ra'yī* (penganut fahaman rasional), dasar-dasar dan mazhabnya. Pada tahun 210 H, beliau bersama ibu dan abangnya pergi menuaikan haji dan mengambil keputusan untuk menetap di Mekah. Di sinilah Imām Bukhārī menuntut ilmu dan pada ketika itu Mekah dikenali sebagai pusat terpenting dalam mengembangkan ilmu agama di daerah Hijaz. Beliau juga turut pergi ke Madinah dan adakalanya berulang alik antara Mekah dan Madinah.

Kecerdasan dan kebijaksanaan yang dikurniakan Allah buat Imam Bukhari membuatkan beliau mudah menerima ilmu serta mampu mengerang beberapa kitab ketika menuntut ilmu di Mekah dan Madinah.

⁸¹ ‘Abdullah ‘Abd al-‘Ālim Abū al-‘Uyūn, et.al, *Al-Mukhtaṣar Min Dirāṣāt fī Manāhij al-Muhaḍīthīn* (Mesir: Dar al-Azhar li Tabā’ah, 2007), 8. Penulis kitab ini merupakan guru hadith di Kuliah al-Dirāṣāt al-Islāmiyyah Wa al-‘Arabiyyah, Universiti Al-Azhar cawangan Iskandariah, Mesir.

⁸² Wilayah ini juga dikenali sebagai Samarkand sebelum berlaku penaklukan oleh Russia.

⁸³ Muhammad Muṣṭafa al-A‘zamī, *Studies in Hadith Methodology and Literature* (Kuala Lumpur: Islamic Book Trust, 2002), 118.

⁸⁴ Abū Abdurrahman ‘Abdullah bin al-Mubārak al-Hanzhalī al-Marwāzī, seorang tābi‘īn dan lahir pada tahun 118 H/736 M

⁸⁵ Nama beliau adalah Waqi‘ bin Jarrah, seorang ulama’ hadith dari kalangan tābi‘īn yang berasal dari Kufah. Lahir pada 127 H.

2.3.3 Nama Kitab Serta Dorongan Kepada Penulisan Kitab

2.3.3.1 *Al-Jāmi‘ al-Ṣahīḥ*

Kitab ini turut dikenali dengan nama *Ṣahīḥ al-Bukhārī*. Di dalam kitab *Al-Mukhtaṣar min Dirāsāt fī Manāhij Al-Muḥaddithīn*,⁸⁶ pengarang kitab menyatakan bahawa terdapat dua faktor yang dinamakan *Al-Jāmi‘ al- Ṣahīḥ*:

Pertama : Nama bagi *Ṣahīḥ al-Bukhārī*.

- 1) Telah berkata Ibnu Ṣalāḥ: Sesungguhnya nama bagi *Ṣahīḥ al-Bukhārī* ialah “*Al-Jāmi‘ al-Musnad al-Ṣahīḥ al-Mukhtaṣar min ‘Umūrī Rasūlillāhī Ṣalla Allāh ‘Alāyh wa Sallam wa Sunanīhi wa Ayyāmīhi.*”
- 2) Ibn Hajar pula berpendapat: Sesungguhnya Isim ‘Alam itu ialah “*Al-Jāmi‘ Al-Ṣahīḥ Al-Musnad Al-Mukhtaṣar min ‘Umūrī Rasūlillāhī Ṣalla Allāh ‘Alāyh Wa Sallam wa Sunanīhi wa Ayyāmīhi.*”

Manakala pendapat yang paling *rājiḥ*⁸⁷ ialah apa yang telah dipilih oleh Ibnu Hajar kerana al-Bukhārī pernah berkata: “*Aku mengambil pada mengumpulkan himpunan-himpunan hadith Ṣahīḥ.*”

Kedua : Masa, Tempat Penulisan.

Telah berkata al-Bukhārī: “Aku menulis Kitabku iaitu *al-Ṣahīḥ* selama 16 tahun dan aku telah mengeluarkan sebanyak 600 ribu hadith dan aku jadikan ia hujah antara aku dan Allah.”

Imam al-Nawāwī rahimahullah menyebut: “Imam al-Bukhārī telah menulis di Bukhara dan ada setengah pendapat mengatakan bahawa beliau menulis ketika berada

⁸⁶ ‘Abdullah ‘Abd al-‘Alīm Abū al-‘Uyūn, et.al, *Al-Mukhtaṣar Min Dirāsāt fī Manāhij al-Muḥaddithīn*, 13-14.

⁸⁷ Rājiḥ adalah perkataan bahasa Arab yang bermaksud tepat.

di Mekah. Dan mungkin juga di kesemua tempat ini iaitu Mekah, Madinah, Basrah, Bukhara kerana beliau menulis *Sahīh al-Bukhārī* dalam tempoh 16 tahun.⁸⁸

2.3.3.2 Faktor-faktor serta Dorongan Kepada Penulisan Kitab

Antara faktor yang mendorong beliau untuk menulis serta mengumpulkan hadith-hadith Sahih di dalam sebuah kitab ialah kerana:

- 1) Pada suatu hari, Imam al-Bukhārī mengatakan bahawa ketikamana beliau bersama Ishak bin Rahūyah, gurunya itu pernah berkata “Alangkah bagusnya jika dapat dikumpulkan di dalam sebuah kitab ringkasan sunnah Rasulullah SAW Lalu terdetik di hatiku untuk melakukannya dan aku mula mengambil dan mengumpulkan di dalam *al-Jāmi‘ al-Ṣahīh*.
- 2) Bermimpi bertemu Rasulullah. Dalam mimpi tersebut beliau berdiri disamping baginda dan mengipas-ngipas debu dari terkena Baginda. Maka, seorang pentadbir mimpi mengatakan bahawa beliau akan menyenangkan hati Nabi dengan membersihkan Hadith Nabi dari sebarang kepalsuan.⁸⁹

2.3.4 Bilangan Hadith

Ulama berbeza pendapat dalam menentukan bilangan hadith di dalam *Sahīh al-Bukhārī*. Ibnu Ṣalāh di dalam *Muqaddimah*, beliau menyebut bahawa jumlah hadith sahih di dalam *Sahīh al-Bukhārī* adalah 7275 hadith, termasuk hadith yang berulang-ulang. Manakala jika tidak termasuk hadith yang berulang-ulang jumlahnya iaitu sebanyak 4000 Hadith.

⁸⁸ ‘Abdullah ‘Abd al-‘Alīm Abū al-‘Uyūn, et.al, *Al-Mukhtaṣar Min Dirāsāt fī Maṇāḥij al-Muḥadīthīn*, 14.

⁸⁹ ‘Abdullah ‘Abd al-‘Alīm Abū al-‘Uyūn, et.al, *Al-Mukhtaṣar Min Dirāsāt fī Maṇāḥij al-Muḥadīthīn*, 14.

Manakala pendapat yang diberikan oleh al-Hāfiẓ Ibn Ḥajar di dalam *Muqaddimah* kitab *Fatḥ al-Bānī* bahawasanya bilangan hadith-hadith *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* adalah seperti berikut:

1. Jumlah hadith yang *Muṭṭasil*⁹⁰ serta tidak berulang-ulang sebanyak 2602 hadith.
2. Jumlah hadith *Muallaq*⁹¹ sebanyak 1341 hadith.
3. Jumlah hadith *Mutābi‘āt*⁹² adalah 344 dan ada juga yang menyebut 344 hadith.
4. Jumlah hadith yang matannya *Muallaq* tetapi *Marfū‘* iaitu hadith ṣaḥīḥ tapi tidak disambungkann (tidak disebutkan sanadnya secara sambung menyambung) pada tempat lain sebanyak 159 hadith.
5. Jumlah keseluruhan hadith dalam *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* termasuk hadith yang berulang ialah 9082 hadith. Jumlah ini telah dipilih daripada 600 ribu hadith yang beliau telah kumpulkan. Selama 16 tahun beliau mengabdikan diri bagi menyiapkan *Al-Jāmi‘ al-Ṣaḥīḥ* ini. Beliau pernah berkata:

” خرجته من ستمائة ألف حديث وجعلته حجة بيبي وبين الله تعالى ”⁹³

Terjemahan: “Aku telah mengeluarkan 600 ribu hadith, dan aku jadikannya sebagai hujah antara aku dengan Allah Ta‘ala.”

⁹⁰ Hadith *Muṭṭasil* juga disebut dengan nama hadith *Mausūl*.

⁹¹ Hadith *Muallaq* ialah hadith yang gugur atau dibuang sandnya baik seorang perawi maupun keseluruhannya.

⁹² Hadith *Mutābi‘āt* ialah hadith yang sanadnya menguatkan sanad yang lain dalam hadith yang sama. *Mutābi‘* terbagi kepada dua iaitu, *Mutābi‘ Tam* dan *Mutābi‘ Qāṣir*.

⁹³ Lihat al-Hāfiẓ Ibn Asākir, *Tārikh al-Damshīk*, 52/72, Dar al-Fikr.

2.3.5 Kaedah Penyusunan Kitab

Imam al-Bukhārī telah menyusun kitabnya mengikut bab-bab *fiqh* yang terdiri daripada 97 fasal (kitāb) dan 3710 bab-bab yang terkandung di dalam fasal tersebut. Kitāb ini dimulai dengan ‘permulaan penurunan wahyu’ dan diakhiri dengan kitab ‘Tawhīd’.

Kebisaannya Imam al-Bukhārī akan menyusun bab-bab di dalam kitab *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* beliau dengan mendatangkan dalil-dalil al-Qur'an diikuti dengan hadith Nabi SAW. Dari segi pembahagian hadith, ada bab-bab yang mengandungi banyak hadith dan ada juga yang sedikit. Selain itu, ada juga dalam bab-bab tertentu yang tidak mempunyai hadith di dalamnya. Hanya didatangkan ayat dari al-Qur'an sahaja. Begitu juga adakalanya dalam bab tersebut langsung tidak mempunyai hadith di dalamnya. Ini adalah kerana kemungkinan pada ketika itu Imam al-Bukhārī mendapatkan bahawa tiada hadith yang sesuai untuk dimuatkan di dalam bab-bab tersebut.⁹⁴

Selain itu, dalam masalah perawi hadith yang bermasalah, Imam al-Bukhārī akan mengambil jalan dengan tidak memasukkan dalam *al-Jāmi' al-Ṣaḥīḥ* beliau. Imam al-Bukhārī telah meninggalkan sebanyak 10 000 hadith tanpa memasukkan hadith-hadith tersebut di dalam kitab *Ṣaḥīhnya*. Ini dapat dilihat menerusi kata-kata beliau ketika berdialog dengan Muḥammad ibn Abī Ḥātim ketika beliau ditanya tentang sesebuah hadith. Beliau mengatakan jika terdapat perawi yang bermasalah maka beliau akan meninggalkan 10 000 hadith yang diriwayatkan oleh perawi yang bermasalah.⁹⁵

Begitu juga status hadith-hadith yang terdapat di dalam kitab *al-Jāmi' al-Ṣaḥīḥ*. Hadith-hadith yang terdapat di dalam *al-Jāmi' al-Ṣaḥīḥ* kesemuanya adalah berstatus *sahīḥ* sahaja.

⁹⁴ Anwar Ridhwan bin Zakaria, “Kitab Idangan Guru Ṣaḥīḥ al-Bukhārī wa Muslim: Satu Kajian Dari Aspek Metodologi Huraiān Hadith”, 132,

⁹⁵ Mohd Murshidi bin Mohd Noor, *Analisis Hadith al-Syarīkah dalam al-Ṣaḥīḥayn* (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2007), 29.

Walaupun kitab *al-Jāmi‘ al-Šahīh* mengumpulkan hadith-hadith *sahīh*, namun dalam sesetengah bab terdapat hadith-hadith *muallaq* yang setengah daripadanya berstatus tidak sahih. Menurut Dr Muhammad Abū al-Layth al-Khayr Ābādī, seorang pensyarah Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, hadith-hadith *muallaq* yang terdapat di dalam *Šahīh al-Bukhārī* ada sebanyak 1341 hadith. Akan tetapi, apa yang disebutkan oleh al-Bukhārī iaitu hadith-hadith *muallaq* yang terdapat di dalam kitab *Šahīhnya* tidaklah mencacatkan kitab beliau dan hadith tersebut dibawakan sebagai sampingan sahaja bukan atas penghasilan kitab beliau *al-Jāmi‘ al-Šahīh*.⁹⁶

2.3.6 Kedudukan *Šahīh al-Bukhārī*

Ulama bersepakat mengatakan bahawa *Šahīh al-Bukhārī* adalah kitab yang paling *sahīh* selepas al-Qur’ān al-Karīm. Kitab ini telah dikarang oleh seorang *Amir al-Mukminin* dalam bidang hadith yang mengabdikan dirinya dalam menjaga dan memelihara keautoritian hadith Nabi SAW.

Imam Nawawi r.a pernah menyebut di dalam kitab beliau *Al-Minhāj li al-Nawāwī*: “Sesungguhnya kitab yang paling *sahīh* selepas al-Qur'an adalah dua Kitab *Šahīh* iaitu Bukhārī dan Muslim, dan pendapat ini turut diterima oleh orang ramai.

2.3.7 Pujian Ulama Terhadap *Šahīh al-Bukhārī*

Šahīh al-Bukhārī sememangnya telah diakui akan keautoriannya sebagai kitab hadith yang paling tinggi martabatnya selepas al-Qur'an al-Karim. Ini dapat dilihat apabila ulama-ulama banyak memberi perhatian kepada kitab sahih ini antaranya dengan mensyarahkan serta meringkaskan kitab *Šahīh al-Bukhārī*. Selain daripada itu, kitab

⁹⁶ Muhammad Abū al-Layth al-Khayr Abādī, ‘Ulum al-Hadīth Asiluhā wa Mu‘āṣiruhā, (Selangor: Dār al-Syakir, 2003), 173.

sahih ini banyak menerima pujian dari ulama-ulama masyhur antaranya Ibn Ṣalah (w.643 H), Ibn Hajar al-Asqalānī (w.852 H), Imam al-Nawāwī (w.852 H) dan akhirnya turut menjadi kesepakatan oleh ulama-ulama ahli sunnah.

Berkata Ibn Khuzaymah:⁹⁷ “Tidak aku lihat seorang pun di bawah langit ini yang mengetahui hadith Rasulullah SAW melainkan Muḥammad ibn Ismā‘īl al-Bukhārī. Manakala al-Tirmidhī pula mengatakan bahawa, “Tidak aku lihat akan kecacatan dan seseorang yang mengetahui lebih daripada al-Bukhārī.”⁹⁸

2.3.8 Karya-karya beliau

Imam al-Bukhārī banyak menghasilkan kitab, dan *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* adalah antara karya hadith beliau yang sangat masyhur serta dijadikan rujukan masyarakat dunia hingga ke hari ini. Antara kitab-kitab karangan beliau adalah :

- 1) Al-Ǧāmi‘ al-Ṣaḥīḥ
- 2) Al-Adāb al-Mufrad
- 3) Al-Tārikh al-Ṣaghīr
- 4) Al-Tārikh al-Awsat
- 5) Al-Tārikh al-Kabīr
- 6) Al-Tafsīr al-Kabīr
- 7) Al-Musnad al-Kabīr
- 8) Kitāb al-‘Ilāl
- 9) Raf‘ al-Yadayn fī al-Ṣalāh
- 10) Bir al-Wālidayn
- 11) Kitāb al-Ashribah

⁹⁷ Beliau adalah Muhammed bin Ishaq bin Khuzaimah bin al-Mughirah bin Salih bin Bakar Al-Sulaimiy Al-Naysaburi. Beliau juga digelar *Imam al-Aimma* (imam para imam).

⁹⁸ Mohd Murshidi bin Mohd Noor, *Analisis Hadith al-Syarīkah dalam al-Ṣaḥīḥayn* (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2007), 11.

- 12) Al-Qirāat Khalf al-Imām
- 13) Kitāb al-Dhu‘afā’
- 14) Asāmi al-Şahābah
- 15) Kitāb al-Kunā

2.4 Pengenalan Terhadap Kitab *Ilhām al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī Bahasa Melayu*

- a) Nama Kitab

Setelah meneliti isi kandungan serta muqaddimah kitab *Ilhām al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī Bahasa Melayu*, penulis mendapati bahawa tiada perbincangan atau perbahasan berkaitan perletakan nama kitab atau tajuk yang sebenar terhadap kitab ini. Namun begitu, di bahagian mukaddimah kitab *Ilhām al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī Bahasa Melayu*, Syeikh Abdullah Fahim ada menyebut berkenaan tajuk kitab iaitu:

“Sebenarnya kami telah lihat Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī yang telah disusun oleh saudara kami Abdul Halim al-Hadi dengan bahasa Melayu, maka kami dapati bahawa susunannya itu bagus dan sesuai, bahkan terang dengan seterang-terangnya, buat kata pepatah (sudah terang lagi bersuluh). Terus kami hantarkan namanya dengan “Ilhām al-Bārī ilā tarjamah Ṣaḥīḥ al-Bukhārī.”

Penulis mempunyai pandangan tersendiri berkaitan tajuk kitab yang dikaji penulis iaitu kitab *Ilhām al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī Bahasa Melayu*. Ilham bermaksud Allah menanamkan di dalam hati seseorang dengan mendorongnya samada meninggalkan atau melakukan sesuatu. Ilham juga boleh dikatakan sebagai bisikan hati.

Manakala maksud Al-Bārī pula adalah Yang Mencipta iaitu Allah. Dalam īmendefinisikan ‘al-Bārī,’ Ibn Athīr di dalam kitabnya *Jāmi‘ al-Usūl fī Ahādīth al-Rasūl Salla Allāh ‘Alayh wa Sallam* mengatakan bahawa al-Bārī ertiannya yang menciptakan makhluk tanpa meniru. Namun begitu, lafaz ini lebih menjurus kepada pengkhususan

penciptaan makhluk-makhluk yang hidup dan bukannya makhluk yang lain. Jika dilihat di dalam al-Qur'an, terdapat perbezaan di antara lafaz *Bara'ā* dan *Khalqa*. Di sinilah sebenarnya terletak perbezaan lafaz antara nama Allah yang mulia iaitu al-Bārī dan al-Khāliq. Firman Allah Ta'ala:

هُوَ اللَّهُ الْخَالِقُ الْبَارِئُ الْمُصَوِّرُ لَهُ الْأَنْعَمَاءُ الْحَسَنَىٰ يُسَبِّحُ لَهُ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَهُوَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ

Terjemahan: "Dialah Allah, yang Menciptakan sekalian makhluk, Yang Mengadakan (daripada tiada kepada ada); yang membentuk rupa (makhluk-makhluknya menurut yang dikehendakinya) bagiNyalah nama-nama yang sebaik-baiknya dan semulia-mulianya; bertasbih kepadaNya segala yang ada di langit dan bumi; dan Dialah yang tidak ada tolok bandingNya lagi Maha Bijaksana."

Al-Hasyr 59: 24

Dalam menjelaskan maksud ayat di atas, Ibn Kathīr telah menjelaskan bahawa *al-Khalq* yang berasal daripada perkataan *al-Khāliq* membawa maksud menetapkan. Manakala *al-Bar'u* bermaksud *al-Faryu* iaitu melaksanakan serta memunculkan apa yang Dia tetapkan menuju ka alam nyata. Dan tidaklah semua yang mengaturkan dan menetapkan sesuatu mampu melaksanakan atau mewujudkan kecuali Allah Ta'ala.⁹⁹

Berdasarkan penjelasan di atas, penulis membuat kesimpulan bahawa nama *Ilhām al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī Bahasa Melayu* membawa suatu maksud yang sangat indah iaitu ilham atau dorongan hati yang dikurniakan oleh Allah Ta'ala yang bersifat al-Bārī kepada pengarang kitab dalam menterjemah atau mensyarah hadith-hadith *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Maka terhasillah sebuah kitab syarah hadith yang mampu memberi manfaat kepada masyarakat Melayu walaupun syarahannya tidak sempat diselesaikan oleh Ustaz Abdul Halim al-Hadi.

⁹⁹ Lihat Ibn Kathīr, *Tafsir al-Qur'an al-Azim*, 4:441.

ii) Pengertian *Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*.

Maksud Syarah

*Syarah*¹⁰⁰ bermaksud; keterangan, huraian, penjelasan dan ulasan. Apa yang dimaksudkan dengan *Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* di sini adalah suatu usaha mensyarahkan hadith-hadith di dalam *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* dengan kaedah penerangan, huraian serta penjelasan samada ringkas atau terperinci berdasarkan kefahaman pengarang kitab dengan mengikut disiplin-disiplin ilmu dalam mensyarah hadith. Jika diteliti maksud kata-kata Syeikh Abdullah Fahim tentang perletakan *Ilhām al-Bāñ Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī Bahasa Melayu*, dapatlah dikatakan bahawa kitab ini memberi manfaat yang besar kepada masyarakat untuk mempelajari dan memahami sunnah Nabi SAW dengan lebih mudah dan terperinci.

Sumbangan yang diberikan oleh Ustaz Abdul Halim al-Hadi dalam bidang hadith sangat besar hingga menghasilkan sebuah karya hadith dalam bahasa Melayu yang mensyarahkan hadith-hadith di dalam kitab *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*.

Penulis memfokuskan kepada metodologi penulisan terhadap keseluruhan kitab ini, justeru menilai sejauhmanakah kemampuan ulama Melayu ini dalam mengaplikasikan metodologi syarah hadith di dalam kitab beliau dengan merujuk kepada metodologi syarah hadith yang digunakan oleh ulama-ulama hadith.

a) Dorongan kepada penulisan kitab

Di bahagian muqaddimah kitab *Ilhām al-Bāñ Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī Bahasa Melayu*, ada ditulis tujuan atau dorongan pengarang kitab dalam mensyarahkan hadith di dalam *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Ustaz Haji Abdul Halim menyebut bahawa:

“Adapun tujuan saya menterjemahkan hadith “*Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*” ini ialah supaya terpelihara daripada segala hadith yang tidak berketentuan, kerana hadith yang tersebut memang terpelihara dan ahli rawinya terkenal dan tertinggi sebutannya, sebab itu

¹⁰⁰ Hajah Noresah bt. Baharom, *Kamus Dewan Edisi Keempat*, 1558.

diterjemahkan dia mudah-mudahan akan menjadikan panduan kepada kaum bangsa sebagai panduan yang tidak akan menerima goyangan.”¹⁰¹

b) Tarikh penulisan

Penulis tidak menjumpai tarikh sebenar bermulanya penulisan kitab *Ilhām al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī Bahasa Melayu*. Perkara ini juga tidak dinyatakan di bahagian pendahuluan kitab. Berdasarkan pengamatan penulis, kitab ini kemungkinan besarnya selesai dikarang pada 1 Jamadil Akhir 1368H bersamaan 30 Mac 1949. Penulis mengatakan sedemikian kerana naskhah cetakan yang dirujuk penulis adalah pada tahun 1950. Walaupun penulis memiliki jilid pertama dari cetakan yang kedua kitab tersebut, namun penulis yakin kitab ini sudah mula disiapkan sebelum atau pada tahun 1950.

Keseluruhan kitab *Ilhām al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī Bahasa Melayu*, adalah berjumlah 8 buah jilid. Kitab yang penulis jadikan rujukan mempunyai tahun cetakan yang beza-beza. Ada cetakan pertama dan ada juga dari cetakan yang kedua. Di bawah ini penulis senaraikan jilid serta tahun cetakan kitab yang penulis miliki setakat ini.

c) Jadual Tahun Cetakan

Bil.Jilid	Tahun cetakan
Jilid 1	1961 (cetakan kedua)
Jilid 2	1961(cetakan kedua)
Jilid 3	1950 (cetakan pertama)
Jilid 4	1961 (cetakan kedua)
Jilid 5	1951 (cetakan pertama)
Jilid 6	1953 (cetakan pertama)

¹⁰¹ Abdul Halim al-Hadi, *Ilhām al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī Bahasa Melayu*, mukaddimah.

Jilid 7	1953 (cetakan pertama)
Jilid 8	1953 (cetakan pertama)

2.5 Penutup

Di alam Melayu ini, karya-karya penulisan yang mensyarahkan hadith-hadith *Sahīh al-Bukhārī* masih lagi kurang berbanding karya-karya lain samadadalam bidang tafsir, fiqh, dan sebagainya. Kesungguhan dan ketinggian semangat Ustaz Abdul Halim al-Hadi dalam bidang hadith, wajar dijadikan contoh dan ikutan oleh generasi masa kini dan akan datang agar lebih bersungguh-sungguh dalam menuntut ilmu khususnya dalam bidang hadith. Walaupun kitab *Ilhām al-Bāñ Sharḥ Sahīh al-Bukhārī Bahasa Melayu* belum sempat disiapkan oleh pengarang kitab, namun manfaatnya dapat dinikmati oleh masyarakat dalam memahami ilmu hadith.

BAB TIGA

METODOLOGI PENULISAN *ILHĀM AL-BĀRĪ SHARŪH*

SHĀHĪH AL-BUKHĀRĪ BAHASA MELAYU

3.1 Pendahuluan

Pemahaman yang baik terhadap metode penulisan kitab mampu membantu para pembaca dan pengkaji kitab untuk memahami apa yang ingin disampaikan oleh pengarang kitab serta kecenderungan mereka dalam bidang penulisan. Melalui kaedah pengkajian terhadap metode penulisan sesebuah kitab, dapatlah dikenalpasti bentuk-bentuk penulisan atau manhaj pengarang kitab dalam penulisan mereka secara tidak langsung memberi gambaran awal mengenai penulisan mereka. Secara umumnya, terdapat beberapa metode utama yang digunakan oleh ulama-ulama hadith dalam penulisan kitab syarah hadith. Di dalam bab ini, penulis mengemukakan metode umum dan metode penulisan Ustaz Abdul Halim al-Hadi dalam mengarang kitab *Ilhām al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī Bahasa Melayu*.

3.2 Metode Umum kitab *Ilhām al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī Bahasa Melayu*

Lazimnya, metode pensyarahan hadith dilihat seakan-akan sama dengan metode pentafsiran al-Qur'an. Para ulama hadith menghasilkan karya-karya hadith mereka dengan mempersembahkan metodologi pensyarahan yang berbeza-beza. Antara metode syarah hadith yang digunakan adalah dseperti metode *tahlīlī* (terperinci), metode *ijmālī* (ringkas), dan metode *muqāran* (perbandingan). Ketiga-tiga metode ini mempunyai

peranannya yang tersendiri dalam memberikan kefahaman terhadap maksud hadith yang disampaikan.

i. Metode *Tahlīlī*

Ulama hadith menggunakan metode *tahlīlī* dalam menerangkan maksud-maksud sesebuah hadith dengan lebih terperinci. Metode ini menghuraikan segala aspek yang terkandung di dalam hadith serta menerangkan makna-makna yang tercakup di dalamnya sesuai dengan kecenderungan dan kepakaran pensyarah hadith. Hadith yang disyarah mengikut metode ini kebiasaannya membahaskan latar belakang sebab turunnya hadith, kaitan hadith tersebut dengan hadith yang lain, pendapat-pendapat ahli hadith termasuklah para sahabat Nabi, tabi‘in dan tabi‘ tabi‘in tentang kefahaman hadith tersebut dan lain-lain lagi. Antara kitab yang menggunakan metode tahlili ialah *Fath al-Bārī Bi Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* dikarang oleh Ibn Hajar al-‘Asqalānī, *Al-Kawākib al-Dirārī fi Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* oleh Shams al-Dīn Muḥammad ibn Yūsuf al-Kirmānī, *Irshād al-Sāri li Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* oleh Ibn ‘Abbas Shihab al-Dīn Ahmad ibn Muḥammad al-Qastalānī, Kitāb Sharḥ al-Zaqānī ‘alā al-Muwaṭṭa’ al-Imām Mālik, karangan Muḥammad ibn ‘Abd al-Bāqī’ ibn Yūsuf al-Zarqānī dan lain-lain lagi.

ii. Metode *Ijmālī*

Metode ini hampir sama dengan metode *tahlīlī* akan tetapi mempunyai batas perbeaan yang agak tipis dari aspek syarahan dan huraian hadith. Dalam metode *tahlīlī*, huraian dan syarahan hadith dilakukan dengan lebih terperinci berbanding metode *ijmālī*, kerana tidak mempunyai ruang mengemukakan pendapat dan idea pensyarah hadith. Penerangan dan syarahan yang dibuat adalah bersifat umum dan ringkas, walaupun adakalanya sebuah matan hadith tertentu memerlukan huraian dan syarahan yang

panjang lebar namun pensyarahannya tersebut tidaklah seluas dan terperinci seperti metode *tahlīlī*. Antara ulama hadith yang menggunakan metode ini di dalam karya mereka ialah Muḥammad ibn Ashrāf ibn ‘Ali Haidar al-Siddiqī dengan karya beliau ‘Aun al-Ma‘bud Sharḥ Sunan Abī Dawūd, dan Jalāl al-Dīn al-Suyūṭī dengan karya bertajuk Sharḥ al-Suyūṭī li Sunan al-Nasa’ī. Jika dilihat, pensyarahannya hadith yang menggunakan metode ini lebih ringkas, dan padat dengan gaya bahasa yang mudah difahami oleh pembaca. Ini kerana pensyarah menjelaskan secara langsung maksud sesebuah hadith dengan tidak mengemukakan pendapatnya dengan panjang lebar. Berbeza dengan metode *ijmālī* yang memberikan ruang yang banyak kepada pensyarah hadith untuk mengemukakan pendapat dan idea-ideanya.

iii. Metode *Muqāran*

Metode *muqāran* berbeza dengan kedua-dua metode yang dibincangkan sebelum ini. Dengan metode ini, pensyarah hadith dapat membandingkan hadith yang memiliki redaksi yang sama atau redaksi yang berbeza, bahkan metode ini bukan sahaja membandingkan hadith tersebut dengan hadith yang lain, akan tetapi ianya turut membandingkan pendapat-pendapat ulama dalam mensyarah suatu hadith. Contoh kitab yang menggunakan metode *muqāran* ialah kitab *Sahīh al-Muslim bi Sharḥ al-Nawāwī* dan ‘Umdah al-Qārī Sharḥ *Sahīh al-Bukhāri*.

Berdasarkan penelitian dan kajian yang dilakukan, penulis mendapati Ustaz Abdul Halim al-Hadi menggunakan metode *ijmālī* dalam pensyarahannya beliau. Penulis mengatakan demikian kerana pengarang kitab *Ilhām al-Bāñ Sharḥ Sahīh al-Bukhārī Bahasa Melayu* ini tidak mensyarah hadith secara terperinci atau *tahlīlī* dan syaran yang dibuat beliau bersifat ringkas dan umum, dengan tidak mengemukakan pendapat beliau secara peribadi.

Ustaz Abdul Halim al-Hadi juga tidak mengaplikasikan metode *muqāran* ketika mensyarah hadith *Sahīh al-Bukhārī*. Walaupun beliau membawakan dalil-dalil al-Qur'an dan al-Hadith ketika mensyarah hadith, namun ianya tidaklah bersifat *muqāran* atau dilakukan perbandingan di antara hadith yang disyarah dengan hadith yang lain. Begitu juga ketika mengemukakan pendapat-pendapat ulama sebagai hujah dan dalil, Ustaz Halim hanya membawakan pendapat tersebut tanpa membuat sebarang perbandingan.

3.3 Metode Penulisan Kitab *Ilhām al-Bārī Sharḥ Sahīh al-Bukhārī Bahasa Melayu.*

Penulis meneliti metode penulisan kitab Ustaz Abdul Halim al-Hadi dalam kitab *Ilhām al-Bārī Sharḥ Sahīh al-Bukhārī Bahasa Melayu* bagi membantu penulis menganalisis data di dalam bab keempat. Penerangannya adalah seperti berikut:

- 1) Pengarang kitab memulakan penulisannya dengan menyatakan perkara-perkara berikut:
 - a. Kitab beliau dimulai dengan muqaddimah yang didahului dengan lafaz بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
 - b. Menjelaskan faktor yang mendorong beliau menulis kitab *Ilhām al-Bārī Sharḥ Sahīh al-Bukhārī Bahasa Melayu*. Perkara ini telah dijelaskan oleh beliau di dalam mukaddimahnya iaitu:

“Sesungguhnya saya dengan keluaran kitab *Sahih al-Bukhārī* yang tak seperti ini diharap akan terlepas tanggungan saya di sisi Tuhan dan di sisi kaum Islam, bangsa saya yang sedang ingin hendak meneguk pengertian makna hadith.”¹⁰²

- c. Menjelaskan makna hadith secara ringkas.

Contoh:

باب المسح على الخفين

حَدَّثَنَا أَصْبَعُ بْنُ الْفَرِيجِ الْمَصْرِيُّ، عَنِ ابْنِ وَهْبٍ، قَالَ: حَدَّثَنِي عَمْرُو بْنُ الْخَارِثِ، حَدَّثَنِي أَبُو النَّضْرِ، عَنْ أَبِي سَلَمَةَ بْنِ عَبْدِ الرَّحْمَنِ، عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ، عَنْ سَعْدِ بْنِ أَبِي وَقَاصٍ عَنْ «النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنَّهُ مَسَحَ عَلَى الْخَفَّيْنِ» وَأَنَّ عَبْدَ اللَّهِ بْنَ عُمَرَ سَأَلَ عَنْ ذَلِكَ فَقَالَ: نَعَمْ، إِذَا حَدَّثَكُ شَيْئًا سَعْدٌ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَلَا تَسْأَلْ عَنْهُ غَيْرَهُ۔ وَقَالَ مُوسَى بْنُ عُقْبَةَ: أَحْبَرَنِي أَبُو النَّضْرِ، أَنَّ أَبَا سَلَمَةَ، أَحْبَرَهُ أَنَّ سَعْدًا حَدَّثَهُ، فَقَالَ عُمَرُ لِعَبْدِ اللَّهِ: نَحْنُ

Terjemahan: Diriwayat oleh Sa‘ad bin Abī Waqaş dari junjungan SAW bahwasanya dia (junjungan) biasa menyapu atas dua kasutnya ketika dia mengambil wudhu’ buat ganti membasuh dua kakinya, dan sesungguhnya ‘Abdullah anak Saidina ‘Umar bertanya bapanya ('Umar) berkenaan yang demikian maka bapanya menjawab; Ya! Betul bahawa junjungan biasa menyapu di atas dua kasutnya. Sebenarnya apabila bercerita kepada engkau oleh Sa‘ad ibn Abī Waqaş (sebarang-barangnya) maka janganlah engkau bertanya lagi kepada lain orang kata Saidina ‘Umar kepada anaknya ('Abdullah) dan Imam Bukhari menambah kata bahwasanya Abī Salamah bercerita dia telah dikhabar oleh Sa‘ad ibn Abī Waqaş bahawa junjungan SAW biasa menyapu dengan air ke atas dua kasutnya seterusnya Saidina ‘Umar pun berkhabar demikian kepada anaknya ‘Abdullah.

Keterangan:¹⁰³

Bahawa menyapu air atas dua kasut itu semata-mata ganti membasuh dua kaki ketika mengambil wudhu’, ertiya kasut tidak terpaksa ditinggalkan dari kaki seorang yang hendak mengambil wudhu’ bahkan harus dia sapu di atas itu kasut apabila didapati syarat-syaratnya seperti berikut:

- (1) hendaklah dipakai akan dia selepas bersuci daripada hadas kecil dan besar.

¹⁰² Abdul Halim al-Hadi, *Ilhām al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī Bahasa Melayu* (Pulau Pinang: Persama Press), 1:muqaddimah.

¹⁰³ Abdul Halim al-Hadi, *Ilhām al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī Bahasa Melayu*, 3:35.

- (2) hendak adalah kasut itu melitupi bekas fardhunya (kaki) iaitu belakangnya berserta dua buku lali mengikut sekelilingnya.
- (3) bahawa adalah kasut itu suci.
- (4) keadaan kasut itu tahan lasak ertinya tahan diperganyahkan.

Ustaz Abdul Halim tidaklah mensyarahkan sesuatu hadith dengan terperinci seperti yang dilakukan oleh ulama-ulama terdahulu. Beliau hanya mensyarahkan hadith menurut zahir hadith sahaja. Namun begitu, usaha beliau dalam mensyarah hadith telah memberi sumbangan yang besar kepada masyarakat khususnya mereka yang tidak pandai berbahasa Arab. Hal ini kerana kebanyakan kitab-kitab yang mensyarahkan hadith-hadith *Sahīh al-Bukhārī* adalah dalam bahasa Arab.

d. Menyatakan tujuan penulisan beliau menterjemahkan hadith *Sahīh al-Bukhārī*.

Di dalam kata-kata beliau ada menyebut:

“Tujuan saya menterjemahkan hadith ((*Sahīh al-Bukhārī*)) ini supaya terpelihara daripada segala hadith yang tidak berketentuan. Kerana hadith yang tersebut memang terpilih dan ahli rawinya terkenal dan tertinggi sebutannya, sebab itu diterjemahkan dia mudah-mudahan akan menjadikan panduan kepada kaum bangsa sebagai panduan yang tidak akan menerima goyangan.”¹⁰⁴

Berdasarkan petikan di atas, pengarang kitab telah menyatakan bahawa beliau telah menterjemahkan hadith-hadith di dalam kitab *Sahīh al-Bukhārī*. Penulis mendapati bahawa terjemahan beliau bukanlah terjemahan semata-mata kerana selain menterjemah beliau juga mensyarah hadith-hadith tersebut dengan kefahamannya sendiri. Selain itu beliau juga turut merujuk kitab-kitab hadith serta menukilkan pendapat daripada ulama-ulama muktabar antaranya Ibn Hajar dan al-Qastalānī.

¹⁰⁴ Abdul Halim al-Hadi, *Iḥām al-Bārī Sharḥ Sahīh al-Bukhārī Bahasa Melayu*, 1:muqaddimah.

- e. Ustaz Abdul Halim al-Hadi tidak mengkhususkan tajuk-tajuk *kitāb*¹⁰⁵ untuk dimuatkan di dalam setiap penggal di dalam kitab *Ilhām al-Bārī Sharḥ Ṣahīḥ al-Bukhārī* Bahasa Melayu. Ada sesetengah tajuk *kitab* yang perbahasannya disambung dan dimasukkan ke penggal (juzuk) yang lain dan seterusnya disambung pula dengan tajuk *kitab* yang baru.

Contoh:

-Di dalam penggal kelima dan keenam, pengarang kitab memasukkan perbincangan *kitab al-Ṣalāh* iaitu dari penggal kelima ke dalam penggal keenam iaitu kitab *Mawāqīt al-Ṣalāh*. Pengarang memasukkan kitab *al-Ṣalāh* kerana tajuk ini mempunyai kaitan dengan penggal selepasnya iaitu kitab *Mawāqīt al-Ṣalāh*.

- f. Memulakan penulisan beliau dengan *Kitāb Bad'u al-Wahy* iaitu dimulai dengan bab niat dan diakhiri *Kitāb al-Janāiz*. Kebanyakan ulama menggunakan kaedah yang sama iaitu memulakan penulisan mereka dengan memulai bab niat.

Namun begitu, penulis mendapati pengarang kitab ini tidak menyatakan beberapa perkara asas sebelum menterjemahkan kitab *Ilhām al-Bārī Syarḥ Ṣahīḥ al-Bukhārī Bahasa Melayu*. Antaranya ialah pengenalan terhadap kitab *Ṣahīḥ al-Bukhārī* yang merupakan sumber kedua mempunyai autoriti selepas al-Qur'an. Beliau juga tidak menjelaskan metode penulisan dengan lebih jelas.

- 2) Susunan *kitab-kitab* di dalam *Ilhām al-Bārī Syarḥ Ṣahīḥ al-Bukhārī Bahasa Melayu* dimulai dengan *kitāb bermulanya Bad'w al-Wahy*, *kitāb al-Imān*, *kitāb al-'Ilm*, *kitāb al-Wuḍū'* (*al-Taḥarah*), *kitāb al-Ghuṣl*, *kitāb al-Hā'iḍ*, *kitāb al-*

¹⁰⁵ *Kitāb* di sini bermaksud tajuk utama.

Tayammum, kitāb al-Ṣalāh, kitāb Mawāqit al-Ṣalāh, kitāb al-Azan, kitāb al-Jumu‘ah, kitāb al-Khawf, kitāb al-‘Aydayn, kitāb al-Witr, kitāb al-Istisqā’, kitāb al-Kusūf, kitāb Sujūd al-Qur‘an, kitāb Taqṣīr al-Ṣalāh, kitāb al-Tahajjud, kitāb Faḍl al-Ṣalāh fī Masjid Makkah wa al-Madīnah, kitāb al-‘Aml fī al-Ṣalāh, kitāb al-Sāhw, dan kitāb al-Janāiz.

- 3) Penulisan kitab dibuat dengan meletakkan matan-matan hadith pada awal perbincangan diikuti dengan terjemahan hadith dalam bahasa Melayu.
- 4) Membuat sistem penomboran pada makna hadith bagi memudahkan pembaca mengenalpasti isi-isi penting yang dinyatakan oleh pengarang. Namun sistem ini tidaklah diaplikasikan secara menyeluruh kepada semua isi-isi penting dari makna hadith tersebut. Antara contoh beliau menggunakan sistem pernomboran adalah seperti berikut:

مَنْ كُنَّ فِيهِ وَجَدَ حَلَاوَةً الْإِيمَانِ أَنْ يَكُونَ اللَّهُ وَرَسُولُهُ أَحَبَّ إِلَيْهِ مِمَّا سِوَاهُمَا وَأَنْ يُحِبَّ الْمَرْءَ لَا يُحِبُّ إِلَّا اللَّهُ وَأَنْ يَكُرْهَ أَنْ يَعُودَ فِي الْكُفُرِ كَمَا يَكُرْهُ أَنْ يُقْذَفَ فِي النَّارِ

Terjemahan: Sesiapa ada tiga perkara pada dirinya, dapatlah ia merasai kemanisan iman;

- 1) Apabila ada padanya rasa kasihkan Tuhan dan rasul-Nya lebih daripada kasihkan yang lain daripada keduanya.
- 2) Ada mempunyai rasa kasihkan kepada seseorang semata-mata ikhlas kerana Allah.
- 3) Ada mempunyai rasa benci hendak kembali kepada kafir seperti benci hendak mencampakkan ke dalam api (neraka).
- 5) Mengemukakan sanad hadith yang lengkap dan sempurna.

Contoh:

Ustaz Abdul Halim al-Hadi akan mengemukakan sanad dan matan yang lengkap ketika melakukan pensyiarahan terhadap hadith-hadith dari *Sahīh al-Bukhārī*. Penulis membawakan beberapa contoh hadith yang diambil dari kitab *Ilhām al-Bārī Sharḥ Sahīh al-Bukhārī*. Contohnya adalah seperti berikut:

حَدَّثَنَا مَطْرُ بْنُ الْفَضْلِ، قَالَ: حَدَّثَنَا رَوْحٌ، قَالَ: حَدَّثَنَا زَكْرِيَّاً بْنُ إِسْحَاقَ، حَدَّثَنَا عَمْرُو بْنُ دِينَارٍ، قَالَ: سَعَثْ جَابِرَ بْنَ عَبْدِ اللَّهِ، يُحَدِّثُ «أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يَنْقُلُ مَعْهُمُ الْحِجَارَةَ لِلْكَعْبَةِ وَعَلَيْهِ إِزارَةٌ» ، فَقَالَ لَهُ العَبَّاسُ عَمْهُ: يَا ابْنَ أَخِي، لَوْ حَلَّتْ إِزارَكَ فَجَعَلْتَ عَلَى مَنْكِبِيَّكَ دُونَ الْحِجَارَةِ، قَالَ: «فَاحْلُهُ فَجَعَلَهُ عَلَى مَنْكِبِيَّهِ، فَسَقَطَ مَعْنِيًّا عَلَيْهِ، فَمَا رَأَيْتَ بَعْدَ ذَلِكَ عَزِيزًا صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ»

Terjemahan: Jabir bin ‘Abdullah bercerita bahawa junjungan kita SAW berkerjasama dengan bangsa Quraisy mengangkat batu untuk membina Ka‘abah. Sungguhnya junjungan dewasa itu masih berkain sepinggang, demi demikian telah berkata kepadanya oleh bapa saudaranya al-‘Abbās, hai anak saudaraku, hendaklah engkau rungkaikan kain yang di pinggang engkau kemudian engkau letakkan atas dua bahu engkau sebagai pelapik bagi batu yang akan engkau pikul itu! Maka dengan serta merta dirungkai oleh junjungan terus ia letak atas dua bahunya, maka tak berapa lama ia pun rebah (pitam), sesungguhnya kemudian dari tu tak dilihat lagi junjungan itu membuka auratnya.¹⁰⁶

Hadith-hadith yang diletakkan di dalam kitab *Ilhām al-Bārī Sharḥ Sahīh al-Bukhārī* semuanya mempunyai sanad dan matan yang lengkap walau pun tidak semua hadith yang dinyatakan diberi syarah oleh pengarang kitab ini. Bahkan, ini adalah salah satu metodologi penulisan Ustaz Abdul Halim al-Hadi dalam menghasilkan karyanya, iaitu dengan menyalin kembali hadith-hadith yang terdapat di dalam *Sahīh al-Bukhārī* serta kemudiaanya akan memberi syarah di bahagian ‘keterangan’ atau ‘isyaratnya’.

- 6) Membuat ulasan atau syaran terhadap matan hadith dengan menyebut ‘keterangan’ selepas membuat terjemahan hadith. ‘Keterangan’ ini berperanan

¹⁰⁶ Abdul Halim al-Hadi, *Ilhām al-Bārī Sharḥ Sahīh al-Bukhārī Bahasa Melayu*, 4:73-74.

sebagai penjelas atau penerang kepada makna-makna hadith yang disyarahkan serta makna-makna yang berkesamaran di dalam hadith tersebut.

Contoh:

Keterangan:

- 1) Dari hadith ini, dapatlah difaham bahawa Rasulullah SAW tertanggung jawab atas kesempitan orang-orang dhaif, miskin, melarat dan serba kesusahan sebab itu tidak sampai hati membiarkan mereka itu tertinggal di dalam hal yang demikian, melainkan terpaksalah ia sentiasa membelanjakan apa jua yang ada padanya lebih-lebih lagi pada ketika ia beribadat di dalam bulan puasa.¹⁰⁷

- 7) Selepas membuat ulasan dan syarahan di bahagian ‘keterangan’, Ustaz Abdul Halim al-Hadi akan membuat ulasan selanjutnya di bahagian ‘Isyaratnya’ iaitu dengan membuat saranan, atau memberi petunjuk yang dianjurkan oleh agama ataupun menyatakan kaedah terbaik bagaimana mengaplikasikan hadith-hadith tersebut di dalam kehidupan manusia. Selalunya di bahagian ‘Isyaratnya’ beliau akan mengulas secara ringkas dan jelas supaya pembaca lebih memahami penyampaian yang beliau berikan. Antara salah satu contoh yang dapat dikemukakan adalah seperti berikut:
Contoh:
Isyaratnya:
 - 1) Hendaklah membuat takziah kepada kematian
 - 2) Menziarah kematian jangan bercerita-cerita menghilangkan Insaf diri.
 - 3) Waris si mati sedia minta kepada orang-orang yang menziarahi supaya diampun oleh mereka itu akan segala yang bersangkut dengan si mati, bahkan orang-orang yang menziarah, tiap seorang hendaklah berdoa minta ampun kepada Tuhan baginya.

- 8) Adakalanya Ustaz Abdul Halim al-Hadi akan meletakkan ‘peringatan’ atau *tanbih* selepas mengulas hadith di bahagian ‘keterangan’ dan ‘isyaratnya’. Di

¹⁰⁷ Abdul Halim al-Hadi, *Ilhām al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī Bahasa Melayu*, 1:13.

sini, Ustaz Haji Abdul Halim akan memberi nasihat mahu pun peringatan kepada pembaca berdasarkan hadith yang disyarahkan.

- 9) Kebanyakan syarahan yang dibuat oleh pengarang kitab *Ilhām al-Bārī Sharḥ Sahīh al-Bukhārī Bahasa Melayu* ini adalah berdasarkan kefahamannya sendiri terhadap hadith-hadith yang terdapat di dalam *Sahīh al-Bukhārī*. Selain daripada itu, pengarang kitab ini juga banyak merujuk kitab-kitab seperti *Fath al-Bārī* karya Ibn Hajar al-‘Asqalānī, *Irshād al-Sārī* karangan al-Qaṣṭalānī, dan *Jāmi‘ al-‘Ulūm Sharḥ Khamsīn Hadīthān* oleh Ibn Rajab al-Hambalī.

3.4 Metode Ustaz Abdul Halim al-Hadi Dalam Menyatakan Sumber Rujukan Di Dalam kitab *Ilhām al-Bārī Sharḥ Sahīh al-Bukhārī Bahasa Melayu*

Kepelbagai teknik dalam menyampaikan ilmu dilihat penting serta mampu menarik minat para pembaca untuk mempelajari, mendalami serta memahami apa yang ingin disampaikan oleh penulis mahupun pengarang-pengarang kitab. Antara keistimewaan kitab *Ilhām al-Bārī Sharḥ Sahīh al-Bukhārī Bahasa Melayu*, ialah pengarangnya telah merujuk kitab-kitab muktabar sebagai rujukan dalam mensyarahkan hadith-hadith yang terdapat di dalam *Sahīh al-Bukhārī*. Sebagai satu inisiatif dalam memelihara amanah ilmu, pengarang kitab ini mengambil langkah yang telus dan amanah dengan menyatakan sumber rujukan bagi setiap syarah yang beliau lakukan. Beliau telah mengaplikasikan beberapa kaedah bagi memudahkan para pembaca mengetahui sumber rujukan diambil dan antara kaedah-kaedah yang dikenalpasti ialah:

- 1) Menyatakan Nama Penulis, Juzuk, dan Halaman.

Contoh :

“...lihat dalam kitab ‘Qaṣṭalānī’, juzuk (1) muka (257).”¹⁰⁸

“...sekian keterangan “Qaṣṭalānī” juzuk yang kedua dimuka 313.”¹⁰⁹

“...kenyataan berlanjut di dalam Qaṣṭalānī juzuk 2 nombor 25.”¹¹⁰

“...sekianlah keterangan Qaṣṭalānī juzuk (2) muka 48.”¹¹¹

Berdasarkan contoh yang diberikan di atas, Ustaz Haji Abdul Halim al-Hadi menyatakan nama pengarang kitab dahulu disusuli juzuk serta halaman sebagai sumber rujukan selepas menukilkan sesebuah teks. Kaedah ini memudahkan pembaca membuat rujukan terus kepada sumbernya dalam masa yang sama memperoleh maklumat terperinci berkenaan teks tersebut.

2) Menyatakan Nama Kitab dan Halaman

Adakalanya Ustaz Abdul Halim al-Hadi tidak menyebut nama pengarang kitab, juzuk dan halaman sebagai rujukan di akhir teks. Tetapi, beliau akan menyatakan nama kitab yang dijadikan rujukan diikuti halaman rujukan tersebut diambil.

Contoh :

‘...sebagai kata Tuan Pengarang “Jāmi‘ al-‘Ulūm wa al-Hikām Syarḥ Khamsīn Ḥadīthān Jawāmi‘ al-Kalām” pada muka 29 sebagai ringkas melayunya...”¹¹²

“...Dalam Fath al-Bārī muka 236 juzuk 2 pengarangnya ada berkata ..”

Jika diteliti *fiqh al-hadīth* Ustaz Abdul Halim al-Hadi dalam mensyarahkan hadith *Sahīh al-Bukhārī*, penulis mendapati bahawa beliau menjadikan kitab *Fath al-Bārī* sebagai sumber rujukan utama serta panduan ketika mengarang kitab *Ilhām al-Bārī Sharḥ Sahīh al-Bukhārī Bahasa Melayu*. Ini dapat dilihat apabila beliau seringkali mengemukakan pandangan Ibn Hajar al-Asqalānī dalam beberapa syarahan yang dibuat

¹⁰⁸ Abdul Halim al-Hadi, *Ilhām al-Bārī Sharḥ Sahīh al-Bukhārī Bahasa Melayu*, 2:12.

¹⁰⁹ Abdul Halim al-Hadi, *Ilhām al-Bārī Sharḥ Sahīh al-Bukhārī Bahasa Melayu*, 9:38.

¹¹⁰ Abdul Halim al-Hadi, *Ilhām al-Bārī Sharḥ Sahīh al-Bukhārī Bahasa Melayu*, 6:36.

¹¹¹ Abdul Halim al-Hadi, *Ilhām al-Bārī Sharḥ Sahīh al-Bukhārī Bahasa Melayu*, 6:60.

¹¹² Abdul Halim al-Hadi, *Ilhām al-Bārī Sharḥ Sahīh al-Bukhārī Bahasa Melayu*, 1:76.

oleh beliau. Di dalam keterangan yang beliau kemukakan, beliau akan mengajak para pembaca supaya merujuk kitab *Fatḥ al-Bānī* untuk mendapat penerangan yang lebih lanjut dan terperinci. Antara beberapa contoh menunjukkan beliau mengambil pandangan Ibn Hajar ialah:

Keterangan :

- (1) Hanya didatang oleh al-Bukhārī ini hadith kerana memperdalilkan bagi mazhabnya disampingan suci bekas atau sisa anjing.
- (2) Mengikut zahir hadith ini wajib membaca ‘Bismillah’ diwaktu melepas anjing pemburu! Tetapi ulama al-Shāfi‘īyyah mengatakan sunat, lebih lanjutnya silalah lihat dalam kitab “Qastalānī,” juzuk (1) muka (257) dan “*Fatḥ al-Bānī*,” juzuk (1) muka (196).¹¹³

Lihat juga hadith di dalam *Bāb Mā Jā'a Anna al-'A'māl bī al-Niyah wa al-Hisbah wa li Kulli Imri'in Mā Nawā Fadākhala fīhi al-Imān wa al-Wuḍū' wa al-Ṣalāh wa al-Zakāh wa al-Haj wa al-Ṣawm wa al-Ahkām*. Hadith tersebut adalah seperti berikut:

حَدَّثَنَا الْحَكَمُ بْنُ تَافِعٍ قَالَ أَخْبَرَنَا شُعِيبٌ عَنِ الرُّهْبَرِيِّ، قَالَ حَدَّثَنِي عَامِرُ بْنُ سَعْدٍ، عَنْ سَعْدِ بْنِ أَبِي وَقَاصٍ أَنَّهُ أَخْبَرَهُ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: ((إِنَّكَ لَنْ تُنْفِقَ نَفْقَةً تَبْتَغِي بِهَا وَجْهَ اللَّهِ إِلَّا أُجِرْتَ عَلَيْهَا، حَتَّىٰ مَا تَجْعَلُ فِي قَمِ افْرَأَتِكَ))

Terjemahan: “Bahwasanya engkau tidak membelanjai sekalipun sekecil-kecilnya yang mana perbelanjaan itu betul kerana Allah, melainkan engkau itu diberi pahala sehingga sesuap pemakanan yang engkau hantarkan ke mulut isteri engkau pun berpahala.”

Peringatan:

“Bagi jalan mendapatkan pahala di dalam syarak amatlah luas, ada dengan jalan bersusah dan berugi-rugi, dan ada pula dengan jalan bersuka dan berhiba-hiba. Maka dengan sebab itu Imam al-Nawāwī mengeluarkan hukum (istinbat) daripada hadith ini katanya ان الحظ اذا ”وافق الحق لا يقدح في ثوابه“ yang bererti sesungguhnya adalah kemahuan nafsu apabila bertentang kebenaran tidak bertegah daripada pahalanya. Dan katanya lagi ”لان اللقمة في الزوجة يقع غالبا في حالة المداعبة“ ertinya kerana

¹¹³ Abdul Halim al-Hadi, *Iḥlām al-Bārī Sharḥ Ṣahīḥ al-Bukhārī Bahasa Melayu*, 3:12, 4:15, dan 6:62.

perbuatan sesuap makanan yang disuap oleh suami ke mulut isterinya biasanya berlaku di waktu bersenda gurau kerana nafsu syahwat, dalam pada itu pun selagi tidak hilang qasadnya kerana Allah, maka dengan kelebihan Tuhan tidaklah hilang pahalanya, lihatlah keterangan yang lebih jelas di dalam *Fath al-Bārī* muka 102.¹¹⁴

Walaupun syarahan hadith di atas menjurus kepada pandangan al-Nawāwī dalam bab ‘Memberi makan kepada ahli keluarga’, namun apa yang ditekankan di sini adalah sumber rujukan Ustaz Abd Halim al-Hadi yang menjadikan kitab *Fath al-Bārī* sebagai rujukan dalam mensyarah hadith.

Selain daripada kitab *Fath al-Bārī*, beliau juga merujuk kitab karangan al-Qastalānī iaitu kitab *Irshād al-Sārī* yang mensyarahkan kitab *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Ketika mensyarah hadith di dalam bab *tayammum*, Ustaz Abdul Halim al-Hadi mengemukakan pendapat al-Qastalānī berkaitan tatacara bertayammum dengan mendatangkan pendapat beberapa mazhab masyhur seperti mazhab Mālikī, Hanbalī, Hanafī dan Shāfi‘ī.¹¹⁵

Kebiasaannya Ustaz Abdul Halim al-Hadi akan menyebut sumber rujukan beliau dengan menyatakan sumber ambilan di akhir syarahan dibuat. Perkara yang sama dilakukan oleh beliau ketika mengambil rujukan dari kitab *Fath al-Bārī* serta rujukan dari pendapat-pendapat ulama yang lain.

Beliau juga merujuk pendapat al-Nawāwī dalam mensyarah hadith-hadith di dalam *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Namun begitu, pendapat yang diambil daripada ulama tersebut tidaklah begitu banyak berbanding Ibn Hajar al-‘Asqalānī dan al-Qastalānī. Antara contoh yang dapat diambil, apabila beliau mengemukakan pendapat Imam Nawawi dalam kitab al-Īmān dalam bab *Kufr al-‘Ashīr wa Kufr Dūn al-Kufr*. Di dalam bab ini, Ustaz Abdul Halim cuba menghuraikan maksud hadith yang berkesamaran yang terdapat di dalam hadith dalam bab ini. Ketika menghuraikan maksud ﴿وَيَكْفُرُونَ بِالْإِحْسَانِ﴾،

¹¹⁴ Abdul Halim al-Hadi, *Iḥām al-Bārī Sharh Ṣaḥīḥ al-Bukhārī Bahasa Melayu*, 1:85

¹¹⁵ Abdul Halim al-Hadi, *Iḥām al-Bārī Sharh Ṣaḥīḥ al-Bukhārī Bahasa Melayu*, 4:45. Lihat juga *Irshād al-Sārī*, 1:371. Contoh-contoh yang lain boleh rujuk kitab *Iḥām al-Bārī Sharh Ṣaḥīḥ al-Bukhārī Bahasa Melayu*, 6:36 dan 60, 7:107, dan 9:38.

beliau menghuraikan maksud kalimah tersebut dengan dua keterangan. Kemudian, beliau mengukuhkan lagi hujah beliau dengan berkata, “*Kata al-Nawāwī kedua-dua itu berjumlah daripada dosa besar.*”¹¹⁶

Di dalam bab berkenaan hadith hukum menolong sahabat untuk mengambil wudhu’,¹¹⁷ Ustaz Abdul Halim al-Hadi turut mengemukakan pandangan al-Nawāwī ketika mensyarah hadith tersebut. Beliau menyebut di dalam kitabnya di bahagian ‘keterangan’ dengan berkata:

Contoh:

Keterangan:

Berkenaan dengan soal bertolong-tolongan menjirus atau menuang air wudhu’, “Al-Bukhārī” tidak berkata kata apa-apa, harus atau tidaknya. Tetapi al-Nawāwī ada berkata bahawa soal yang tersebut terbahagi kepada 3 bahagian:

- 1) Minta tolong menyampaikan air tetapi afdhalnya tak usah.
- 2) Tolong jurus, ini makruh kecuali kerana hajat.
- 3) Tolong tuang, yang ini pun makruh.

Semua contoh di atas menunjukkan bahawa Ustaz Abdul Halim mensyarah hadith dengan merujuk kitab serta pendapat ulama-ulama besar seperti Ibn Hajar, al-Qastalānī dan al-Nawāwī. Kesungguhan beliau mempelajari dan mendalami kitab-kitab hadith akhirnya menjadikan beliau salah seorang ulama yang alim dalam bidang yang diceburinya.

¹¹⁶ Abdul Halim al-Hadi, *Ilhām al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī Bahasa Melayu*, 1:47.

¹¹⁷ Lihat Abdul Halim al-Hadi, *Ilhām al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī Bahasa Melayu*, 3:17 dan 4:21.

3.5 KEISTIMEWAAN DAN KEKURANGAN KITAB *ILHĀM AL-BĀRĪ* *SHARH ṢAḤĪH AL-BUHKĀRĪ BAHASA MELAYU*

3.5.1 Pendahuluan

Kejayaan sesebuah penulisan sangat berkait rapat dengan kebolehan seorang penulis menghasilkan karya-karya yang bermutu tinggi melalui pemikiran dan teknik penyampaian yang baik. Ini dapat menarik minat masyarakat untuk membaca serta memahami apa yang disampaikan oleh pengarang di dalam karya-karya mereka. Terdapat di antara karya yang mampu memberi pemahaman yang baik kepada pembaca, malah turut memberi kesan yang sangat positif pada pembentukan minda dan jatidiri manusia. Namun, tidak dapat dinafikan bahawa karya-karya yang dihasilkan ini hakikatnya tidak terlepas dari memiliki kelemahannya juga. Justeru, sebagai individu muslim maka hendaklah sentiasa memastikan setiap ilmu yang disampaikan itu adalah benar disamping mempelbagaikan lagi corak penyampaian dalam karya tersebut supaya ianya menjadi karya yang hebat lagi bermanfaat kepada masyarakat. Malah, karya tersebut terus kekal digunakan serta menjadi bahan rujukan zaman berzaman.

3.5.2 Keistimewaan Kitab *Ilhām al-Bārī Sharh Ṣaḥīh al-Bukhārī Bahasa Melayu*

Kitab *Ilhām al-Bārī Sharh Ṣaḥīh al-Bukhārī Bahasa Melayu* mempunyai keistimewaannya yang tersendiri. Antara keistimewaan kitab ini adalah seperti berikut:

- a. Kitab ini mensyarahkan hadith-hadith *Ṣaḥīh al-Bukhārī* di dalam bahasa Melayu serta ia juga dikarang oleh ulama Melayu. Sekiranya karya ini sempat

diselesaikan oleh pengarang kitab dengan mensyarahkan kesemua hadith-hadith yang terdapat di dalam *Sahīh al-Bukhārī*, kitab ini pasti dapat memberi sumbangan yang sangat besar di alam Melayu khususnya masyarakat Islam di Nusantara yang rata-ratanya kurang mahir dalam penguasaan ilmu bahasa Arab.

- b. Kitab ini memiliki keunikannya yang tersendiri. Di dalam penulisan *Ilhām al-Bānī Sharḥ Sahīh al-Bukhārī Bahasa Melayu*, Ustaz Abdul Halim al-Hadi menggunakan pendekatan *fiqh al-hadīth* bagi menarik minat pembaca untuk memahami hadith-hadith *Sahīh al-Bukhārī*. Contohnya, ketika menjelaskan makna hadith, Ustaz Abdul Halim al-Hadi akan menggunakan perkataan-perkataan yang mudah difahami serta mengaitkan syarahan hadith dengan situasi yang berlaku di dalam kehidupan masyarakat. Selain itu, beliau juga menyelitkan unsur-unsur nasihat dan juga peringatan di dalam syarahan beliau dalam kitāb *Ilhām al-Bānī Sharḥ Sahīh al-Bukhārī Bahasa Melayu*.

- c. Ustaz Abdul Halim al-Hadi turut menggunakan kaedah soal jawab di dalam penulisan kitabnya. Contohnya, ketika menerangkan makna atau mensyarahkan sesuatu hadith beliau akan menimbulkan pertanyaan atau persoalan dan kemudiannya beliau akan menjawab persoalan yang beliau ajukan tersebut. Ini seolah-olah beliau sedang berkomunikasi dua hala antara beliau dengan pembaca supaya pembaca dapat memahami apakah isi-isi penting di dalam hadith tersebut serta mengetahui isu-isu yang berkaitan dengannya.

- d. Kitab ini dikarang berpandukan kepada beberapa kitab *muktabar* seperti kitab *Fath al-Bāñī* karya Ibn Hajar al-‘Asqalānī, *Irshād al-Sārī* karya al-Qastalānī, dan *Jāmi‘ al-‘Ulūm Sharḥ Khamsīn Hadīthan Jawāmi‘ al-Kalām* oleh Ibn Rajab al-Hanbalī.
- e. Perbahasan dan isu-isu yang dibincangkan adalah cenderung kepada mazhab Shāfi‘ī. Justeru, kitab ini sesuai diajarkan dan disebarluaskan kepada masyarakat Melayu yang majoritinya bermazhab Shāfi‘ī. Selain itu, pengarang kitab *Kitāb Ilhām al-Bāñī Syarḥ Ṣahīh al-Bukhārī Bahasa Melayu* ini juga turut mengemukakan pendapat dari pelbagai mazhab antaranya mazhab Mālikī, Hanbalī dan Hanafī. Dan selalunya beliau akan mentarjih pendapat mazhab Shāfi‘ī selepas mengemukakan pendapat dari mazhab lain dan menandakan bahawa beliau adalah bermazhab Shāfi‘ī.
- f. Kitab ini mendapat pujian dari guru Ustaz Abdul Halim al-Hadi iaitu seorang ulama yang terkenal bernama Syeikh Abdullah Fahim. Guru beliau ini merupakan seorang ulama yang sangat mahir dalam bidang falak. Di dalam mukaddimah kitab *Kitāb Ilhām al-Bāñī Sharḥ Ṣahīh al-Bukhārī Bahasa Melayu*, gurunya ini ada menyebut bahawa susunan dan penerangan dalam kitab ini sangat sesuai dan jelas bak kata pepatah ‘*Sudah terang lagi bersuluhan*.’

3.5.3 Kelemahan dan Kekurangan *Kitāb Ilhām al-Bāñī Syarḥ Ṣahīh al-Bukhārī Bahasa Melayu*

Seperti karya-karya hadith yang lain, kitāb *Ilhām al-Bānī Sharḥ Ṣahīh al-Bukhārī Bahasa Melayu* turut mempunyai kelemahan dan kekurangannya. Namun begitu, ianya tidaklah menjelaskan keitimewaan kitab yang mensyarahkan hadith *Ṣahīh al-Bukhārī* ini. Antara kelemahan dan kekurangan yang dikenalpasti adalah seperti berikut:

- a. Ustaz Abdul Halim al-Hadi tidak mensyarahkan kesemua hadith yang terdapat di dalam kitab *Ṣahīh al-Bukhārī*. Hanya sesetengah hadith sahaja yang diberi syarah oleh beliau. Jika diteliti isi kandungan kitab ini, ianya seperti sebuah *draft* awal yang dibuat oleh pengarang kitab.
- b. Menyatakan pendapat ulama tanpa menjelaskan siapa ulama tersebut. Sesetengah pendapat yang dikemukakan oleh Ustaz Abdul Halim al-Hadi dalam kitab *Ilhām al-Bārī Sharḥ Ṣahīh al-Bukhārī Bahasa Melayu*, tidak dinyatakan dengan jelas nama ulama yang mengeluarkan pendapat tersebut. Sebagai contoh; beliau menyebut ‘terdapat sesetengah ulama’ atau ‘ulama berpendapat’ sahaja.
- c. Kesilapan menyalin ayat al-Qur’ān. Terdapat kesilapan ketika menyalin ayat al-Qur’ān dan kesilapan tersebut tidak dinyatakan atau dibuat pembetulan oleh pihak lembaga karang pengarang.
- d. Terdapat kesalahan ejaan pada perkataan-perkataan tertentu. Di bahagian akhir setiap penggal ada dinyatakan ralat atau kesilapan-kesilapan ejaan yang berlaku di dalam kitab *Ilhām al-Bānī Sharḥ Ṣahīh al-Bukhārī Bahasa Melayu*. Ini kerana terdapat ahli lembaga karang mengarang yang memantau karya penulisan ini dan setelah dibuat semakan maka terdapat beberapa kesalahan ejaan yang berlaku semasa kitab tersebut dihasilkan. Walaupun

pengarang asalnya adalah Ustaz Abdul Halim al-Hadi namun kitab ini telah diberi penerangan oleh Haji Ahmad Maliki,¹¹⁸ manakala penulisnya adalah Haji Muhammad Majid. perkara ini telah dinyatakan di bahagian akhir penggal tersebut namun jika pembaca tidak menyedari peringatan-peringatan tersebut maka ianya sedikit menyukarkan para pembaca khususnya mereka yang kurang mahir di dalam tulisan jawi.

- e. Syarahan hadith adalah bersifat umum dan ringkas. Sewajarnya mana-mana kitab yang ingin mensyarahkan hadith-hadith *Sahīh al-Bukhārī* mestilah syarahan yang dilakukan lebih terperinci dan mendalam. Ini kerana tujuan pensyiarahan sesebuah hadith adalah untuk menjelaskan dan menerangkan maksud sebenar hadith tanpa mengurangi maknanya. Kitab *Ilhām al-Bārī Sharḥ Sahīh al-Bukhārī Bahasa Melayu* ini juga kurang memberi penekanan dan perbahasan terhadap *mufradat-mufradat* hadith serta kurang membawa pendapat ulama-ulama lain yang telah mensyarahkan kitab *Sahīh al-Bukhārī*.

3.6 Penutup

Kitab *Ilhām al-Bārī Sharḥ Sahīh al-Bukhārī Bahasa Melayu* mempunyai kelebihan dan kelemahannya sendiri dalam mensyarahkan hadith-hadith *Sahīh al-Bukhārī*. Namun begitu, kitab ini telah memberi sumbangan yang besar kepada masyarakat Melayu khususnya untuk mempelajari dan memahami ilmu dalam bidang hadith. Kemunculan kitab syarah ini sekurang-kurangnya dapat menampung kekurangan kitab-kitab syarah hadith di Nusantara. Walaupun Ustaz Abdul Halim al-Hadi tidak mensyarahkan

¹¹⁸ Lihat Abdul Halim al-Hadi, *Ilhām al-Bārī Sharḥ Sahīh al-Bukhārī Bahasa Melayu*, pendahuluan.

kesemua hadith-hadith di dalam *Sahīh al-Bukhārī*, namun beliau telah menjalankan tanggungjawabnya sebagai seorang pendakwah kepada masyarakat iaitu menyampaikan ilmu melalui penulisannya supaya dapat disebarluaskan kepada masyarakat.

BAB EMPAT

ANALISIS METODOLOGI USTAZ ABDUL HALIM AL-HADI DALAM KITAB *ILHĀM AL-BĀRĪ SHARḤ SAHĪH AL-BUKHĀRĪ BAHASA MELAYU*

4.1 Pendahuluan

Di dalam bab ini, penulis meneliti serta mengkaji metodologi penulisan Ustaz Abdul Halim al-Hadi dalam kitab *Ilhām al-Bārī Sharḥ Sahīh al-Bukhārī Bahasa Melayu*.

4.2 Metode Ustaz Abdul Halim al-Hadi Dalam Mensyarahkan Hadith

Berdasarkan pemerhatian dan kajian yang dibuat oleh penulis terhadap metode penulisan yang digunakan oleh Ustaz Abdul Halim al-Hadi, penulis mendapati pengarang kitab ini telah menggunakan beberapa kaedah dalam mensyarahkan hadith-hadith yang terkandung di dalam kitab *Sahīh al-Bukhārī*. Antara metode yang dikenal pasti ialah:

- 1- Mensyarahkan hadith berdasarkan ayat al-Qur'an.
- 2- Mensyarahkan hadith dengan Ḥadīth.
- 3- Mensyarahkan hadith dengan Al-Athār
- 4- Mensyarahkan hadith dengan mengemukakan pendapat ulama *Mutaqaddimīn* dan *Muta'akhirīn*.
- 5- Mensyarahkan hadith dengan mengemukakan pandangan gurunya atau ulama sezaman dengannya.
- 6- Mensyarahkan hadith dengan menjelaskan kalimah *gharīb*.

4.2.1 Mensyarahkan Hadith Berdasarkan Ayat al-Qur'an

Syarah hadith yang dibuat berlandaskan al-Qur'an adalah paling tepat serta merupakan sumber paling utama dalam memahami sesuatu nas. Kaedah ini turut digunakan oleh pengarang kitab *Ilhām al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī Bahasa Melayu* dalam mensyarah hadith *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Akan tetapi, pensyaranan yang dibuat tidaklah sepenuhnya mensyarahkan hadith dengan ayat al-Qur'an. Dalil-dalil yang dikemukakan lebih berfungsi sebagai penyokong bagi hadith yang disyarahkan.

Di sini penulis bawakan beberapa contoh penggunaan dalil-dalil al-Qur'an yang dapat diambil daripada penulisan Ustaz Abdul Halim al-Hadi dalam menerangkan maksud hadith. Contohnya adalah seperti berikut:

Contoh :

حَدَّثَنَا أَبُو الْوَلِيدِ قَالَ حَدَّثَنَا شُعْبَةُ قَالَ أَخْبَرَنِي عَبْدُ اللَّهِ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ بْنُ جَبْرٍ قَالَ سَمِعْتُ أَنَّسًا عَنِ النَّبِيِّ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - قَالَ آتِيَ الْإِيمَانُ خُبُثُ الْأَنْصَارِ، وَآتِيَ الْنِّفَاقُ بُعْضُ الْأَنْصَارِ

Terjemahan: “Tanda beriman kasihkan Ansar, tanda munafik bencikan Ansar.”

Keterangannya:

Erti Ansar dan munafik. Ansar, maknanya pembantu-pembantu Nabi SAW dan dikehendaki Ansar di sini ialah ahli-ahli Madinah. Dan munafik, maknanya orang membuat pura-pura, bermuka-muka, mulutnya manis hatinya busuk, dan munafik yang dikehendaki di sini, ialah orang-orang yang menyamarkan diri sebagai orang Islam dan yang sebenarnya kafir. Maka siapa yang kasihkan Ansar, ia dihitung sebagai orang yang beriman, dan siapa yang bencikan Ansar, ia dihitung sebagai orang munafik, firman Tuhan (إِنَّ الْمُنَافِقِينَ لَفِي الدُّرُذَكِ الْأَسْفَلِ مِنَ النَّاسِ)¹¹⁹ orang-orang munafik tempatnya dilapisan yang terkebawah sekali di dalam neraka.

Daripada contoh yang dikemukakan, Ustaz Abdul Halim al-Hadi mensyarah hadith tersebut dengan membawa sepotong ayat al-Qur'an yang menerangkan balasan Allah terhadap terhadap orang-orang munafik yang bencikan Ansar. Akan tetapi,

¹¹⁹ Abdul Halim al-Hadi, *Ilhām al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī Bahasa Melayu*, 1:32.

pengarang kitab *Ilhām al-Bārī Sharḥ Ṣahīḥ al-Bukhārī Bahasa Melayu* ini tidak pula menyatakan nama surah serta bilangan ayat. Penulis juga mendapati bahawa terdapat sedikit kesilapan dalam menyalin ayat al-Qur'an tersebut. Ayat yang sebenarnya ialah:

إِنَّ الْمُنَافِقِينَ فِي الدَّرِكِ أَكْسَفُلَ مِنَ النَّارِ

Terjemahan: Sesungguhnya orang-orang munafik itu ditempatkan pada tingkatan yang terkebawah sekali dari (lapisan-lapisan dalam) Neraka.

Al-Nisa 4:145

Contoh:

قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَرِيتُ النَّارَ فَإِذَا أَكْثَرُ أَهْلِهَا النِّسَاءُ يَكْفُرُنَّ بِاللَّهِ قَالَ يَكْفُرُنَّ الْعَشِيرَ وَيَكْفُرُنَّ الْإِحْسَانَ لَوْ أَحْسَنْتُ إِلَيْ إِخْدَاهُنَّ الدَّهْرَ ثُمَّ رَأَتْ مِنْكَ شَيْئًا قَالَتْ مَا رَأَيْتُ مِنْكَ حَيْرًا قَطْ .

Terjemahan: Sabda Rasulullah SAW, diperlihatkan neraka kepada saya. Tiba-tiba kebanyakan ahlinya daripada perempuan dengan sebab kufur mereka itu. Disoal kepadanya; Hai Rasulullah, adakah mereka itu kufur dengan Tuhan? Sabdanya, mereka itu kufur kepada masyarakat, dan kufur kepada jalan yang baik, sekiranya jikalau engkau membuat kepada salah seorang daripada mereka itu sepanjang-pangjang masa, dan kemudian ia pun mengaku kebaikan engkau itu, tetapi pada satu masa ia tentu berkata saya tak pernah lihat sedikit apa-apa pun daripada engkau.¹²⁰

Pengarang kitab *Ilhām al-Bārī Sharḥ Ṣahīḥ al-Bukhārī Bahasa Melayu* memulakan syarah beliau terhadap hadith di atas dengan menjelaskan makna-makna berkesamaran di bahagian ‘keterangan’, dan diikuti penerangan berkaitan pembahagian kufur dibawahnya.

Beliau membahagikan kufur kepada tiga jenis iaitu kufur agama, kufur pergaulan dan kufur nikmat. Kemudian beliau menjelaskan maksud kufur nikmat dengan mengemukakan dua potong ayat al-Qur'an yang menjadi dalil syarahan beliau berkenaan hadith tersebut yang berbunyi:¹²¹

لَئِنْ شَكَرْتُمْ لَأَزِيدَنَّكُمْ وَلَئِنْ كَفَرْتُمْ إِنَّ عَدَائِي لَشَدِيدٌ

¹²⁰ Abdul Halim al-Hadi, *Ilhām al-Bārī Sharḥ Ṣahīḥ al-Bukhārī Bahasa Melayu*, 1:47.

¹²¹ Abdul Halim al-Hadi, *Ilhām al-Bārī Sharḥ Ṣahīḥ al-Bukhārī Bahasa Melayu*, 1:47.

Terjemahan: “Jika kamu bersyukur nescaya Aku akan tambahi nikmatKu kepada kamu.”

Ibrahim 14:7

Dan sepotong ayat lagi yang berbunyi:¹²²

أَلَمْ تَرَ إِلَى الَّذِينَ بَدَّلُوا نِعْمَةَ اللَّهِ كُفْرًا وَ أَخْلُوْا قَوْمَهُمْ دَارَ الْبُوَارِ

Terjemahan: “Tidakkah engkau melihat (dan merasa ajaib) terhadap orang-orang kafir yang telah menukar kesyukuran nikmat Allah dengan kekufuran, dan yang telah menempatkan kaum mereka dalam kebinasaan?.”

Ibrahim 14:28

Ustaz Abdul Halim al-Hadi telah menjadikan kedua-dua ayat dari surah Ibrahim ini sebagai dalil penyokong untuk menjelaskan kepada masyarakat tentang balasan baik serta ancaman Allah terhadap orang-orang yang kufur nikmat. Ini adalah sebahagian daripada syarahan yang dibuat oleh beliau dalam mensyarahkan hadith yang terdapat di dalam *Sahīh al-Bukhārī* dengan mengemukakan ayat al-Qur'an sebagai dalil sokongan.

Sebagai keterangan tambahan, Ustaz Abdul Halim al-Hadi turut memberikan penjelasan dan penerangan terhadap hadith yang dikemukakan beliau. Beliau mengatakan bahawa:

“Al-Qur'an adalah suatu ‘nikmat yang paling besar’ terkandung di dalamnya segala pelbagai kesempurnaan dunia dan akhirat, tetapi dikebelakangkan (ditolak nikmat itu) maka jadilah umat Islam dari keadaan pemerintah tiga suku (عالٰم) kepada keadaan yang sedang ditanggung oleh mereka itu pada hari ini. Dan di akhirat kelak, entah bagaimana balasan yang akan diterima. Sedangkan kufur isteri kepada suaminya telah menjadi ahli neraka.”¹²³

Beliau menambah lagi:

“Diterangkan berhubung dengan ‘perempuan’ perempuanlah yang mengambil bahagian besar di dalam neraka. Perempuan kurang pandai mengenang, mudah sangat menolak kebaktian suami. Perempuan jenis yang halus, tetapi kasar. Sungguhpun lemah dan pemalu tetapi kuat

¹²² Abdul Halim al-Hadi, *Ilhām al-Bārī Sharḥ Sahīh al-Bukhārī Bahasa Melayu*, 1:47.

¹²³ Abdul Halim al-Hadi, *Ilhām al-Bārī Sharḥ Sahīh al-Bukhārī Bahasa Melayu*, 1:48.

memberi kemahuan sulit. Sekiranya diberi kuasa ‘talak’ ke tangan mereka itu, harus lelaki berhari-harian menerima talak...”¹²⁴

Berkenaan terjemahan hadith di atas, Ustaz Abdul Halim al-Hadi pada awalnya telah menterjemahkan kalimah **الْعَشِيرَةِ** dengan maksud ‘masyarakat’ pada terjemahan hadith tersebut. Akan tetapi, selepas itu beliau menerangkan maksud sebenar ‘kufur kepada masyarakat’ dibahagian “makna-makna yang berkesamaran”¹²⁵ yang terdapat di dalam kitab *Ilhām al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī Bahasa Melayu*. Beliau menjelaskan bahawa kufur kepada masyarakat terbahagi kepada dua iaitu; kufur kepada kebajikan masyarakat suami dan bantah atau melawan kebajikan (tidak hirau larangan).

Di dalam kitab Al-Fāiq¹²⁶ karangan al-Zamakhsharī, kalimah **الْعَشِيرَةِ** bermaksud *al-Khalīl*, iaitu teman atau lebih tepat lagi dengan firman Allah Ta‘ala: ﴿وَلِئِنْسَنَ الْعَشِيرَةِ﴾¹²⁷ yang bermaksud **الزَّوْجِ**. Perkataan **الْعَشِيرَةِ** yang dimaksudkan di sini ialah suami.

4.2.2 Mensyarahkan Hadith dengan Ḥadīth

Hadith ialah sumber kedua terpenting selepas al-Qur'an. Mensyarahkan hadith dengan hadith merupakan salah satu kaedah atau metode syaranan hadith berasaskan sumber-sumber utama di dalam syariat Islam. Ini kerana apabila tidak dijumpai penjelasan bagi sesuatu hukum atau dalil di dalam al-Qur'an maka para ulama akan menjadikan hadith sebagai sumber rujukan bagi jelaskan dan menerangkan sesebuah hadith. Apabila situasi ini berlaku, maka para ulama serta para ilmuwan akan menjadikan hadith sebagai dalil

¹²⁴ Abdul Halim al-Hadi, *Ilhām al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī Bahasa Melayu*, 1:48.

¹²⁵ Abdul Halim al-Hadi, *Ilhām al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī Bahasa Melayu*, 1:47.

¹²⁶ Maḥmūd ibn ‘Umar al-Zamakhsharī, *Al-Fāiq fī Gharīb al-Ḥadīth* (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah), 2:365.

¹²⁷ Surah al-Hajj 22:13.

penghujahan atau dalil sokongan bagi syarahan mereka samada secara lisan atau bertulis.

Dalam mensyarah *kitab Ilhām al-Bārī Sharḥ Ṣahīḥ al-Bukhārī Bahasa Melayu*, penulis mendapati bahawa Ustaz Abdul Halim tidak banyak menggunakan hadith bagi mensyarah hadith yang terdapat di dalam kitab *Ṣahīḥ al-Bukhārī*. Antara contoh beliau mensyarahkan hadith dengan hadith ialah:

Contoh:

حَدَّثَنَا سُلَيْمَانُ بْنُ حَرْبٍ، قَالَ: حَدَّثَنَا شُعْبَةُ، عَنْ أَئُوبَ، قَالَ: سَمِعْتُ عَطَاءً، قَالَ: سَمِعْتُ ابْنَ عَبَّاسِ، قَالَ:
أَشْهَدُ عَلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - أَوْ قَالَ عَطَاءً: أَشْهَدُ عَلَى ابْنِ عَبَّاسِ: أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ
- «خَرَجَ وَمَعْهُ بِالْأَلْأَلِ، فَظَنَّ أَنَّهُ مَمْسُوحٌ فَوَعَظَهُنَّ وَأَمْرُهُنَّ بِالصَّادِقَةِ، فَجَعَلْتُ الْمَرْأَةَ تُلْقِي الْفُرْطَ وَالْخَاتَمَ، وَبِالْأَلْأَلِ
يُأْخُذُونَ فِي طَرْفِ ثَوْبِهِ» قَالَ أَئُوبُ عَبْدُ اللَّهِ: وَقَالَ: إِسْمَاعِيلُ، عَنْ أَئُوبَ، عَنْ عَطَاءِ، وَقَالَ: عَنْ ابْنِ عَبَّاسِ، أَشْهَدُ عَلَى
النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

Terjemahan: Bahawa junjungan SAW keluar bersama-sama dengan Saidina Bilal, maka Saidina Bilal menyangka bahawa junjungan tidak akan memperdengarkan sebarang persabdaannya kepada kaum ibu, tiba-tiba diberinya kepada mereka beberapa nasihat dan disuruhnya mereka bersedekah maka dengan serta merta seorang dari mereka mulai keluarkan subang dan cincinnya, dan Saidina Bilal menjemput dengan berlampikan hujung atau tepi kainnya.¹²⁸

Berdasarkan hadith di atas, Ustaz Abdul Halim al-Hadi telah membuat penerangan dan syarah hadith di bahagian ‘keterangan’ dengan mengemukakan sebuah hadith sebagai dalil syarahan beliau.

Keterangan:¹²⁹

Bahawa nasihat junjungan SAW itu kira-kira berbunyi begini:

¹³⁰ ان رأيتكن اكتر اهل النار beerti: bahawa saya lihat dalam neraka kamulah hai kaum ibu yang paling banyak sekali menjadi ahlinya.

¹²⁸ Abdul Halim al-Hadi, *Ilhām al-Bārī Sharḥ Ṣahīḥ al-Bukhārī Bahasa Melayu*, 2:48

¹²⁹ Abdul Halim al-Hadi, *Ilhām al-Bārī Sharḥ Ṣahīḥ al-Bukhārī Bahasa Melayu*, 2:48.

¹³⁰ Hadith riwayat al-Bukhārī, Kitab al-Zakah, Bab al-Zakah ‘alā al-Āqārib, no. Hadith 1462, dan Muslim, Kitab al-Imān, Bayān Nuqṣān al-Imān bī Naqṣ al-Tā‘āt wa Bayān Itlaq Lafz al-Kufr ‘alā ghayr al-Kufr bi Allāh ka Kufr al-Ni‘mah wa al-Huqūq, no. Hadith 132. Lihat Abū ‘Abd Allāh Muhammad bin Isma‘il al-Bukhārī, “Ṣahīḥ al-Bukhārī” dalam Mawsū‘at al-Ḥadīth al-Shārif: al-Kutub al-Sittah, ed. Ṣalīḥ bin ‘Abd al-Azīz Āl al-Shaykh (Riyadh: Dār al-Salām, t.t.), 115 dan Abū al-Ḥusayn Muslim bin al-Hajjāj bin Muslim, “Ṣahīḥ al-Muslim,” dalam Mawsū‘at al-Ḥadīth al-Shārif, 692.

Merujuk hadith di atas, Ustaz Abdul Halim al-Hadi telah membuat penerangan dan syarah berkenaan hadith *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* dengan mengemukakan sebuah hadith yang menjadi dalil syarahan beliau dalam mensyarahkan hadith tersebut.

4.2.3 Mensyarahkan Hadith Dengan Al-Athār

Menurut istilah *fuqaha*, al-Athār bermaksud:

”إِنَّ (الْحَدِيثَ) اسْمُ الْمَرْفُوعِ وَ (الْأَثَرَ) اسْمُ الْمَوْقُوفِ عَلَى الصَّحَابَةِ وَالْتَّابِعِينَ“

Terjemahan:

“Hadith adalah nama bagi hadith *marfu'* (perkataan dan perbuatan Nabi SAW) dan *Athār* adalah nama bagi hadith *mauquf* (perkataan dan perbuatan para sahabat dan *tābi'iñ*).¹³¹

Manakala al-Nawāwī mengatakan bahawa jumhur ulama samada ulama *mutaqaddimīn* atau *muta'akhirīn* bersepakat bahawa tiada perbezaan di antara makna hadith dan *athār*.

Dalam mensyarahkan hadith-hadith *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Ustaz Abdul Halim al-Hadi turut menjadikan *athār* sebagai dalil penyokong di dalam syarahan beliau. Di dalam *bāb al-Tasyahūd fī al-Ākhirah* (*Bab wajib membaca tahiyyat dalam duduk yang akhir*) beliau mengatakan bahawa terdapat banyak riwayat yang membicarakan tentang kalimah-kalimah *tashahūd*. Antara petikan teks dari keterangan yang dibuat oleh beliau adalah:

Keterangan:

Sesungguhnya kalimah-kalimah atau lafaz *tasyahhud* (tahiyyat) itu terlalu banyak riwayat yang diriwayatkan dari golongan sahabat-sahabat Rasulullah SAW, oleh itu maka di sini kita perturunkan lafaz riwayat Ibnu Abbas yang berbunyi:

¹³¹ Syed Abdul Majid Ghouri, *Pengenalan Ilmu Mustalah al-Hadith*, 65.

التحيات المباركت الصلوات الطيبات لله السلام عليك ايها النبي ورحمة الله وببركاته السلام علينا

وعلى عباد الله الصالحين اشهد أن لا إله إلا الله وأشهد أن محمدًا رسول الله¹³²

Dalil di atas menunjukkan bahawa pengarang kitab telah menjadikan *athār* sebagai dalil penyokong dan penerang kepada hadith. Walau bagaimanapun penggunaan *athār* di dalam kitab *Ilhām al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī Bahasa Melayu* tidaklah sebanyak penggunaan dalil-dalil al-Qur'an dan al-Hadith.

4.2.4 Mensyarahkan Hadith Dengan Mendatangkan Pendapat Ulama *Mutaqaddimīn* dan *Muta'akhirīn*

Selain menjadikan sumber-sumber berautoriti seperti al-Qur'an dan al-Hadith sebagai dalil dalam mensyarahkan hadith, Ustaz Abdul Halim al-Hadi juga turut merujuk pendapat ulama *mutaqaddimīn* dan *motaakhirīn* dalam mensyarahkan hadith-hadith *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Namun begitu, tidak semua pendapat yang dikemukakan oleh beliau dinyatakan sumber ambilannya. Contohnya, beliau tidak menyatakan nama ulama yang mengeluarkan pendapat berkenaan hadith tersebut, bahkan hanya menyebut “*di sisi kebanyakan ulama muta'akhirīn*” dan “*setengah daripada ulama mutaqaddimīn.*” Selain itu, penulis mendapati bahawa Ustaz Abdul Halim al-Hadi banyak menukilkhan pendapat daripada Ibn Hajar al-'Asqalānī dan juga al-Qastalānī ketika mensyarah hadith-hadith *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Antara kitab yang dirujuk beliau adalah kitab *Fath al-Bārī* dan kitab *Irshād al-Sārī*. Beliau juga turut menjadikan pandangan guru beliau iaitu Syeikh Abdullah Fahim sebagai rujukan dalam syarahan beliau di dalam kitab *Ilhām al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī Bahasa Melayu*.

¹³² Abdul Halim al-Hadi, *Ilhām al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, 7:51.

Contoh:

باب كيف بده الوحي إلى رسول الله صلى الله عليه وسلم جل ذكره
((إنما الأعمال بالنيات، وإنما لكل إمرئٍ ما نوى ، فمن كانت هجرته إلى دنيا يصيبها أو إلى امرأةٍ ينكحها
فهجرته إلى ما هاجر إليه))

Terjemahan: “Sesungguhnya tiap-tiap perkerjaan (amalan) terletak di atas niat, dan sesungguhnya bagi tiap-tiap seorang menurut niatnya, maka siapa berpindah kepada dunia, didapati dunia, atau kepada perempuan kerana berkahwin, maka berpindahnya terhenti di atas tujuan yang telah berpindah ia dengan kerananya.”

Keterangannya:

Bermacam-macam faham terbit daripadanya. Di sisi kebanyakan ulama *muta'akhirin* cenderung fahamnya, bahawa tiap-tiap amalan (perkerjaan) yang diterima, atau yang dihitungkan dia sah ialah amalan yang berserta dengan niat, maka faham ini telah memberi isyarat, bahawa amalan-amalan yang dimaksudkan itu ialah amalan syar ‘iah yang berkehendak kepada niat, dan selain daripada itu seperti makan minum dan lainnya, atau meninggal laragan, tidaklah berhajat kepada niat. Dan di sisi ulama yang lain, termasuk setengah daripada ulama *mutaqaddimin*, faham mereka ini bahawa الأعمال (segala amalan) itu, ialah segala amalan umum, dengan tidak berhad, dan faham ini telah mentafsirkan, bahawa segala amalan yang berhasil, terjadi dengan sebab niat, pendeknya niat itulah yang menimbulkan sebarang amalan atau perkerjaan.

Contoh yang dikemukakan di atas menunjukkan pengarang kitab menjadikan pendapat ulama *mutaqaddimin* dan *mutaakhirin* sebagai rujukan dalam menerangkan maksud الأعمال (pekerjaan). Akan tetapi, tidak pula dijelaskan siapakah ulama *mutaqaddimin* dan *muta'akhirin* yang telah menukarkan pandangan tersebut.

4.2.5 Mensyarahkan Hadith Dengan Mengemukakan Pandangan Gurunya dan Ulama Sezaman Dengannya (*Ulama Mu‘āşirin*).

Selain daripada mengemukakan pendapat ulama *mutaqaddimīn* dan *muta'ākhirīn*, Ustaz Abdul Halim juga turut mengambil pendapat guru beliau iaitu Syeikh Abdullah Fahim sebagai hujahan beliau dalam mensyarahkan sesebuah hadith. Contohnya adalah seperti berikut:

حَدَّثَنَا أَبُو الْيَمَانُ قَالَ أَخْبَرَنَا شَعِيبٌ عَنِ الزُّهْرِيِّ قَالَ أَخْبَرَنِي عَامِرُ بْنُ سَعْدٍ بْنُ أَبِي وَقَاصٍ عَنْ سَعْدٍ
رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَعْطَى رَهْطًا وَسَعْدًا جَالِسًا فَتَرَكَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ
عَلَيْهِ وَسَلَّمَ رَجُلًا هُوَ أَعْجَبُهُمْ إِلَيْهِ فَقُلْتُ يَا رَسُولَ اللَّهِ مَا لَكَ عَنْ فُلَانٍ فَوَاللَّهِ إِنِّي لَأَرَاهُ مُؤْمِنًا فَقَالَ أَوْ
مُسْلِمًا فَسَكَنَ قَلْبِي ثُمَّ غَلَبَنِي مَا أَعْلَمُ مِنْهُ فَعُدْتُ لِمَقَاتِلِي فَقُلْتُ مَا لَكَ عَنْ فُلَانٍ فَوَاللَّهِ إِنِّي لَأَرَاهُ مُؤْمِنًا
فَقَالَ أَوْ مُسْلِمًا ثُمَّ غَلَبَنِي مَا أَعْلَمُ مِنْهُ فَعُدْتُ لِمَقَاتِلِي وَعَادَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ثُمَّ قَالَ يَا
سَعْدُ إِنِّي لَأَعْطِي الرَّجُلَ وَعِيرَةً أَحَبُّ إِلَيَّ مِنْهُ حَشْيَةً أَنْ يَكُبَّهُ اللَّهُ فِي النَّارِ وَرَوَاهُ يُونُسُ وَصَالِحٌ وَمَعْمَرٌ
وَابْنُ أَخِي الرُّثْرِيِّ عَنِ الزُّهْرِيِّ¹³³

Terjemahan: Sesungguhnya Rasulullah SAW telah memberi harta *ghanīmah* (rampasan perang) kepada beberapa orang lelaki, dan Sa‘ad sedang duduk bersama-sama di situ. Kata Sa‘ad adalah Rasulullah SAW telah tinggal tidak memberi kepada seorang lelaki, dan saya pandang ia seorang yang lebih afdal, katanya di dalam hati. Kemudian maka saya pun berkata Hai Rasulullah apakah fikiran engkau kepada si fulan itu? Demi Tuhan, dengan sebenarnya saya percaya ia seorang mukmin. Ditegur oleh Nabi SAW mukmin atau muslim? Maka diam saya (Sa‘ad) sebentar, kemudian sebab diruntun oleh kepercayaan saya atas mukminnya, maka saya ulangkan perkataan itu. Apakah fikiran engkau kepada si fulan itu? Demi Tuhan, dengan sebenarnya saya percaya ia seorang mukmin. Ditegur oleh Nabi SAW lagi. Mukmin atau muslim? Maka diam saya sebentar pula. Kemudian oleh kerana kuat runtunan kepercayaan saya tadi, maka saya ulangkan lagi perkataan saya itu dan Rasulullah SAW pun kembali kepada halnya dengan bersabda: ‘Ya Sa‘ad, sesungguhnya saya memberi kepada lelaki dan yang lainnya (yang tidak diberi) adalah saya lebih kasih kepadanya daripada mereka yang saya memberi, kerana saya bimbang kepadanya. Takut dibinaskan oleh Tuhan ke dalam api, dan diriwayatkan hadith ini lagi oleh Yūnus, dan Ṣalih dan Mu‘mar, dan anak saudara Zuhri dari Zuhri.

Hadith ini membicarakan tentang kisah seorang sahabat Sa‘ad r.a yang bertanya kepada Nabi Muhammad SAW perihal tindakan Rasulullah tidak memberi harta rampasan perang kepada salah seorang lelaki yang turut serta dalam peperangan bersama Rasulullah SAW. Berdasarkan hadith ini, Ustaz Abdul Halim al-Hadi telah

¹³³ Abdul Halim al-Hadi, *Iḥhām al-Bārī Sharḥ Ṣahīḥ al-Bukhārī*, 1:43.

mengemukakan pendapat guru beliau di bahagian ‘keterangan’ dengan mengatakan bahawa:

‘Kata al-Fadhil Ustaz Abdullah Fahim, kita jangan rasa berkecil hati jika tidak dapat zakat, sedekah, dan sebarang pemberian daripada umat, yang berseagama dan kaum bangsa kita. Sekali pun kita telah membuat bermacam-macam khidmat kepada mereka itu.’¹³⁴

Di dalam sebuah hadith lain iaitu *Bāb Man Qāma al-Janāzah Yahūdī*, pengarang kitab telah membawakan pendapat Ibn Hajar yang diambil dari kitab beliau *Fath al-Bārī*, tentang hadith hukum berdiri di hadapan jenazah Yahudi. Ketika membahaskan hadith tersebut, Ustaz Abdul Halim al-Hadi mengatakan bahawa terlalu banyak khilaf ulama’ tentang perkara ini serta beliau menyarankan kepada pembaca supaya merujuk kitab *Fath al-Bārī* untuk megetahui perbahasan selanjutnya. Kemudian daripada itu, beliau menyatakan pendapat gurunya iaitu dengan menyebut:

“Sementara itu kita mendapat petua dari Syaikhuna al-Syeikh Abdullah Fahim katanya bahawa yang demikian di zaman dahulu adapun kafir zaman sekarang yang aulanya jangan diraikan wallahu a‘lam.”¹³⁵

4.2.6 Mensyarahkan Hadith Dengan Perbahasan Fiqh

Antara keistimewaan *Ilhām al-Bārī Sharḥ Ṣahīḥ al-Bukhārī Bahasa Melayu* adalah sikap keterbukaan pengarangnya dalam membincangkan perbahasan fiqh yang melibatkan pelbagai mazhab antaranya mazhab Mālikī, Hanafī dan Hambalī. Beliau juga seringkali merujuk kitab karangan al-Qastalānī dalam membincangkan isu-isu fiqh selain merujuk kitab *Fath al-Bārī*.

Walaupun Ustaz Haji Abdul Halim al-Hadi bersikap terbuka dalam membincangkan perbahasan fiqh, namun beliau lebih cenderung kepada mazhab Shāfi‘ī

¹³⁴ Abdul Halim al-Hadi, *Ilhām al-Bārī Sharḥ Ṣahīḥ al-Bukhārī*, 1:45.

¹³⁵ Abdul Halim al-Hadi, *Ilhām al-Bārī Sharḥ Ṣahīḥ al-Bukhārī*, 10:65.

yang merupakan pegangan utama dan majoriti masyarakat Malaysia dalam bidang fiqh.

Berikut adalah contoh beliau berpegang dengan mazhab Shāfi‘ī:

Contoh:

Keterangan:

Sungguhnya segala berita di atas itu menunjukkan bahawa bertakbir di hari Tashri‘ lepas sembahyang dan lain-lainnya sudah tentu ada, tinggal lagi di sisi ulama terdiri beberapa perbahasan yang mana adakah bertakbir tadi ditentukan selepas sembahyang fardhu saja atau umum (kemudian daripada sembahyang sunat sama) yang muktamadnya di mazhab Imam kita Shāfi‘ī bahawa sunatnya di dalam masa yang disunatkan tadi iaitu di hari Tashri‘ adalah umum sama sekali ertinya samada sembahyang fardhu atau pun sembahyang sunat walau pun sembahyang jenazah, bagi siapa orang haji atau pun orang lebai, lelaki atau pun perempuan, berjemaah atau pun seorang diri mulainya dari subuh hari ‘Arafah hingga ‘Asar hari tiga belas wallahu a‘lam.¹³⁶

Contoh:

Keterangan:

Bahawa Abdullah Ibn Mas‘ūd berpegang kuat dengan sepatah kata junjungan SAW (hanyasanya imam itu dijadikan untuk diikuti) oleh itu siapa mendahului atau terdahulu perbuatannya dari perbuatan imam maka dihukum salah terpaksa mengulangi balik, sementara itu dimazhab Imam kita al-Shāfi‘ī sekiranya jika terdahulu perbuatan makmun dari perbuatan imamnya dengan dua rukun seperti ruku’ dan sujud batallah sembahyangnya jika dengan sengaja, sebaliknya kalau dengan lupa tidak batal sekianlah keterangan Qaṣṭalānī juzu’ (2) muka 48.¹³⁷

Berdasarkan penerangan ayat di atas, Ustaz Abdul Halim al-Hadi telah merujuk kitab al-Qastalānī dalam membincangkan hukum bagi mereka yang mendahului imam di dalam solat. Namun begitu, apa yang penulis ingin tekankan di sini adalah pegangan beliau dalam mazhab al-Shāfi‘ī dalam bidang fiqh. Selain itu, walaupun beliau merujuk kitab al-Qaṣṭalānī beliau tidak menukilkan pandangan al-Qastalānī secara menyeluruh akan tetapi beliau telah meringkaskan dan membuat syarahannya sendiri mengikut pemahamannya terhadap *qawl* tersebut.

¹³⁶ Abdul Halim al-Hadi, *Iḥām al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, 8:33.

¹³⁷ Abdul Halim al-Hadi, *Iḥām al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, 6:59-60. Lihat juga *Irshād al-Sārī* karangan al-Qastalānī, 2:41-42.

Contoh:

Keterangan :

“Mengikut zahir kedua-dua hadith ini bahawa sujud sahwī adalah tempatnya (masanya) sebelum memberi salam. Demikian telah berpegang dengannya oleh ulama-ulama mazhab Imam Shāfi‘ī....”¹³⁸

Contoh:

Manakala contoh yang lain pula, di dalam *Bāb al-Sur‘ah bī al-Janāzah* beliau mengemukakan sebuah perbahasan iaitu *khilāf* ulama di antara mazhab al-Shāfi‘ī dan Hanafi. Di dalam sebuah keterangan, beliau menyatakan bahawa:

Keterangan :

Bahawa perkara mengiring jenazah adalah khilaf di antara al-Shāfi‘ī – Hanafi. Kata Syafi ‘ie di hadapan, manakala Hanafi pula berkata yang aulanya dibelakang. Wallahu a’lam.¹³⁹

Contoh:

Keterangan:

- (1) Begitulah mengikut yang dinamakan oleh setengah ulama’, manakala setengah ulama pula mengatakan jika saf-saf itu tidak dibetulkan maka perbalahan atau perseteruan berbenci-bencian akan terjadi di antara sesama maknum.
- (2) Mengikut zahir hadith ini wajib disamakan barisan sembahyang, tetapi dihadith lain mengatakan bahawa menyamakan barisan dalam sembahyang itu setengah dari perkara menyempurnakan sembahyang, sebab itu dipalingkan ertiinya sudah berubah kepada sunat saja iaitu mazhab Imam al-Shāfi‘ī, Abu Hanifah dan Malik, wallahu a’lam.¹⁴⁰

Berdasarkan contoh-contoh di atas, terbuktilah bahawa Ustaz Haji Abdul Halim al-Hadi adalah seorang ulama bermazhab al-Shāfi‘ī yang sangat meraikan pendapat mazhab-mazhab *muktabar* yang lainnya seperti mazhab Hanafi, Maliki seperti yang dinyatakan di dalam contoh di atas.

¹³⁸ Abdul Halim al-Hadi, *Ilhām al-Bārī Sharh Sahīh al-Bukhārī*, 9:99.

¹³⁹ Abdul Halim al-Hadi, *Ilhām al-Bārī Sharh Sahīh al-Bukhārī*, 10:66.

¹⁴⁰ Abdul Halim al-Hadi, *Ilhām al-Bārī Sharh Sahīh al-Bukhārī*, 6:80.

4.2.7 Mensyarahkan Hadith Dengan Mengemukakan Sejarah (*Tārīkh Wa al-Maghāzī wa al-Siyār*)

Kepelbagai teknik penyampaian dalam sesebuah penulisan atau karya dilihat sebagai aspek penting bagi menarik minat pembaca untuk membaca dan memahami karya tersebut. Teknik penceritaan yang melibatkan sejarah-sejarah terdahulu secara tidak langsung membantu para pembaca menambah pengetahuan mereka malahan mengajak para pembaca menelusuri kisah perjalanan umat terdahulu serta mengambil hikmah dan pedoman dari sejarah tersebut. Antara isu-isu yang dikemukakan oleh Ustaz Abdul Halim al-Hadi di dalam kitab *Ilhām al-Bārī Sharḥ Ṣahīḥ al-Bukhārī Bahasa Melayu* ialah berkisar tentang sejarah Nabi Muhammad SAW yang merangkumi sejarah penurunan wahyu, sejarah pemerintahan Rom dan sejarah peperangan Ahḍhāb. Di bawah ini penulis bawakan beberapa contoh Ustaz Haji Abdul Halim al-Hadi mensyarahkan hadith dengan berpandukan sejarah para Nabi, sahabat dan tābi‘īn. Antaranya ialah;

- i) Sirah Nabi Muhammad SAW

Contoh :

Keterangan:¹⁴¹

- (3) Adapun kedatangan mimpi yang benar kepada Nabi Muhammad SAW itu ialah menjadi pendahuluan wahyu, menurut kata setengah ulama, masanya enam bulan sebelum wahyu iaitu pada bulan Rabi‘ al-Awwal (bulan keputeraannya).
- (4) Permulaan turun wahyu, hari Isnin tanggal 17 Ramadhan tahun yang ke 41 daripada keputeraannya bersamaan 6 Ogos tahun 610 Masihi dan umurnya ketika itu 40 tahun 6 bulan 8 hari pada hisab Qamariah (bilangan tahun yang dikirakan dengan perjalanan bulan).
- (5) Gua Hira’, ertiannya gua di bukit Hira’. Hira’ nama satu bukit jauhnya 3 batu dari Mekah, letaknya di sebelah kiri jalan pergi ke Mina.
- (6) Namus ialah Jibril ‘a.s yang membawa wahyu kepada Nabi Muhammad SAW dan adalah pelukan Jibril itu, kekuatannya sehingga hampir rasa nak mati.

¹⁴¹ Abdul Halim al-Hadi, *Ilhām al-Bārī Sharḥ Ṣahīḥ al-Bukhārī*, 1:9.

ii) Kisah Pemerintah Negeri Rom

Makna-makna perkataan berkesamaran di dalam hadith ini¹⁴²

- (1) هرقل raja yang memerintah Rom selama 31 tahun, dan ialah orang yang mula-mula menempa ringgit emas.
- (2) Angkatan Quraisy yang menghadapi هرقل adalah bilangannya sebanyak 30 orang lelaki.
- (3) Pembesar-pembesar Rom yang ada di sekeliling هرقل ialah kumpulan yang mengandungi ketua-ketua (menteri), ahli mesyuarat, kepala-kepala paderi dan lain-lainnya dari orang kenamaan.
- (4) Orang-orang yang mulia yang tidak suka bahkan tidak seorang pun menurut Nabi SAW ialah orang yang berbangsa tinggi, berpangkat atas dan berkedudukan yang terpandang.
- (5) Orang-orang dhaif yang suka menurutnya ialah daripada lapisan rakyat jelata yang lemah, miskin, dan rendah di dalam kalangan pergaulan.
- (6) Peperangan yang telah berlaku di antara jemaah Aba Sufian dengan Nabi SAW sesungguhnya ialah peperangan yang telah dimulakan oleh pihak Aba Sufian. Demikianlah peperangan yang dilancarkan oleh Rasulullah SAW, tidak sekali-kali ia mengisyiharkan perang melainkan kerana dua sebab. Pertama apabila dilanggar oleh orang (musuh) dan yang kedua sesudah ia menerima Rasul. Manakala diketahui bahawa suatu kumpulan sedang berkelam kabut menyediakan kelengkapan-kelengkapan hendak menyerangnya.
- (7) Perkataan هرقل yang mengaku bahawa Nabi SAW itu akan memiliki bumi yang didudukinya ialah bumi Baitul Maqdis atau bumi yang diperintahinya, dan sebab ia berkata begitu kerana ia telah mendapat alamat kenabiannya ‘alaihi solatu wassalam yang dithabitkan (ditetapkan) di dalam kitab-kitab yang terdahulu.
- (8) Maksud هرقل tentang membasuh kedua kakinya ialah kerana ia ada bercita-cita hendak memberi kepadanya sepenuh-penuh khidmat dan هرقل pada masa itu telah menerima Islam di dalam batinnya.
- (9) بطارقة perundangan daripada pembesar-pembesarnya yang mengandungi (ketua-ketua) قواد (الدولة خواص) (jemaah pertahanan) اهل (ahl) الشورى (ahli-ahli mesyuarat) الرأى اهل (orang-orang yang perfikiran tinggi) menurut susunan yang munasabah di masa itu.
- (10) راجع هرقل Raja هرقل ialah seorang tukang nujum, dan ia telah mendapat alamat dari pengetahuan nujumnya, pada sekian masa keputeraan Nabi SAW sekian Jibril menyampaikan wahyu, dan sekian masa kezahiran Islam, tetapi tidak dipertangkan kerana siasahnya. Ada pun keterangan ini tidaklah bermaksud supaya pembaca-pembaca meletakkan kepercayaan kepada tukang-tukang nujum, hanya bermaksud menerangkan adalah kebangkitan Rasulullah SAW itu telah disampaikan alamatnya kepada orang-orang yang baik.

¹⁴² Abdul Halim al-Hadi, *Illiḥām al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, 1:19.

- (11) Raja Ghasān (غسان) namanya al-Harth bin Abī Shamr.
- (12) هرقل Islamnya tidak dizahirkan dan ضغاط sahabatnya, telah menzahirkan Islamnya serta dan menyeru ia kepadanya, akhirnya terbunuh.

iii) Sejarah Peperangan Ahḍhāb

Keterangan :

Ringkas bahawa satu perjuangan daripada beberapa perjuangan kita SAW yang hebat ialah perjuangannya dalam peperangan Ahzab yang mana bilangan musuh atau seterunya tidak kurang dari dua belas ribu. Sungguhnya Madinah telah dilinkung oleh musuh, tetapi Allah yang Maha Kuasa maka diturun ke atas mereka angin Timur pada malam yang sangat sejuk, seterusnya angin tadi dengan kencangnya meniupkan debu dan pasir pada segala muka seterusnya yang hina itu pendeknya segala khemah mereka habis *puntang-panting* dipuput angin dengan sebab itu maka mereka telah menerima kekalahan dengan tidak sedikit kerugian pun dipihak junjungan SAW. Sekianlah erti pertolongan yang diberi kepada junjungan dengan angin Timur wallahu a'lam.¹⁴³

Dengan mengemukakan kaedah penceritaan dan sorotan kisah-kisah perjuangan Nabi dan para sahabat, membuatkan para pembaca lebih bersemangat serta berminat untuk mendalami dan memahami hadith-hadith Nabi SAW. Nyata Ustaz Abdul Halim al-Hadi bijak menarik minat pembaca dengan mengaplikasikan kaedah usul fiqh dalam mensyarahkan hadith-hadith di dalam *Sahīh al-Bukhārī*.

4.2.8 Mensyarahkan Hadith dengan Menjelaskan Kalimah *Gharīb*

Penguasaan yang baik dalam ilmu bahasa Arab memudahkan seseorang penulis atau pengarang kitab menjelaskan maksud berkesamaran dan perkataan-perkataan *gharīb* atau pun asing di dalam hadith. Selain itu kaedah ini juga dapat membantu menjelaskan maksud *mufrādat* hadith yang terdapat di dalam kitab *Sahīh al-Bukhārī*. Penulis akan

¹⁴³ Abdul Halim al-Hadi, *Iḥhām al-Bārī Sharḥ Sahīh al-Bukhārī*, 8:76.

mengemukakan contoh dimana Ustaz Abdul Halim al-Hadi menjelaskan isi-isi penting dengan menjelaskan kalimah-kalimah *gharīb*. Antaranya ialah:

Contoh:

باب من سُئل علماء وهو مشتغل في حديثه فأتم الحديث ثم أجاب السائل

حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ سِنَانٍ قَالَ حَدَّثَنَا فُلَيْحٌ وَحَدَّثَنِي إِبْرَاهِيمُ بْنُ الْمُنْدِرِ قَالَ حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ فُلَيْحٌ قَالَ حَدَّثَنِي أَيْمَانٌ هَلَّ لُبْنُ عَلَىٰ عَنْ عَطَاءٍ بْنِ يَسَارٍ عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ بَيْنَمَا النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي مَجَلِّسٍ يُحَدِّثُ الْقَوْمَ جَاءَهُ أَعْرَابِيٌّ فَقَالَ مَتَى السَّاعَةُ فَمَضَى رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُحَدِّثُ فَقَالَ بَعْضُ الْقَوْمَ سَعَى
مَا قَالَ فَكَرِهَ مَا قَالَ وَقَالَ بَعْضُهُمْ بَلْ لَمْ يَسْمَعْ حَتَّىٰ إِذَا قَضَى حَدِيثَهُ قَالَ أَيْنَ أَرَاهُ السَّائِلُ عَنِ السَّاعَةِ قَالَ هَا أَنَا
يَا رَسُولَ اللَّهِ قَالَ فَإِذَا ضُيِّعَتِ الْأَمْانَةُ فَانْتَظِرْ السَّاعَةَ قَالَ كَيْفَ إِضَاعَتُهَا قَالَ إِذَا وُسِّدَ الْأَمْرُ إِلَىٰ غَيْرِ أَهْلِهِ فَانْتَظِرْ
السَّاعَةَ

Terjemahan: Sedang junjungan yang mulia SAW bercerita-cerita di majlis ramai, tiba-tiba datang A'rābī bertanya bilakah kiamat? Nabi terus jua bercerita maka setengah dari mereka yang mendengar persabdaan berkata Nabi sallallahu 'alaihi wasallam dengar soalan itu, tetapi tidak dihiraukan. Dan setengah dari mereka ada yang berkata Nabi tidak dengar soalan itu, sehingga apakala selesai ceritanya terus bertanya di mana atau manakah orang yang bertanya berkenaan hari kiamat? orang yang bertanya menjawab saya ya Rasulullah! Junjungan bersabda: Apabila disiakan amanah (kepercayaan) dimasa itu tunggulah kiamat. "Bagaimanakah sianya (amanah) itu?" kata yang bertanya. Junjungan menjawab: Apabila disuruh akan satu urusan kepada yang bukan ahlinya, masa itu tunggulah kiamat.

Keterangan:¹⁴⁴

Majlis yang dicerita oleh Nabi SAW itu ialah majlis perhimpunan lelaki sahaja, atau satu majlis perhimpunan lelaki dan perempuan kerana majlis perhimpunan itu ada tersebut perkataan ((يُحَدِّثُ الْقَوْمُ)) adapun kaum di dalam bahasa Arab ialah perhimpunan yang tidak ditentukan kepada orang lelaki sahaja, bahkan boleh jadi ada bersama-samaan orang perempuan.

Terdapat beberapa pandangan berkenaan *الْقَوْمُ* ini. Perkataan menurut *Lisān al-*

*'Arab'*¹⁴⁵ bermaksud; 'suatu kumpulan daripada lelaki dan bersama-samanya adalah

¹⁴⁴ Abdul Halim al-Hadi, *Iḥhām al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, 2:6.

¹⁴⁵ Ibn Manzūr, *Lisān al-'Arab* (Kaherah: Dār al-Hadīth), 550.

wanita'. Manakala pendapat lain mengatakan bahawa **الْفَوْمُ** itu membawa maksud lelaki sahaja tanpa wanita. Hujah ini dikuatkan dengan dalil:

﴿لَا يَسْخِرْ قَوْمٌ مِّنْ قَوْمٍ عَسَى أَنْ يَكُونُوا حَيْرًا مِّنْهُمْ وَلَا نِسَاءٌ مِّنْ نِسَاءٍ عَسَى أَنْ يَكُنَّ حَيْرًا مِّنْهُنَّ﴾

Terjemahan: Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah sesuatu puak (dari kaum lelaki) mencemuh dan merendah-rendahkan puak lelaki yang lain, (kerana) harus puak yang dicemuhkan itu lebih baik daripada mereka; dan janganlah pula sesuatu puak dari kaum perempuan mencemuh dan merendah-rendahkan puak perempuan yang lain, (kerana) harus puak yang dicemuhkan itu lebih baik daripada mereka.

Al-Hujurāt 49:11

Al-Jawhari,¹⁴⁶ berkata; tidak ada seorang pun yang mengatakan bahawa **الْفَوْمُ** itu adalah lelaki tanpa wanita, dan kemungkinan yang masuk itu adalah wanita yang mengikuti kerana kaum setiap Nabi terdiri daripada lelaki dan wanita. Ini berdasarkan dalil:

كَذَّبَتْ قَوْمٌ نُوحَ الْمُرْسَلِينَ

Al-Shu‘arā’ 26:105

Terjemahan: (Demikian juga) kaum Nuh telah mendustakan Rasul-rasul (yang diutus kepada mereka).

Penulis bersetuju dengan pengarang kitab *Ilhām al-Bārī Sharḥ Sahīh al-Bukhārī Bahasa Melayu* yang mengatakan bahawa perkataan **الْفَوْمُ** tidak ditentukan kepada orang lelaki sahaja malah boleh jadi ada bersama-samanya wanita.

Contoh:

باب كتابة العلم

حَدَّثَنَا أَبُو ثُعَيْمِ الْقَصْلُ بْنُ دُكْنِ قَالَ حَدَّثَنَا شِيبَانُ عَنْ يَعْيَى عَنْ أَبِي سَلَمَةَ عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ أَنَّ حُزَاعَةَ قَتَلُوا رَجُلًا مِّنْ بَنِي لَيْثٍ عَامَ فَتَحَّ مَكَّةَ بِقَتْلِهِمْ فَأَخْبَرَ بِذَلِكَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَرَكِبَ زَاحِلَةً فَخَطَبَ

¹⁴⁶ Beliau merupakan seorang ulama dalam bidang bahasa Arab. Lihat Ibn Manzūr, *Lisān al-‘Arab*, 551.

فَقَالَ إِنَّ اللَّهَ حَبَسَ عَنْ مَكَّةَ الْقَتْلَ أَوْ الْفِيلَ قَالَ أَبُو عَبْدِ اللَّهِ كَذَا قَالَ أَبُو نُعَيْمٍ وَاجْعَلُوهُ عَلَى الشَّانِقِ الْفِيلَ أَوْ
 الْقَتْلَ وَغَيْرُهُ يَقُولُ الْفِيلَ وَسَلَطَ عَلَيْهِمْ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَالْمُؤْمِنِينَ أَلَا وَإِنَّهَا لَمْ تَحِلْ لِأَحَدٍ قَبْلِي وَمَ
 تَحِلْ لِأَحَدٍ بَعْدِي أَلَا وَإِنَّهَا حَلَّتْ لِي سَاعَةً مِنْ نَهَارٍ أَلَا وَإِنَّهَا سَاعَتِي هَذِهِ حَرَامٌ لَا يُخْتَلِي شَوْكُهَا وَلَا يُعْصَدُ
 شَجَرُهَا وَلَا تُلْتَنَعِطُ سَاقِطَتِهَا إِلَّا لِمُنْشِدٍ فَمَنْ قُتِلَ فَهُوَ بِخَيْرِ النَّظَرِينَ إِمَّا أَنْ يُعْقَلَ وَإِمَّا أَنْ يُعَادَ أَهْلَ الْعَتْلِ فَجَاءَ
 رَجُلٌ مِنْ أَهْلِ الْيَمَنِ فَقَالَ أَكْتُبْ لِي يَا رَسُولَ اللَّهِ فَقَالَ أَكْتُبُوا لِأَبِي فُلَانِ فَقَالَ رَجُلٌ مِنْ قُرْشُشٍ إِلَّا الْإِذْخَرُ يَا
 رَسُولَ اللَّهِ فَإِنَّا نَجْعَلُهُ فِي بَيْوَنَنَا وَقُبُورَنَا فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِلَّا الْإِذْخَرُ إِلَّا الْإِذْخَرُ قَالَ أَبُو عَبْدِ اللَّهِ
 يُقَاتَلُ يُقَاتَلُ بِالْقَافِ فَقِيلَ لِأَبِي عَبْدِ اللَّهِ أَيُّ شَيْءٍ كَتَبَ لَهُ قَالَ كَتَبَ لَهُ هَذِهِ الْحُكْمَةُ

Terjemahan: Diriwayat oleh Abu Hurairah bahawa seorang dari puak atau kabilah Quzā‘ī telah membunuh seorang lelaki keturunan Bani Layth pada tahun terbuka negeri Mekah kerana membela ke atas seorang Quzā‘ī yang telah dibunuh oleh puak bani al-Layth. Maka hal ini telah dimaklum kepada junjungan apatah lagi junjungan dengan segera menunggangi kenderaannya terus berkhutbah. Sabdanya: Bahawa Allah telah tidak membenar berbunuh-bunuhan dalam Mekah, atau Dia (Allah) telah menahan kaum yang datang dengan bergajah kerana meruntuh Ka‘abah. Kata Imam Bukhari sekianlah dikatakan oleh gurunya Abu Nu‘aym maka kaum itu dapat dikalah oleh junjungan serta muslimin. Sebenarnya Mekah tidak halal menumpah darah dalamnya samada terdahulu dari saya atau kemudian. Cuma dihalal kepada saya sebentar sahaja, sekarang telah diharam semula, hatta pokok kayu bahkan durinya sekalipun tak boleh dipotong dan tak boleh dipungut barang keciciran, hanya bagi orang yang sanggup hendak memberi tahu tuannya, maka barangsiapa kerabatnya dibunuh orang, bolehlah ianya memilih mana yang terlebih baik baginya daripada dua perkara: (1) Mengambil diat (2) Membunuh balas, maka dating seorang lelaki (Yamani) berkata Ya Rasulullah tuliskanlah bagi saya ini khutbah, maka junjungan bersabda kepada penulisnya: Tuliskanlah kepada fulan itu maka bangun pula seorang bangsa Quraisy berkata hanya ya Rasulullah! Pinta dikecualikan dari pokok-pokok yang haram dipotong tadi, kerana akan dijadikan dia membuat bumbung rumah. Begitu juga digunakan dikubur-kubur kami, maka junjungan bersabda: bolehlah itu اذخر

Keterangan :

- (1) Maksud Imam Bukhārī datangkan ini hadith bahawa berkenaan dengan tulis menulis ada tersebut di dalamnya.
- (2) Berkenaan pokok yang berduri telah bersalah-salahan ulama padanya insyaAllah dalam Kitāb Al-Haj akan diterangkan.
- (3) Pokok اذخر itu kata al-‘Allamah Abdullah Fahim sejenis pokok yang hampir-hampir semacam pokok serai.¹⁴⁷

¹⁴⁷ Abdul Halim al-Hadi, *Iḥhām al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, 2:57-58.

Ketika mensyarah hadith tersebut, Ustaz Abdul Halim al-Hadi telah menjelaskan kalimah *gharīb* Arab bagi menjelaskan maksud اذْخَرْ. Beliau menjelaskan maksud kalimah اذْخَرْ dengan mendatangkan pendapat gurunya iaitu Syeikh Abdullah Fahim.

4.3 Metode Ustaz Haji Abdul Halim al-Hadi Dalam Ilmu Hadith *Riwāyah*

4.3.1 Definisi Ilmu Hadith *Riwāyah*

Ilmu Hadith *Riwāyah* secara umumnya ialah suatu ilmu yang berkaitan dengan periwayatan yang disandarkan kepada Nabi SAW. yang mencakupi cara periwayatan dan penerimaan sesuatu hadith dari satu perawi kepada perawi yang lain. Telah berkata Ibn al-Akfānī¹⁴⁸ yang diambil daripada Imām al-Suyūṭī¹⁴⁹ r.a bahawa hadith *Riwāyah* ialah:¹⁵⁰

“Ilmu hadith yang khusus dengan riwayat, ialah ilmu yang melengkapi ke atasnya penulisan perkataan-perkataan Nabi SAW, perbuatan-perbuatannya, periwayat-periwayatnya, pendhabitannya (pencatatannya) dan penguraian lafaz-lafaznya.”

Menurut Dr. Muhammad Abū al-Layth al-Khayr Ābādī pula, Hadith *Riwāyah* ialah ilmu mengenai kaedah-kaedah yang dengannya dapat diketahui akan hal keadaan perawi dan hadith yang diriwayatkan¹⁵¹.

Daripada definisi-definisi yang disebutkan di atas ini, maka dapatlah dikatakan bahawa hadith riwayah ialah suatu ilmu yang berkaitan dengan periwayatan, pemeliharaan dan penulisan hadith-hadith Rasulullah SAW.

¹⁴⁸ Beliau adalah Abu ‘Abdillah Muhammad bin Ibrahim bin Sa‘īd. Wafat pada tahun 749 H. Lihat Jalāl al-Dīn al-Suyūṭī, et al., “*Tadrīb al-Rāwī fī Sharḥ Taqrīb al-Nawāwī*” (Qatar: Dār al-‘Asimah, 2009), 1:37. Kitab “*Tadrīb al-Rāwī*” karangan al-Imām al-Suyūṭī ini adalah kitab syarah bagi “*Taqrīb*” karangan Imam al-Nawāwī Rahimahullah. Manakala kitab “*Taqrīb al-Nawāwī*” atau nama lengkapnya “*Taqrīb wa al-Taysīr li Ma’rifah Sunan al-Basyir al-Naṣīr*” ini adalah ringkasan yang dibuat oleh Imam al-Nawāwī daripada kitab beliau “*Al-Irsyad*” yang merupakan kitab ringkasan daripada Muqaddimah Ibn Ṣalāh.

¹⁴⁹ Beliau adalah ‘Abd al-Rahman bin Abī Bakr bin Muhammad bin Sābiq al-Dīn bin ‘Uthman bin Muḥammad bin Khadher bin Ayūb bin Muhammad bin Hamam al-Dīn bin al-Khudairi al-Asyūṭī al-Shāfi‘ī. Lihat Jalāl al-Dīn al-Suyūṭī, *Huṣn al-Muhaḍarah fī Akhbār Miṣr wa al-Qāhirah* (Beirut: Nashr Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1997), 2:288.

¹⁵⁰ Jalāl al-Dīn al-Suyūṭī, “*Tadrīb al-Rāwī fī Sharḥ Taqrīb al-Nawāwī*”, 37.

¹⁵¹ Muhammad Abū al-Layth al-Khayr Ābādī, ‘*Ulūm al-Ḥadīth Aṣiluhā wa Mu’āsiruhā*’ (Dār al-Shākir, 2003), 7.

4.3.2 Metode Ustaz Haji Abdul Halim al-Hadi Dalam Mengaplikasikan Ilmu Hadith *Riwāyah*

Ilmu Hadīth *Riwāyah* ialah suatu ilmu yang menekankan soal periyatatan sesebuah hadith semata-mata. Antara aspek utama yang menjadi perbahasan di dalam ilmu hadith *riwāyah* ialah sanad dan matan sesebuah hadith. Dari aspek sanad, perkara yang ditekankan adalah hal keadaan perawi manakala dari aspek matan, adalah berkaitan dengan hadith yang diriwayatkan. Di dalam kitab *Ilhām al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī Bahasa Melayu*, Ustaz Abdul Halim al-Hadi kurang membincangkan aspek sanad atau perawi hadith. Penulis cuba mendatangkan sebuah perbahasan yang dilakukan oleh Ustaz Abdul Halim al-Hadi dalam mengaplikasikan ilmu hadith riwayah di dalam penulisan beliau. Namun begitu ia bukanlah melibatkan aspek perawi hadith hadith, tetapi pengarang kitab cuba menterjemahkan *rijal* di dalam hadith tersebut.

1) Menterjemahkan *rijal* yang terdapat di dalam kitab *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*

i) Menjelaskan nama yang tidak dikenali

Di dalam hadith *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* ada perawi yang tidak dinyatakan namanya. Di dalam kitab beliau *Ilhām al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī Bahasa Melayu*, Ustaz Abdul Halim al-Hadi telah menjelaskan siapa lelaki yang dimaksudkan tersebut. Antara contoh beliau menjelaskan *nama yang tidak dikenali* ialah:

Contoh:

باب أَحَبِّ الدِّينِ إِلَى اللَّهِ أَدْوَمُه

حَدَّثَنَا الْخَسْنُ بْنُ الصَّبَّاحِ سَمِعَ جَعْفَرَ بْنَ عَوْنَ، حَدَّثَنَا أَبُو الْعُمَيْسٍ أَخْبَرَنَا فَيْسُرُ بْنُ مُسْتَلِمٍ عَنْ طَارِقِ بْنِ شِهَابٍ، عَنْ عُمَرَ بْنِ الْخَطَّابِ : أَنَّ رَجُلًا مِنَ الْيَهُودِ قَالَ لَهُ يَا أَمِيرَ الْمُؤْمِنِينَ آيَةٌ فِي كِتَابِكُمْ تَثْرُغُونَهَا لَوْ عَلَيْنَا مَعَاشِرُ الْيَهُودِ نَزَّلْتُ لَنَا الْيَوْمَ عِيدًا قَالَ : آيَةٌ آيَةٌ ؟ قَالَ الْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ

وَأَنْتَمُتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِي وَرَضِيَتُ لَكُمُ الْإِسْلَامَ دِينًا قَالَ عُمَرٌ قَدْ عَرَفْنَا ذَلِكَ الْيَوْمَ وَالْمَكَانَ الَّذِي نَزَّلَ فِيهِ
 عَلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَهُوَ قَائِمٌ بِعِرْفَةَ يَوْمِ الْجُمُعَةِ¹⁵²

Terjemahan: Bahawa seorang lelaki bangsa Yahudi berkata kepadanya, ya Amirul Mukminin, satu ayat dalam kitab kamu yang kamu sedia membacanya, sekiranya jika ke atas kami bangsa Yahudi diturunkan ayat itu nescaya kami jadikan hari itu hari perayaan kami, Saidina Umar bertanya ayat mana? Jawab lelaki Yahudi ayat

أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَنْتَمْ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِي وَرَضِيَتُ لَكُمُ الْإِسْلَامَ دِينًا
 sempurnakan bagi kamu akan agama kamu. Saidina Umar berkata dengan gembiranya, kami sebenarnya tahu akan hari itu, begitu juga tempatnya yang diturunkan di waktu junjungan SAW sedang berada di Padang Arafah hari Jumaat.

Keterangannya:

Seorang lelaki daripada Yahudi ialah Ka‘ab al-Ahbār sebelum ia memeluk Islam...¹⁵³

Contoh:

حَدَّثَنَا إِسْمَاعِيلُ، قَالَ: حَدَّثَنِي مَالِكُ بْنُ أَنَسٍ، عَنْ عَمِّهِ أَبِي سُهْبَلِ بْنِ مَالِكٍ، عَنْ أَبِيهِ، أَنَّهُ سَمِعَ طَلْحَةَ بْنَ عُبَيْدِ اللَّهِ، يَقُولُ: جَاءَ رَجُلٌ إِلَيْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مِنْ أَهْلِ تَجْدِيدِ ثَائِرِ الرَّأْسِ، نَسْمَعُ دُوَيْ صَوْتَهُ وَلَا نَفْقَهُ مَا يَقُولُ حَتَّىٰ دَنَّا مِنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَإِذَا هُوَ يَسْأَلُ عَنِ الْإِسْلَامِ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "خَمْسُ صَلَوَاتٍ فِي الْيَوْمِ وَاللَّيْلَةِ" ، فَقَالَ: هَلْ عَلَيْيَ عِيْرَةٌ؟ قَالَ: "لَا، إِلَّا أَنْ تَطَوَّعَ وَصِيَامَ رَمَضَانَ" قَالَ: هَلْ عَلَيْيَ عِيْرَةٌ قَالَ لَا، إِلَّا أَنْ تَطَوَّعَ قَالَ وَدَكَرَ لَهُ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الزَّكَاةَ قَالَ: هَلْ عَلَيْيَ عِيْرَهَا؟ قَالَ لَا، إِلَّا أَنْ تَطَوَّعَ قَالَ فَأَذْبَرَ الرَّجُلَ وَهُوَ يَقُولُ وَاللَّهِ لَا أُزِيدُ عَلَىٰ هَذَا وَلَا أُنْقُصُ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَفْلَحَ إِنْ صَدَقَ¹⁵⁴

Keterangannya

(1) “Lelaki yang datang kepada Rasulullah SAW itu ialah Ḏamīm bin Tha’labah datang daripada Najd”

Di dalam contoh di atas, pengarang kitab *Ilhām al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* *Bahasa Melayu* telah menjelaskan kepada pembaca siapakah Yahudi yang di

¹⁵² Abdul Halim al-Hadi, *Ilhām al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, 1:65-66.

¹⁵³ Abdul Halim al-Hadi, *Ilhām al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, 1:66.

¹⁵⁴ Abdul Halim al-Hadi, *Ilhām al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, 1:68.

maksudkan di dalam hadith dan lelaki Badwi yang datang kepada Rasulullah SAW untuk bertanyakan perihal Islam di dalam hadith *Sahīh al-Bukhārī*.

4.4 Metode Ustaz Haji Abdul Halim al-Hadi Dalam Ilmu Hadith *Dirāyah*

4.4.1 Definisi Ilmu Hadith *Dirāyah*

Ilmu hadith *Dirāyah* ialah suatu ilmu untuk mengkaji tentang hakikat sesebuah riwayat, syarat-syarat, hukum-hukum serta *rijal* hadith.¹⁵⁵ Menurut Syed Abdul Majid Ghouri, ilmu hadith *Dirāyah* ialah ilmu mengenai prinsip-prinsip untuk mengenali perihal sanad dan matan. Prinsip ini dijadikan wasilah untuk mengetahui samada sesuatu hadith itu diterima atau ditolak melalui penelitian, pembezaan, kritikan, kajian mengenai anasir-anasir yang membolehkan hukum terhadap sesuatu sanad samada ia *sāḥīh* atau *daīf*, dan kajian untuk memahami maksud matan dengan kefahaman ilmiah.¹⁵⁶

Manakala Ibn al-Akfānī dan Muḥammad ‘Ajjaj al-Khāṭib pula berkata bahawa ilmu hadith yang khusus dengan *dirāyah* ialah ilmu daripadanyaalah kita mengetahui hakikat riwayat,¹⁵⁷ dan syarat-syaratnya,¹⁵⁸ jenis-jenisnya,¹⁵⁹ dan hukum-hukumnya¹⁶⁰ keadaan perawi¹⁶¹ dan syarat-syarat¹⁶² mereka, serta jenis-jenis yang diriwayatkan,¹⁶³ dan apa yang berkaitan dengannya.¹⁶⁴

¹⁵⁵ Muhammad Adīb Salīḥ, *Lamahāt fī Usūl al-Hadīth* (Beirut: Al-Maktabah al-Islami), 72.

¹⁵⁶ Syed Abdul Majid Ghouri, *Pengenalan Ilmu Mustalah al-Hadith* (Selangor: Dār Syakir Enterprise, 2011), 45.

¹⁵⁷ Imām al-Suyūṭī di dalam kitab beliau “*Tadrīb al-Rāwī*” meletakkan hakikat riwayat di sini dengan kegiatan sunnah (hadith), dan menyandarkan kepada orang yang meriwayatkan hadith tersebut dengan perkataan *tahdīth* (contohnya *haddathānā* fulan) atau *ikhbār* (contohnya *akhbaranā* fulan) atau sebagainya. Lihat al-Suyūṭī, “*Tadrīb al-Rāwī fī Sharh Taqrīb al-Nawāwī*”, 38.

¹⁵⁸ Cara-cara penerimaan hadith terdiri daripada lapan kaedah antaranya *Sama'*, ‘*Ard*, *Ijāzah*, *Munāwalah*, *Kitābah*, *I'lām*, *Wasiyyah*, dan *Wajadah*.

¹⁵⁹ Jenis-jenis periwayatan yang dimaksudkan di sini adalah samada ia *muttasil* iaitu bersambung dari perawi pertama hingga hal perawi yang terakhir atau *munqati'* iaitu sanad yang terputus di salah satu tingkatan dalam periwayatan hadith. Contohnya terputus di awal, di tengah atau di akhir sanad.

¹⁶⁰ Hukum-hukum di sini merujuk kepada dua hukum iaitu diterima (*al-Qabul*) atau ditolak (*al-Rad*)

¹⁶¹ Adil (*al-'Adālah*) atau tidak adil (*al-Jarh*).

¹⁶² Syarat-syarat yang dimaksudkan ialah syarat-syarat ketika menerima (*tahammul*) atau menyampaikan (*al-Ada'*) riwayat dan syarat-syarat ini perlu ada pada setiap para perawi .

¹⁶³ Penulisan hadith dalam kitab musnad dan mu'jam, dan ajza', dan lain-lainnya dari jenis kitab-kitab yang mengumpulkan hadith-hadith baginda SAW.

¹⁶⁴ Al-Suyūṭī, “*Tadrīb al-Rāwī fī Sharh Taqrīb al-Nawāwī*,” 7.

Antara faedah mempelajari ilmu ini adalah dapat mengetahui keadaan sanad dan matan dari sudut diterima atau ditolak oleh para ulama hadith. Selain itu, ilmu ini juga dapat menentukan sesuatu hadith samada telah dimansuhkan atau tidak juga menghilangkan percanggahan zahir yang terdapat pada nas-nas hadith. Secara tidak langsung memberi khidmat kepada hadith melalui pensyaranan dan penerangan yang dibuat kepadanya.

Jika dilihat sejarah perkembangan hadith pada zaman Rasulullah SAW, telah wujud golongan musuh Islam yang menyebar hadith-hadith palsu dalam masyarakat bagi tujuan kepentingan peribadi, atau pun secara berkumpulan. Oleh itu, mempelajari ilmu hadith *Dirāyah* ini adalah penting bagi mengenalpasti sama ada hadith itu diterima atau pun ditolak dalam rangka memelihara keautoritian hadith sebagai sumber kedua dalam perundangan Islam selepas al-Qur'an.

4.4.2 Metode Ustaz Haji Abdul Halim al-Hadi Dalam Mengaplikasikan Ilmu Hadith *Dirāyah*

Ustaz Abdul Halim al-Hadi kurang membahas hadith-hadith dirāyah di dalam kitab *Ilhām al-Bārī Sharḥ Ṣahīḥ al-Bukhārī Bahasa Melayu*. Penulis mendapati bahawa beliau mensyarah hadith berdasarkan nas-nas zahir sesebuah hadith mengikut syarahannya atau melalui rujukan beliau terhadap kitab-kitab lain seperti *Fath al-Bārī* dan *Irshād al-Sānī* oleh al-Qastalānī. Beliau turut mengemukakan kisah-kisah sejarah perjuangan Nabi s.aw ketika membuat syarahan hadith. Ilmu hadith *Dirāyah* ini juga sebenarnya mempunyai kaitan yang rapat dengan *Fiqh al-Hadīth*.

4.5 Metodologi Ustaz Haji Abdul Halim al-Hadi Dalam *Fiqh al-Hadīth*

Penyampaian yang baik di dalam penulisan mampu menarik minat pembaca untuk mempelajari dan mendalami isi kandungan sesebuah penulisan. Menjadi satu keistimewaan bagi pembaca karya hadith apabila dapat memahami *fiqh al-hadīth* pengarang kitab kerana ianya dapat membantu pembaca mengenalpasti dan memahami apa yang disampaikan oleh pengarang di dalam karya tersebut. Di dalam bab ini, penulis mempersembahkan *fiqh al-hadīth* Ustaz Abdul Halim al-Hadi di dalam kitab *Ilhām al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī Bahasa Melayu*.

Menurut Qādī ‘Iyād, seorang ulama hadith, beliau mendefinisikan *fiqh al-hadīth* dengan:

“Mengeluarkan hikmah dan hukum hakam daripada nas-nas dan makna hadith serta menjelaskan permasalahan yang terkandung dalam lafaz-lafaz hadith dengan sebaik-baik takwil...”¹⁶⁵

Manakala Al-Tībī pula mendefinisikan *fiqh al-hadīth* dengan:

“Apa yang terkandung padanya matan hadith daripada hukum hakam dan adab-adab yang difahami daripada teks-teks tersebut.”

Secara umumnya, *fiqh al-hadīth* adalah pengetahuan berkenaan hukum-hakam, adab dan pengajaran yang dikeluarkan daripada nas-nas hadith selain mengetahui makna hadith samada untuk diamalkan atau dijadikan teladan. Ustaz Abdul Halim al-Hadi telah mengaplikasikan beberapa metode *fiqh al-hadīth* dalam mensyarahkan kitab *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Berikut adalah metodologi yang digunakan oleh beliau:

¹⁶⁵ Qādī ‘Iyād bin Mūsā al-Yahsubi, *Al-‘Ilmā’ ilā Ma ‘rifah Usūl al-Riwāyah wa Taqyīd al-Simā’*, ed. al-Sayyid Ahmad Saqar (t.p.: Dār al-Turath, 1970), 5.

4.5.1 Menjelaskan makna Hadith Dengan Contoh-contoh Yang Mudah Difahami.

Di dalam bab “إطعام الطعام من الإسلام” ada sepotong hadith Nabi SAW, baginda telah ditanya oleh seorang lelaki tentang bagaimana Islam yang lebih baik. Kemudian Baginda menjawab ((تُطْعِمُ الطَّعَامَ وَتَفْرِغُ السَّلَامَ عَلَى مَنْ عَرَفْتَ وَمَنْ لَمْ تَعْرِفْ)). Bagi menjelaskan kepada pembaca apakah yang dimaksudkan dengan lafaz hadith تُطْعِمُ الطَّعَام Ustaz Abdul Halim al-Hadi telah memberi keterangan yang lebih mudah difahami iaitu beliau menjelaskan شُطْعُمُ الطَّعَام dengan memberi contoh bahawa memberi makan itu adalah dengan membuat jamuan.¹⁶⁶

4.5.2 Mensyarahkan Sesuatu Hadith Dengan Terperinci.

Adakalanya Ustaz Abdul Halim al-Hadi mensyarahkan sesebuah hadith dengan panjang lebar. Contohnya adalah seperti berikut:

Contoh:

كتاب بدء الوحى

باب كيف كان بدء الوحى الى رسول الله صلى الله عليه وسلم
((انا اوحينا إليك كما اوحينا إلى نوح والبيبين من بعده))

Terjemahan: “Bab pada menyatakan bagaimana keadaan permulaan wahyu kepada Rasulullah SAW dan perkataan Tuhan yang Maha Tinggi sebutannya, Sesungguhnya Kami menurunkan wahyu kepada Engkau ya Muhammad sebagaimana Kami menurunkan wahyu kepada Nabi Nuh dan sekalian Nabi-nabi yang demikian daripadanya.”

¹⁶⁶ Abdul Halim al-Hadi, *Iḥhām al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, 1:28.

Keterangan: Imam al-Bukhārī akan memberi penerangan di dalam bab ini dengan kaifiat turun wahyu kepada Nabi kita SAW.

Isyaratnya: Imam al-Bukhārī memberi faham bahawa turun wahyu itu bukan sahaja disabitkan dengan hadith semata-mata, tetapi dikuatkan dengan yang demikian dengan keterangan dalil Qur'an juga.

Peringatan:

- (1) Erti Wahyu (al-wahyu) maknanya pada bahasa kita, isyarat, tulisan, risalah, ilham, dan bisik. Adapun wahyu yang dikehendaki di sini ialah wahyu turun ayat kepada Rasulullah SAW.
- (2) Imam al-Bukhārī membuat permulaan kitab membuat permulaan kitab ini, dengan bab wahyu, tujuannya kerana sekalian yang akan disebutkan di dalam kitab ini. Semuanya terhenti di atas keadaan Nabi Muhammad SAW itu, sebenar menjadi Nabi yang diwahyukan kepadanya.
- (3) Imam al-Bukhārī mendahuluikan sebutan bab wahyu daripada bab iman, sebabnya kerana iman terhenti di atas wahyu. Jika Nabi Muhammad SAW tidak diwahyukan, nescaya penurut-penurut tidak boleh meletakkan iman kepadanya.
- (4) Perkataan wahyu (*al-wahy*) itu tidak saja digunakan dari Tuhan kepada nabi-nabi, tetapi boleh juga digunakan dari Tuhan kepada manusia yang lain dan kepada haiwan. Ada pun daripada manusia kepada manusia, jika ada menyertai ingatan sebagai wahyu kenabian nescaya jatuh agamanya, sekalipun kalau seorang itu berkata saya menerima wahyu semalam, jagalah tertib bercakap.

Contoh :

باب امور الإيمان

الإِيمَانُ بِضُمْنٍ وَسُلْطَنٍ شُعْبَةً، وَالْجَيْأَ شُعْبَةً مِنَ الْإِيمَانِ¹⁶⁷

Terjemahan: Iman ada mempunyai lebih daripada enam puluh cawangan dan malu satu daripada cawangan Iman.

Bagi menjelaskan kepada pembaca tentang hadith di atas, Ustaz Abdul Halim al-Hadi telah menerangkan hadith tersebut dengan terperinci mengikut kefahamannya sendiri. Di dalam kitabnya iaitu Kitab *Ilhām al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī Bahasa Melayu* beliau menghuraikan maksud malu dan kepentingan memiliki rasa malu dalam setiap individu muslim.

¹⁶⁷ Abdul Halim al-Hadi, *Ilhām al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, 1:25.

Keterangan:¹⁶⁸

Malu itu Iman

Iman satu perkara yang luas ertinya, tinggi darjatnya dan orang yang ada malu ada imannya.

Isyaratnya:

- (1) Malu, sifat orang-orang yang beriman
- (2) Malu, membawa kepada iman
- (3) Orang-orang yang ada bersifat malu, tinggi imannya.

Peringatan:

- (1) Seseorang tidak akan dapat meninggal suatu syahwat yang dibenci olehnya sendiri selagi belum ada rasa malu.
- (2) Siapa sedikit malu, sedikit sahabatnya yang baik.
- (3) Erti malu, ialah rasa kecewa jika tidak ditunaikan suatu tuntutan, dan terasa keji jika terbuat suatu kemudharatan.
- (4) Malu, ialah sifat yang sangat-sangat ditakuti oleh orang-orang yang berfikir “Nabi SAW sangat memperhargakan malu.”

4.5.3 Menyelitkan Unsur-Unsur Nasihat Dan Peringatan Dalam

Syarahan Hadith

Selain daripada menjelaskan hadith-hadith yang terdapat di dalam kitab *Sahīh al-Bukhārī*, Ustaz Halim juga sering memberikan kata-kata berunsur nasihat serta peringatan-peringatan di dalam penulisan beliau berdasarkan hadith yang disyarahkan.

Antara contoh-contoh nasihat dan peringatan yang diberikan oleh beliau adalah:

- a) Menyeru orang ramai untuk melakukan amal jariah.

Di dalam kitab *Ilhām al-Bārī Sharḥ Sahīh al-Bukhārī Bahasa Melayu*, Ustaz Abdul Halim al-Hadi ada menerangkan perkara-perkara kebajikan yang harus dilakukan oleh umat Islam iaitu tidak boros dan melakukan pembaziran terutamanya di dalam bulan puasa. Di bahagian ‘keterangan’ beliau ada menyebut bahawa Islam menyuruh umatnya

¹⁶⁸ Abdul Halim al-Hadi, *Ilhām al-Bārī Sharḥ Sahīh al-Bukhārī*, 1: 26.

supaya memperbanyakkan sedekah kepada insan-insan yang memerlukan serta meningkatkan amal ibadah kepada Allah.

b) Mengajak masyarakat memeriksa tahap iman diri sendiri

Sewaktu mensyarahkan hadith di dalam Kitab Imān, bāb Qawl al-Nabī Ṣallā Allāh ‘Alayh wa Sallam Bunyā Islām ‘alā Khams di bahagian ‘peringatan’,¹⁶⁹ Ustaz Abdul Halim al-Hadi memberi peringatan dengan mengajak para pembaca supaya memeriksa kembali tahap keimanan dengan menjadikan rasa ikhlas sebagai kayu pengukur iman mereka. Beliau menyebut:

Peringatan:

“Tiap-tiap seorang boleh menguji iman dirinya, jika didapati pada salah satu daripada ingatan, perkataan dan perbuatan dirinya belum ada rasa berikhlas kerana Tuhan, maka belumlah ada baginya darjat iman.”

c) Memberi peringatan tentang adab-adab ketika bertanya. Ketika mensyarah hadith di dalam bab *Man Su’ilā ‘Ilman wa Huwa Mushtaghil fī Hadīthihī Fa’ātamma al-Hadīth Thumma Ājāba al-Sā’il*, Ustaz Abdul Halim menyelitkan peringatan kepada pembaca tentang adab-adab yang perlu ada jika ingin bertanya kepada seseorang.

Berikut adalah penerangannya:

Keterangan:¹⁷⁰

- 1) Nabi membuat ajaran manakala seorang sedang bercakap atau bercerita janganlah disoal-soal berkenaan dengan hal yang lain.
- 2) Tidak menjadi hilang adab jika kita tidak mengindahkan soalan di waktu kita sedang bercerita-cerita, tetapi hendaklah disempurnakan kemudian daripada itu.
- 3) Hilang adab seseorang, jika ia bersoal kepada seorang yang sedang bercakap-cakap atau bercerita, melainkan perkara yang terpaksa.
- 4) Sebelum datang kiamat lebih dahulu didatangkan huru hara segala keadaan semuanya bertukar.
- 5) Berkenaan dengan hal kiamat, ada baginya ilmu.

¹⁶⁹ Abdul Halim al-Hadi, *Iḥām al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī Bahasa Melayu*, 1:24.

¹⁷⁰ Abdul Halim al-Hadi, *Iḥām al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, 2:7.

- d) Memberi kesedaran kepada masyarakat akan pentingnya solat berjemaah.

Di dalam bahagian ‘keterangan’ Ustaz Halim ada menyebut tentang hadith Nabi yang menuntut umatnya khususnya lelaki supaya memelihara solat berjemaah kerana ia sangat dianjurkan oleh Islam. Ini bertepatan dengan hadith Nabi SAW yang berbunyi:

باب وجوب صلاة الجمعة

((حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ يُوسُفَ، قَالَ: أَخْبَرَنَا مَالِكُ، عَنْ أَبِي الزِّنَادِ، عَنْ الْأَعْرَجِ، عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ: أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: وَالَّذِي نَفْسِي بِيَدِهِ لَقَدْ هَمَتْ أَنْ آمَرَ بِحَطَبٍ، فَيُحْطَبَ، ثُمَّ آمَرَ رَجُلًا فَيُؤْدَنَ لَهَا، ثُمَّ آمَرَ رَجُلًا فَيُؤْمَنَ النَّاسَ، ثُمَّ أَخَالَفَ إِلَى رِجَالٍ، فَأُخَرِقَ عَلَيْهِمْ بَيْوَاهُمْ، وَالَّذِي نَفْسِي بِيَدِهِ لَوْ يَعْلَمُ أَحَدُهُمْ، أَنَّهُ يَجِدُ عَرْقًا سَبَبِنَا، أَوْ مِرْمَاتَنِ حَسَنَتَنِ، لَشَهَدَ الْعِشَاءَ))

Terjemahan: Riwayat Abu Hurairah bahawa junjungan agung kita SAW bersabda: Demi Allah, sesungguhnya aku telah bercita-cita bahawa aku akan menyuruh mengadakan kayu api, sudah itu aku nanti suruh sembahyang (berjemaah) manapun sembahyang pun seperti Isya’, subuh atau jumaat dan lain-lainnya yang mana terlebih dahulunya tukang yang sedia memberi tahu (bang) kemudian aku nanti suruh seorang menjadi imam, selepas itu (manakala mereka sedang sembahyang) aku nanti cari siapakah lelaki yang tidak hadir berjemaah maka aku akan bakar rumah tangga mereka, sambung junjungan sallallahu ‘alaihi wasallam sabdanya: Demi Allah sesungguhnya kalau mengetahui oleh mereka yang mana tidak hadir berjemaah itu mereka akan dapat makan daging kambing (kurma) atau pun sup kaki kambing nescaya hadir mereka berjemaah.

Keterangan:¹⁷¹

- (1) Sekianlah rancangan pemimpin raya kita SAW yang membuktikan kasih mesra terhadap umatnya agar jangan terlepas dari peluang baik yang mengandungi hikmah yang amat berharga di bawah panji-panji berjemaah sebagaimana akan datang beritanya di dalam bab di bawah ini nanti. Tetapi sayang! Oleh sebab beku otak setengah-setengah dari umatnya maka sudah tentu mereka telah bersetaraf dengan ikan atau lain-lain binatang yang mana semata-mata pancing (kail) sahaja tak mahu dia menghampiri melainkan dengan diumpangkan umpamanya dengan seketul daging atau lain-lain.

¹⁷¹ Abdul Halim al-Hadi, *Iḥhām al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, 6:35-36.

4.5.4 Mensyarahkan Hadith Dengan Menggunakan Kaedah Soal Jawab

Adakalanya Ustaz Abdul Halim al-Hadi menggunakan kaedah soal jawab ketika mensyarahkan hadith. Kaedah ini digunakan untuk menarik minat serta menimbulkan tanda tanya kepada pembaca berkenaan isu-isu yang dikemukakan dalam hadith tersebut. Beliau akan mengemukakan isu dan kemudiannya akan menjawab persoalan tersebut secara langsung. Berikut adalah penerangannya:

Contoh :

Keterangan:¹⁷²

Bila Imam sembahyang duduk maknum pun kena sembahyang duduk? Maka di sini tuan-tuan pembaca yang terhormat hendaklah ketahui bahawa hukumnya demikian sudah *mansukh* ertinya sudah dibatalkan dengan hadith yang telah lalu iaitu hadith berkenaan sembahyang junjungan dewasa kesakitannya yang terus wafat yang mana junjungan sembahyang sambil duduk dan sahabat-sahabatnya bersembahyang berdiri belaka. Wallahu a'lam.

Contoh :

Keterangan:¹⁷³

Sungguhnya telah terdahulu dari bab ni bahawa Saidina Umar telah pun melarang Suhaib daripada menangis! Apakah ertinya dalam bab ini ia membenar pula perempuan-perempuan yang menangis atas kematian Khalid? Jawabnya bahawa di sana dia melarang Suhaib kerana dia berkhuatir takut Suhaib menangkat suaranya, sebab itu maka persabdaannya di sini biarlah selagi tidak terangkat suara (bertempik) wallahu a'lam.

4.5.5 Mensyarahkan Hadith Dengan Mengaitkan Kehidupan Masyarakat Melayu

Ustaz Abdul Halim al-Hadi adalah seorang yang berfikiran luas serta kreatif dalam memberi ilmu dan kefahaman kepada masyarakat. Antara teknik dan metodologi yang

¹⁷² Abdul Halim al-Hadi, *Ilhām al-Bārī Sharḥ Ṣahīḥ al-Bukhārī*, 6:82.

¹⁷³ Abdul Halim al-Hadi, *Ilhām al-Bārī Sharḥ Ṣahīḥ al-Bukhārī*, 10:48.

beliau gunakan dalam mensyarahkan hadith yang terdapat di dalam kitab *Sahīh al-Bukhārī*, beliau telah mengaitkan hadith-hadith yang berkenaan dengan isu-isu semasa atau keadaan masyarakat Melayu di zamannya. Antara contoh-contoh beliau mensyarahkan hadith dengan mengaitkan kehidupan masyarakat Melayu ialah:

Contoh :

باب إطعام الطعام من الإسلام
تُطْعِمُ الطَّعَامَ وَنَفِرًا السَّلَامَ عَلَى مَنْ عَرَفْتَ وَمَنْ لَمْ تَعْرِفْ

Terjemahan: Memberi makan makanan, dan mengucap salam kepada mereka yang kamu kenal dan kepada mereka yang kamu tidak kenal.

Hadith di atas menjelaskan bahawa Islam menuntut umatnya supaya bersedekah dengan cara memberi makan serta memberi ucapan salam ketika bertemu dengan orang yang dikenali mahu pun tidak dikenali. Bagi menjelaskan situasi yang berlaku di zamannya dengan hadith tersebut, beliau telah mengaitkan hadith ini dengan menyebut di dalam kitabnya:¹⁷⁴

Peringatan:

Di alam Melayu, adalah ucapan salam hanya diberati oleh sebahagian daripada pihak yang berkenal-kenalan dan peminta-peminta sedekah sahaja.

Contoh:

باب اتباع الجنائز من الإيمان

حَدَّثَنَا أَحْمَدُ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَلَيِّ الْمَنْجُوِيُّ قَالَ حَدَّثَنَا رَوْحٌ قَالَ حَدَّثَنَا عَوْفٌ عَنْ الْحَسِنِ وَمُحَمَّدٌ عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ مَنْ اتَّبَعَ جَنَازَةً مُسْلِمًا إِعْنَانًا وَاحْتِسَابًا وَكَانَ مَعَهُ حَتَّى يُصَلِّي عَلَيْهَا وَيَقْرُئَ مِنْ دُفْنِهَا فَإِنَّهُ يَرْجُعُ مِنْ الْأَجْرِ بِقِيراطَيْنِ كُلُّ أَحْدِي وَمَنْ صَلَّى عَلَيْهَا ثُمَّ رَجَعَ فَإِنَّهُ يَرْجُعُ بِقِيراطِ تَابِعَهُ عُثْمَانُ الْمُؤَذِّنُ قَالَ حَدَّثَنَا عَوْفٌ عَنْ مُحَمَّدٍ عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ عَنْ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ نَحْوَهُ

¹⁷⁴ Abdul Halim al-Hadi, *Illiham al-Bari Sharh Sahih al-Bukhari*, 1:29.

Terjemahan: “Siapa yang mengiringi jenazah Islam semata-mata beriman, berharap pahala terus sembahyang sampai dikebumikan, maka perkembaliannya berpahala 2 qirat tiap-tiap satu qirat seperti Bukit Uhud, tetapi siapa yang mengiring jenazah terus sembahyang, sebelum dikebumikan iapun kembali, maka perkembaliannya berpahala Cuma satu qirat sahaja, mengikut akan riwayat Ibn Uthmān al-Muazzin daripada ‘Auf, dari Muhammad, dari Abī Hurayrah, dari Nabi SAW betul-betul seperti hadith yang tersebut.”

Di dalam bab ‘*Mengiringi jenazah setengah daripada Iman*, Ustaz Abdul Halim al-Hadi ada menyebut tentang perihal sesetengah masyarakat Melayu yang menggunakan wang *mayyit* (si mati) untuk membuat kenduri di hari kematian *mayyit*. Beliau berkata:

“Suatu perkara yang sangat musykil, pada adat kematian orang Melayu tentang menghabiskan belanja mayyit sehingga berhutang berbaris, sungguhpun dituntut bersedekah, tetapi tidak ada nas yang menyuruh berlumuba-lumba membesar di waktu kematian itu, apakah lagi jika ditilik kepada orang-orang yang tidak sempurna hidupnya. Dan banyak pula peninggalannya menjadi anak-anak yatim, setelah berduka cita kerana kematian, berduka cita pula kerana perbelanjaan. Sungguh pun perkara ini segia sangat diperbaiki menurut perintah agama, kerana didapati kerapkali kematian si miskin tidak ramai orang-orang menziarahinya dan mengiringinya dan membuat sembahyang kepadanya, kerana apa, tak lain kerana tidak banyak wang, tidak banyak sahabat dan jadilah tidak banyak orang-orang yang meraikannya. Insaflah! Insaflah!!.¹⁷⁵

Berdasarkan hadith tersebut, Ustaz Abdul Halim al-Hadi telah memberi contoh permasalahan yang seringkali berlaku di dalam masyarakat Melayu iaitu menggunakan wang si *mayyit* untuk tujuan kenduri. Walaupun penerangan yang dibuat beliau tidak menjurus kepada maksud hadith yang disyarahkan, namun beliau cuba menonjolkan kepada pembaca bahawa Islam tidak menuntut umatnya untuk bersikap boros dan membelanjakan wang si mati sewenang-wenangnya terutama pada hari kematian si *mayyit*.

Contoh :

¹⁷⁵ Abdul Halim al-Hadi, *Ilhām al-Bārī Sharḥ Ṣahīḥ al-Bukhārī*, 1:70.

Lihat juga di dalam ‘*kitāb al-Wudū*’, *bab Sunat Membaca Bismillah Pada Sebarang Pekerjaan Meskipun Di Waktu Jimak*'.¹⁷⁶ Hadith tersebut adalah:

حَدَّثَنَا عَلِيُّ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ قَالَ حَدَّثَنَا جَرِيرٌ عَنْ مَنْصُورٍ عَنْ سَالِمٍ بْنِ أَبِي الْجَعْدِ عَنْ كُرَيْبٍ عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ يَبْلُغُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ لَوْ أَنَّ أَحَدَكُمْ إِذَا أَتَى أَهْلَهُ قَالَ بِاسْمِ اللَّهِ اللَّهُمَّ جَنِبْنَا الشَّيْطَانَ وَجَنِبْنَا الشَّيْطَانَ مَا رَزَقْنَا فَفُضِّيَّ بَيْنَهُمَا وَلَدٌ لَمْ يَصُورُهُ

Terjemahan: Riwayat Ibn ‘Abbās bahawa junjungan SAW bersabda: seorang dari kamu apabila datang ia kepada ahlinya (bersetubuh) hendaklah membaca: “Dengan nama Allah ya Tuhanmu jauhkanlah kami akan syaitan dan jauhkanlah syaitan dari barang (anak) yang Engkau rezekikan kami, sekiranya berhasil atau dapat itu anak tidaklah berupaya syaitan memberi mudarat akan dia.”

Bagi menjelaskan hadith di atas, Ustaz Abdul Halim al-Hadi telah memberi syarah di bahagian ‘keterangan’ dengan memberi contoh kepada masyarakat berkenaan hadith yang beliau syarahkan. Antara petikan daripada kata-kata beliau di dalam kitab *Ilhām al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī Bahasa Melayu* adalah:

Keterangan:¹⁷⁷

Perkara yang disunat Bismillah

Sungguhnya disunat Bismillah pada segala perkerjaan atau perbuatan yang tidak dipandang hina oleh syariat Islam. Dalam pada itu pun tempat dan masanya mesti diraikan, umpamanya menyapu sampah – menyuci longkang tidaklah disunat membaca Bismillah. Apatah lagi di dalam jamban, di tempat mandi, tempat berak, kencing atau sebagainya yang mana membawa kepada kehinaan syar ‘ie, sekalipun dipandang mulia oleh kemajuan tabi ‘ie seperti ditempat-tempat penghiburan, berjoget moden.. Yang demikian tak usahkan sunat harus pun tidak di dalam masa dan tempat yang tersebut..”

4.5.6 Menyelitkan Peribahasa Di Dalam Nasihat Dan Pengajaran Yang Berkaitan Dengan Syarahan Hadith

¹⁷⁶ Abdul Halim al-Hadi, *Ilhām al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, 1:84.

¹⁷⁷ Abdul Halim al-Hadi, *Ilhām al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, 2:85.

Antara teknik-teknik yang digunakan oleh Ustaz Haji Abdul Halim al-Hadi untuk menarik minat pemabaca mempelajari dan memahami kitab beliau ialah dengan menyelitkan peribahasa-peribahasa yang berunsur nasihat dan pengajaran. Antara peribahasa yang diberikan oleh beliau ialah:

- a) “Kalau tak boleh jadi garam jangan jadi lalat.”¹⁷⁸
- b) “Biar lambat asalkan selamat.”¹⁷⁹
- c) “Si bodoh makanan si cerdik.”¹⁸⁰
- d) “Jemu musuh masa, dan masa lebih berharga dari harta.”¹⁸¹

Contoh:

حَدَّثَنَا سَعِيدٌ بْنُ يَحْيَى بْنُ سَعِيدٍ الْعَرْشِيُّ ، قَالَ: حَدَّثَنَا أَبُو بُرْدَةَ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ أَبِي بُرْدَةَ، عَنْ أَبِي بُرْدَةَ، عَنْ أَبِي مُوسَى رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، قَالَ: قَالُوا يَا رَسُولَ اللَّهِ، أَيُّ الْإِسْلَامَ أَفْضَلُ؟ قَالَ: «مَنْ سَلَمَ الْمُسْلِمُونَ مِنْ لِسَانِهِ، وَيَدِهِ

¹⁸²

Terjemahan: Beberapa orang sahabat telah bertanya: Hai Rasulullah, bagaimakah orang Islam yang paling utama, jawabnya; mereka yang sanggup mengawali kesejahteraan Islam orang ramai dan memelihara daripada perbuatan yang menjadikan menyakiti, dari kerana lidahnya dan tangannya.

Selain daripada menerangkan maksud hadith, Ustaz Abdul Halim al-Hadi mensyarahkan hadith tersebut dengan mengaitkan peribahasa sebagai nasihat dan pengajaran yang berkaitan dengan syarah hadith. Antara keterangan yang dijelaskan oleh beliau di dalam kitab *Ilhām al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī Bahasa Melayu* adalah:

Keterangan:

Adalah setinggi-tinggi sifat Islam ialah sifat mensejahterakan diri dan orang ramai.”

Isyaratnya:

¹⁷⁸ Abdul Halim al-Hadi, *Ilhām al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, 1:28.

¹⁷⁹ Abdul Halim al-Hadi, *Ilhām al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, 1:12.

¹⁸⁰ Abdul Halim al-Hadi, *Ilhām al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, 1:39.

¹⁸¹ Abdul Halim al-Hadi, *Ilhām al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, 1:64.

¹⁸² Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, Kitāb al-Īmān, Bāb Ay al-Islām Afḍal, no. hadith 11. Lihat Abū ‘Abdillah Muḥammad bin Ismā‘īl al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* (Beirut: Dār al-Fikr, 2007), 23.

Islam agama yang mengutamakan pekerjaan mengawali kesejahteraan diri dan umatnya, samada dari perbuatan sama sendiri dan lebih-lebih lagi dari perbuatan orang-orang lain.

Peringatan:

Kalau tak boleh jadi garam jangan jadi lalat.¹⁸³

Maksud peribahasa diatas lebih kurangnya begini. Jikalau tidak mampu menjadi garam yang memasinkan ikan, jangan pula menjadi seperti seekor lalat yang merosakkan. Kaitan di antara peribahasa tersebut dengan hadith yang dinyatakan ialah, jadilah manusia yang memberi kesejahteraan kepada orang ramai dan bukannya menyakiti mereka melalui lisan dan perbuatan.

Contoh:

حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ الْمَوْلَى، حَدَّثَنَا يَحْيَى، عَنْ هِشَامٍ، قَالَ: أَحْبَرَنِي أُبَيُّ، عَنْ عَائِشَةَ، أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ دَخَلَ عَلَيْهَا وَعِنْدَهَا امْرَأَةٌ، قَالَ: مَنْ هَذِهِ؟ قَالَتْ: فُلَانَةُ، تَدْكُنُ مِنْ صَلَاتِهَا، قَالَ: مَهْ، عَلَيْكُمْ بِمَا تُطِيقُونَ، فَوَاللَّهِ لَا يَكُلُّ اللَّهُ حَكَّيَ تَمُّلُوا وَكَانَ أَحَبُّ الدِّينِ إِلَيْهِ مَا دَارَ عَلَيْهِ صَاحِبُهُ

Terjemahan: Bahawa Nabi SAW masuk dibiliknya, maka seorang perempuan ada bersama-sama siti ‘Āishah, junjungan bertanya siapa ini? Siti ‘Āishah menjawab si anu, terus Siti ‘Āishah bercerita berkenaan dengan sembahyang perempuan itu sekian-sekian banyaknya, maka dengan serta merta Nabi SAW melarangi- ujarnya jangan kamu buat macam itu, mesti kamu beramat ibadah sekadar kuasa sahaja. Jangan melampau-lampau banyak, tidak membawa kepada kemajuan nanti. Maka demi sesungguhnya Allah tidak jemu memberi pahala, melainkan kamu sahaja yang jemu beramat, dan adalah sekasih-kasih amal kepada Allah amalan yang berkekalan sekali pun sedikit.

Berdasarkan hadith di atas, Ustaz Abdul Halim al-Hadi telah menjelaskan hadith tersebut di bahagian ‘keterangan’, ‘isyaratnya’ dan ‘peringatan.’

Keterangan:

Dilarang melebih-lebihi ibadah, yang tidak memperoleh kebolehan diri, kerana yang demikian takut membawa jemu. Dan dituntut dengan pertengahan sahaja supaya berkekalan amalannya, kerana tidak mustahil adanya beberapa banyak amalan yang berdikit sampai membawa mati. Dan

¹⁸³ Abdul Halim al-Hadi, *Ilhām al-Bari Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī Bahasa Melayu*, 1:28.

amalan yang dihabiskan serentak semua kekuatannya telah kecewa, terus meninggal.

Isyaratnya:

Jemu musuh masa, dan masa lebih berharga daripada harta.

Peringatan:

Jangan dipenuhkan di dalam semua masa untuk beribadah, tetapi boleh diberi semua harta kerana untuk Tuhan.

Di bahagian ‘isyarat’, pengarang kitab ini telah menyelitkan peribahasa yang berkaitan dengan hadith yang disyarah dari *Sahīh al-Bukhārī*. Ustaz Abdul Halim al-Hadi menasihatkan pembaca agar tidak melakukan ibadah melebihi kemampuan diri kerana ianya akan menjadikan seseorang itu mudah jemu serta tidak istiqamah. Beliau juga mengingatkan bahawa sesungguhnya masa adalah lebih berharga daripada harta.

3.7 Penutup

Berdasarkan kajian dan penilaian yang dibuat, dapat dirumuskan bahawa Ustaz Abdul Halim al-Hadi telah mensyarahkan kitab *Ilhām al-Bārī Sharḥ Sahīh al-Bukhārī Bahasa Melayu* dengan mengemukakan beberapa metodologi beliau dalam mensyarah hadith-hadith *Sahīh al-Bukhārī*. Penulis melihat pengarang kitab ini, cuba menyampaikan *Sahīh al-Bukhārī* dalam bentuk yang lebih mudah, ringkas dan santai kepada para pembaca dengan harapan ianya dapat membantu masyarakat memahami dan mendalami hadith Nabi SAW dengan lebih mudah khususnya hadith-hadith dari kitab *Sahīh al-Bukhārī*.

BAB LIMA

PENUTUP

5.1 Pendahuluan

Bab ini merupakan bab terakhir di dalam kajian penulis. Di dalam bab ini penulis mengemukakan hasil kajian serta kesimpulan daripada kajian yang dilakukan. Di akhir bab ini juga, penulis membentangkan cadangan dan saranan yang dapat diambil oleh individu yang berkenaan dalam usaha penambahbaikan terhadap penulisan dan penghasilan karya-karya hadith di masa akan datang.

5.2 Hasil Kajian

Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh penulis, dapatlah dikatakan bahawa kitab *Ilhām al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī Bahasa Melayu* adalah merupakan sebuah kitab syarah hadith yang mensyarahkan hadith-hadith *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Penulis mendapati bahawa Ustaz Abdul Halim al-Hadi telah melakukan pensyaraahan terhadap hadith-hadith *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* dengan menggunakan beberapa metodologi dalam mensyarah hadith.

Ustaz Abdul Halim al-Hadi mensyarah hadith-hadith *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* secara ringkas sahaja. Beliau tidak menghuraikan hadith yang disyarah dengan panjang lebar serta kurang membuat perbahasan dari sudut bahasa dan lain-lain. Pengarang kitab ini juga menjadikan kitab *Fatḥ al-Bārī* dan *Irshād al-Sārī* sebagai rujukan utama dalam syaraahan beliau.

Dari aspek metodologi syaraahan hadith, penulis mendapati Ustaz Abdul Halim al-Hadi menggunakan metode *Ijmālī* dalam pensyaraahan beliau. Penulis mengatakan

demikian kerana pengarang kitab *Ilhām al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī Bahasa Melayu* ini tidak mensyarah hadith secara *tahlīlī* (terperinci) dan syaranan yang dilakukan agak mendatar. Metode yang dikatakan bersifat *tahlīlī*, biasanya menghuraikan segala aspek yang terkandung di dalam hadith serta menerangkan makna-makna yang tercakup di dalamnya sesuai dengan kecenderungan dan kepakaran pensyarah hadith. Hadith yang disyarah mengikut metode ini kebiasaannya membahaskan latar belakang sebab turunnya hadith, kaitan hadith tersebut dengan hadith yang lain, pendapat-pendapat ahli hadith termasuklah para sahabat Nabi, *tābi‘īn* dan *tābi‘ītābi‘īn* tentang kefahaman hadith tersebut dan lain-lain lagi. Namun, aspek-aspek penting ini tidak dibahas di dalam kitab *Ilhām al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī Bahasa Melayu*. Metode *Ijmālī* yang diaplikasikan oleh Ustaz Abdul Halim al-Hadi ini, tidak memberi ruang yang cukup buat beliau untuk mengemukakan pendapat beliau secara peribadi.

Ustaz Abdul Halim al-Hadi juga tidak mengaplikasikan metode *muqāran* ketika mensyarah hadith *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Walaupun beliau membawakan dalil-dalil al-Qur'an dan al-Hadith ketika mensyarah hadith, namun ianya tidaklah bersifat *muqāran* atau dilakukan perbandingan di antara hadith yang disyarah dengan hadith yang lain. Begitu juga ketika mengemukakan pendapat-pendapat ulama sebagai hujah dan dalil, Ustaz Halim hanya membawakan pendapat tersebut tanpa membuat sebarang perbandingan.

Antara sumber-sumber terpenting dalam mensyarahkan hadith ialah menjadikan al-Qur'an dan al-Hadith sebagai sumber pendalilan. Ustaz Abdul Halim al-Hadi turut menggunakan metode ini, iaitu menjadikan al-Qur'an dan al-Hadith sebagai dalil penghujahan dan dalil penyokong kepada syaranan yang dibuat oleh beliau. Penggunaan ayat-ayat al-Qur'an juga turut digunakan oleh beliau bagi menguatkan lagi hujah terhadap tajuk yang dibahaskan. Begitu juga dengan syaranan terhadap beberapa hadith

yang dibincangkan, walaupun perbahasannya tidaklah menyeluruh namun syarah yang dibuat oleh beliau mempu membantu menjelaskan maksud sebenar sesebuah hadith. Hadith-hadith yang dijadikan hujah di dalam kitab *Ilhām al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī Bahasa Melayu* turut diambil dari kitab *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Akan tetapi, dari sudut penggunaannya tidaklah begitu banyak berbanding kitab-kitab syarahan lain. Ini kerana kitab *Ilhām al-Bārī Syarḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī Bahasa Melayu* tidak sempat diselesaikan dengan sempurna dalam mensyarahkan hadith-hadith *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Beliau juga dilihat cenderung mengemukakan perbahasan fiqh serta adakalanya membahaskan hadith-hadith hukum dengan menukilkan pendapat-pendapat ulama' terutamanya mazhab Shāfi‘ī.

Pendekatan yang digunakan oleh Ustaz Haji Abdul Halim al-Hadi dalam mengarang kitab syarah hadith adalah sesuai untuk dijadikan bahan bacaan buat masyarakat Melayu. Beliau banyak menggunakan pendekatan berunsur kemasyarakatan dengan menjadikan suasana kehidupan masyarakat Melayu sebagai sumber syarahan dalam kitab beliau.

Dari sudut pengaplikasian hadith *Riwayah* di dalam kitab *Ilhām al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī Bahasa Melayu*, Ustaz Abdul Halim al-Hadi kurang membincangkan aspek sanad atau perawi hadith. Begitu juga dengan ilmu hadith *Dirāyah*, penulis mendapati bahawa Ustaz Abdul Halim al-Hadi mensyarah hadith berdasarkan nas-nas zahir sesebuah hadith mengikut syarahannya atau melalui rujukan beliau terhadap kitab-kitab lain seperti *Fath al-Bārī* karangan Ibn Hajar al-‘Asqalānī, dan *Irshād al-Sārī* oleh al-Qaṣṭalānī. Ketika mensyarahkan hadith dengan hadith, beliau juga tidak menyatakan darjat sesebuah hadith, atau ‘Azw al-Hadīth. Perbahasan beliau lebih tertumpu kepada *fiqh al-hadīth* dalam mensyarah hadith *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*.

Ustaz Abdul Halim al-Hadi berjaya mempersembahkan *fiqh al-hadīth* di dalam penulisannya. Penulis mendapati pengarang kitab ini telah menggunakan beberapa kaedah dalam mensyarahkan hadith *Sahīh al-Bukhārī*. Antara metodologi beliau dalam *fiqh al-hadīth* adalah menjelaskan makna hadith dengan contoh-contoh yang mudah difahami, mensyarahkan hadith dengan terperinci (panjang lebar), menyelitkan unsur-unsur nasihat dan peringatan dalam syarahan hadith, mensyarahkan hadith dengan menggunakan kaedah soal jawab, mensyrahkan hadith dengan mengaitkan kehidupan masyarakat Melayu, dan menyelitkan peribahasa di dalam nasihat dan pengajaran yang berkaitan dengan syarahan hadith.

Dalam mensyarahkan hadith yang berkaitan dengan akidah, penulis mendapati Ustaz Abdul Halim al-Hadi tidak menyentuh perbahasan akidah bersandarkan manhaj ahli sunnah wa al-jamaah. Ini kerana beliau sempat menyentuh perbincangan 23 fasal (*kitāb*) sahaja di dalam *Sahīh al-Bukhārī* yang keseluruhannya adalah hadith-hadith hukum.

Ustaz Abdul Halim al-Hadi dilihat sering membawakan kisah-kisah para Nabi atau para sahabat mahu pun tābi‘īn ketika mensyarah hadith. Akan tetapi, tidak pula dinyatakan sumber rujukan kisah-kisah sejarah tersebut diambil.

Dari aspek perbahasan fiqh dan usul fiqh pula, penulis mendapati bahawa Ustaz Abdul Halim al-Hadi turut mengemukakan pendapat mazhab-mazhab besar seperti Mālikī, Hanbalī, dan Hanafī. Ketika membahas hadith-hadith hukum, beliau akan mengemukakan pendapat-pendapat mazhab lain serta menyertakan sekali pendapat dari mazhab Shāfi‘ī. Dan dari segi pegangan mazhab, Ustaz Abdul Halim al-Hadi berpegang kepada mazhab Shāfi‘ī iaitu mazhab yang dipegang oleh majoriti masyarakat Islam Malaysia.

Sebagai rumusannya, penulis mendapati bahawa Ustaz Abdul Halim al-Hadi telah mensyarahkan kitab *Ilhām al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī Bahasa Melayu* dengan mengemukakan beberapa metodologi beliau dalam mensyarah hadith-hadith *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Pengarang kitab ini cuba menyampaikan *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* dalam bentuk yang lebih mudah, ringkas dan santai kepada para pembaca dengan harapan ianya dapat membantu masyarakat memahami dan mendalami hadith Nabi SAW dengan lebih mudah khususnya hadith-hadith dari kitab *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*.

5.3 Cadangan dan Saranan

Kitab *Ilhām al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī Bahasa Melayu* merupakan sebuah kitab syarah hadith yang besar nilainya pada masyarakat Melayu di zaman ini. Hal ini kerana, kitab yang mensyarahkan hadith-hadith *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* dalam bahasa Melayu amat berkurangan jika dibandingkan dengan kitab-kitab syarah hadith dan terjemahan dalam bahasa Arab. Oleh yang demikian, para pengkaji dan pensyarah hadith masa kini perlulah lebih pro-aktif serta produktif dalam menghasilkan karya-karya syaranan mahu pun terjemahan agar usaha pensyaranan kitab-kitab hadith ini tidak terhenti begitu sahaja. Penguasaan pelbagai bidang ilmu agama dapat membantu pensyarah hadith menghasilkan karya-karya yang bermutu tinggi, serta dapat memberi sumbangan dan manfaat kepada masyarakat khususnya umat Islam di Malaysia.

Masyarakat hari ini perlu bersungguh-sungguh dalam menimba ilmu agama khususnya ilmu hadith supaya dapat sama-sama menyumbang idea dan tenaga dalam memelihara kesucian hadith Nabi SAW daripada sebarang penyelewangan oleh mereka yang tidak bertanggungjawab. Kebolehan menulis serta memiliki kepakaran dalam menguasai ilmu berkaitan hadith dan ‘ulum hadith dan beberapa cabang ilmu yang lain

dapat membantu pengkaji atau para pensyarah hadith menghasilkan karya-karya syarah hadith disamping merancakkan lagi karya-karya syaranan yang sedia ada pada masa kini. Antara cadangan dan saranan penulis kepada pihak-pihak yang berkenaan adalah seperti berikut:

5.3.1 Bahagian Penerbitan atau Pihak yang Berkenaan

- 1) Melakukan pemurnian dan penilaian semula terhadap kitab-kitab turath supaya ilmu yang disebarkan adalah benar dan tepat. Usaha ini perlu dilakukan oleh para pengkaji kitab-kitab turath khususnya kitab jawi lama yang memiliki kemahiran dan pengetahuan yang mendalam dalam bidang berkaitan. Antara usaha-usaha yang boleh dilakukan oleh para pensyarah dan pengkaji kitab hadith adalah seperti berikut:
 - a) Meneruskan usaha yang telah dilakukan oleh Ustaz Abdul Halim al-Hadi iaitu mensyarahkan kesemua hadith-hadith yang terdapat di dalam *Sahīḥ al-Bukhārī*.
 - b) Menterjemahkan semula kitab *Ilhām al-Bārī Sharḥ Sahīḥ al-Bukhārī Bahasa Melayu* ke bahasa Melayu moden dengan membuat penambahbaikan terhadap isi-isi kandungan dari kitab asal serta menambah syaranan dengan lebih terperinci.
- 2) Mengkekalkan metodologi penulisan di dalam kitab *Ilhām al-Bārī Sharḥ Sahīḥ al-Bukhārī Bahasa Melayu*. Ini bagi memelihara keaslian kitab *Ilhām al-Bārī Sharḥ Sahīḥ al-Bukhārī Bahasa Melayu* yang dikarang oleh Ustaz Abdul Halim al-Hadi. Pengkaji atau pentahqiq kitab boleh membuat penambahan syaranan di ruangan khas dengan menyatakan ‘keterangan tambahan’. Seterusnya melakukan syaranan hadith

terhadap hadith-hadith yang belum disyarahkan oleh pengarang asal kitab dengan syarahan tersendiri.

- 3) Mengumpul para pengkaji kitab serta cendiakawan-cendiakawan Islam yang mempunyai kepakaran dalam pelbagai bidang terutamanya dalam bidang hadith dan beberapa bidang lain supaya dapat menyambung kembali usaha mensyarah hadith-hadith *Sahīḥ al-Bukhārī* dalam bahasa Melayu. Usaha ini perlu diberi perhatian dan dijalankan oleh pihak-pihak berkenaan supaya masyarakat Melayu khususnya dapat memahami dan mengaplikasi sunnah-sunnah Rasul dalam kehidupan seharian mereka.
- 5) Mendapatkan bantuan dan sokongan daripada Jabatan Agama Islam Negeri atau Jabatan Agama Islam Malaysia (JAKIM) untuk menerbitkan semula karya yang telah ditahqiq atau diterjemahkan ke bahasa Melayu moden untuk disebarluaskan kepada masyarakat Malaysia amnya supaya dapat sama-sama mengambil manfaat yang besar dari karya *Ilhām al-Bārī Sharḥ Sahīḥ al-Bukhārī Bahasa Melayu* ini.

5.3.2 Institusi Pengajian Tinggi

- 1) Menjadikan matapelajaran hadith sebagai matapelajaran teras bagi setiap Institusi Pengajian Tinggi. Ini kerana, ilmu hadith sangat berkait rapat dengan kehidupan kita memandangkan Rasulullah SAW itu adalah utusan Allah kepada manusia. Tidak wajar jikalau pelajar hanya pakar atau menguasai satu bidang sahaja walhal ilmu hadith dapat membimbing manusia menjadi muslim yang beriman dan bertakwa. Selain daripada menjadikan al-Qur'an sebagai rujukan dalam kehidupan,

hadith turut berperanan sebagai pelengkap kepada kehidupan manusia kerana ianya merupakan penghurai, penjelas dan penerang kepada al-Qur'an.

5.3.3 Perpustakaan Universiti Malaya dan Perpustakaan Awam

Penulis menyarankan agar pihak berkenaan menyediakan lebih banyak lagi kitab-kitab turath sebagai bahan rujukan agar kitab ini tidak diabaikan begitu sahaja. Ini dapat memberikan pendedahan dan galakkan kepada pelajar-pelajar supaya mengenal kitab-kitab turath yang dihasilkan oleh ulama-ulama silam disamping menarik minat mereka untuk mempelajari dan mendalami ilmu hadith.

5.4 Penutup

Semoga dengan terhasilnya kajian ini, dapat memberikan maklumat dan panduan kepada para pembaca berkenaan metodologi penulisan Ustaz Abdul Halim al-Hadi dalam kitab *Ilhām al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Selain itu, pembaca juga dapat mengenali tokoh yang dikaji oleh penulis dengan lebih dekat disamping mengenali karya beliau dalam bidang syarah hadith, iaitu sebuah kitab yang mensyarahkan hadith-hadith dari kitab *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Penulis juga mengharapkan agar kajian ini mendapat perhatian sewajarnya daripada pihak berkenaan dalam memelihara khazanah karya-karya turath ini agar tidak hilang ditelan zaman.